

Amanah

UNTUK AHLI SAHAJA



Pas sahkan Hamka ahli parti itu yang keluar Amanah → ms9



Sekarang masa lawan rasuah bukan ditipu 13 Mei → ms2



KONGRES

ANAK MUDA MALAYSIA 201

Anwar hargai usaha anak muda tegak keadilan → ms8

Lepas semua jawatan politik di Kelantan

PKR BERPRINSIP

PKR disifatkan sebagai sebuah parti yang berprinsip apabila melepaskan semua jawatan politik yang mereka pegang di negeri yang diperintah oleh Pas iaitu Kelantan selepas parti itu memutuskan hubungannya dan mendakwa PKR pengkhianat.

➔ Lihat muka 8



Dr Wan Azizah mengumumkan arahan agar semua pemegang jawatan lantikan politik di Kelantan melepaskan jawatan masing-masing. Keputusan dicapai dalam mesyuarat Biro Politik PKR 16 Mei lalu.

DR. OLIVE BODY CARE

PROMOSI
0124902861
untuk urusan pembelian
DAPATKAN SEGERA

Natural Safe Effective

SABUN KOPI (SKRUB) RM 24.90	SABUN LOOFAH LAVENDER LEMON RM 24.90	SUNSCREEN (CREAM) RM 20.90	DEODORANT (CREAM) RM 20.90	SERUM RM 34.90

UNTUK MAKLUMAT LANJUT <https://drolivebodycare.wixsite.com/drolivebodycare>

Sekarang masa **lawan rasuah** bukan ditipu 13 Mei

Oleh **NAZRI ABDULLAH**

Parti Amanah Negara (AMANAH) membidas pihak-pihak yang mengeksploitasi sejarah hitam tragedi 13 Mei yang dikaitkan dengan pertembungan kaum sebagai senjata untuk terus mengekalkan kuasa pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) akan datang.

Malah, Presiden AMANAH Mohamad Sabu berkata, adalah lebih malang apabila ada parti Islam turut termakan propaganda jahat yang didalangi Umno BN itu sehinggakan rela bersekongkol dengan mereka.

"Tiba-tiba parti lama saya dulu Pas nak berbaik dengan (Datuk Seri) Najib. Saya hairan atas isu apa sebab bukan nak selamatkan Malaysia tapi

nak selamatkan Najib.

"Ya saya akui ada hujah selepas peristiwa 13 Mei kita perlu bersama untuk membina semula Malaysia. Tapi sekarang 13 Mei tidak lagi berlaku malah isu besar sekarang adalah rasuah.

"Presiden Pas sebut pilihan raya akan datang undi Umno atau Pas, ini sudah kerjasama. Untuk apa, untuk menyelamatkan



orang yang telah melingkupkan Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ceramah Selamatkan Malaysia di Lembah Pantai 14 Mei lalu.

Turut serta pada majlis itu Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) Tun Dr Mahathir Mohamad serta Naib Presiden Keadilan Nurul Izzah Anwar.

Mengulas lanjut Mohamad berkata, isu perkauman dan agama sememangnya menjadi senjata Umno untuk menakutkan orang Melayu sekaligus untuk mengekalkan kuasa parti itu.

Sedangkan kata Mohamad, isu itu sengaja

dibangkitkan Umno BN demi menyembunyikan segala salah laku, rasuah dan penyelewengan yang telah dilakukan oleh pemimpin mereka sehingga negara dalam keadaan tenat dari segenap sudut ketika ini dan rakyat menjadi mangsa.

"Saya ada kebimbangan sebab Umno BN main isu agama, kaum kuat sekali. Kalau kita PH dan NGO yang bersama kita terlibat mainkan isu ini juga, maksudnya kita sedang bantu Umno BN untuk terus kekal berkuasa," tegasnya.

PAS PATUT MALU DI SELANGOR

Mengulas isu kedudukan tiga

exco Pas dalam kerajaan negeri Selangor selepas Majlis Syura Pas memutuskan hubungan dengan Keadilan, Mohamad berkata Pas sebagai sebuah parti Islam harus menunjukkan integriti dan menjaga maruah mereka.

"Bila muktamar tahun 2015 Pas putus hubungan dengan Dap tanpa bahas, saya hari tu juga umum letak jawatan sebagai ahli lembaga pengarah bekalan air Pulau Pinang kerana saya dilantik ketika saya timbalan presiden Pas.

"Ini (Pas) umum talak tiga tapi duduk serumah. Ini macam tak ada maruah langsung, tidur sekatil lagi. Dah umum bercerai, berpisah lah. Bercerai dengan semua orang tapi duduk dalam rumah tu jugak, malu lah," katanya.

Abdul Hadi selamat jalani pembedahan, Tuan Ibrahim pangku tugas

PRESIDEN Pas Datuk Seri Abdul Hadi Awang selamat menjalani pemindahan pengantian injap di Institut Jantung Negara (IJN) 16 Mei lalu dan tugasnya kini dipangku oleh timbalannya Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man.

"Saya kini memangku tugas beliau," kata Tuan Ibrahim kepada media selepas bertemu dengan Hadi sebelum pembedahan dibuat.

Abdul Hadi menjalani pembedahan selepas mengalami peningkatan gejala disebabkan oleh injap jantungnya bocor.

Keadaan ini telah menjejaskan aktiviti hariannya, maka doktor menasihati agar pembedahan injap jantung dilakukan, kata satu kenyataan dari IJN.

"Pada masa ini Datuk Seri Abdul Hadi dirawat di Unit Rawatan Rapi

IJN di mana keadaannya akan dipantau untuk beberapa hari akan datang sebagai sebahagian dari rutin pembedahan jantung.

"Jangka waktu 48jam akan datang adalah tempoh yang penting dalam penjagaan selepas pembedahan, dan beliau akan berada di bawah pemerhatian rapi sepasukan doktor dan jururawat di Unit Rawatan Rapi," ujar kenyataan

IJN petang Selasa lepas.

Hadi telah menjalani pembedahan jantung pada awal pagi Selasa selama tiga jam yang dilakukan oleh panel yang diketuai oleh Perunding Kanan Kardiotorasik Datuk Seri Dr Mohd Azhari Yakub, Ketua Pegawai Eksekutif IJN, Datuk Seri Dr Jeffrey Jeswant Dillon yang juga Ketua Pembedahan Kardiotorasik dan Datuk Dr Suhaini

Kadima, Timbalan Ketua Jabatan Anestesiologi.

"Di kalangan doktor melahirkan rasa gembira kerana pembedahan berlansung seperti yang dijangkakan dan parameter penting beliau setakat ini adalah stabil dan telah menasihati supaya Datuk Seri Abdul Hadi tidak menerima pelawat kecuali ahli keluarga terdekat," ujar kenyataan IJN itu.

Rakyat akan tentukan logo Pakatan Harapan

RAKYAT negara ini akan menentukan apakah logo Pakatan Harapan (PH) yang mereka mahu. Ia akan ditentukan oleh mereka dengan cara membuat pilihan dari 10 logo yang telah senarai pendek dari 330 cadangan logo yang diterima.

Majlis Setiausaha PH Selasa 16 Mei lepas mengumumkan sebanyak 10 logo Pakatan Harapan telah dipilih daripada 330 penyertaan di seluruh negara.

Ketua Setiausaha PH Datuk Saifuddin Abdullah berkata, PH telah membuka penyertaan untuk mencipta logo PH April lalu dan telah mendapat sambutan menggalakkan daripada pelbagai lapisan masyarakat.

"Kami telah menerima pelbagai logo dari lapisan masyarakat termasuk perkebentuk profesional dan ada yang kirimkan logo beserta

dengan proposol termasuk rekaan t-shirt, bendera untuk bahan-bahan kempen pilihan raya," ujarnya dalam sidang media diadakan di ibu pejabat PKR di Petaling Jaya.

"Kami sangat terkesan kerana ada juga di kalangan yang menghantar itu menyatakan kesediaan mereka untuk membantu kami dalam kerja pilihan raya nanti.

"Jika ada keperluan untuk reka-bentuk manifesto dan bahan kempen secara sukarela mereka bersedia untuk membantu kami, teima kasih dan kami terharu dengan sokongan dan dokongan itu.

"Kami akan memilih 10 logo dan ia akan dipaparkan kepada khalayak dilaman sesawang rasmi Pakatan Harapan beberapa hari lagi untuk mendapat maklumat balas khalayak kesesuaian logo Pakatan Harapan," ujarnya.

Saifuddin berkata daripada

10 logo tersebut Majlis Presiden Pakatan Harapan akan memilih antara yang terbaik menjadi pilihan khalayak sebagai logo rasmi Pakatan Harapan yang akan diumumkan secara rasmi nanti.

Ditanya bilakah waktu sesuai

Pakatan Harapan akan mendaftarkan logo kepada Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (RoS) Saifuddin berkata, ia hanya dilakukan setelah pemilihan logo di mukatamadkan.

Turut hadir dalam sidang media

Majlis Setiausaha Pakatan Harapan antaranya dari Amanah diwakili Mohd Anuar Tahir, Khalid Samad dan Abang Ahmad Kerdee, dari PKR Dr Syed Ibrahim Syed Noh, Dr Rais Husin dari Bersatu, Liew Chin Tong dan Teresa Kok dari DAP.



AG perkecil siasatan SRC

Oleh HAZAYANI ZAKARIA
Foto WAN ZAHARI SALLEH

KUALA LUMPUR: AMANAH kesal dengan sikap Peguam Negara Tan Sri Apandi Ali yang seolah-olah memperkecil siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ke atas bekas anak syarikat 1MDB, SRC International (SRC).

Timbalan Presidennya Salahuddin Ayub bimbang sikap Apandi itu akan menggagalkan lagi siasatan ke atas SRC.

"Saya kesal bagaimana terdapat kenyataan yang sangat tidak sesuai bagi seorang Peguam Negara yang seolah-olah ingin memperkecil isu siasatan SPRM terhadap SRC.

"Sebaliknya beliau berkata isu Pulau Batu Puteh lebih penting dalam menjawab soalan wartawan yang meminta pandangan beliau terhadap isu penyiasatan SRC.

"Peguam Negara memberi satu respons yang bukan sahaja tak jawab soalan tapi cuba mengalihkan perhatian rakyat terhadap Pulau Batu Puteh yang dibawa ke ICJ,"



Salahuddin kesal dengan sikap Peguam Negara memperkecil siasatan SPRM ke atas SRC.

ujarnya dalam sidang media di Wisma Amanah Negara, baru-baru ini.

Sikap yang ditunjukkan Peguam Negara itu, tambah beliau membimbangkan kerana hasil siasatan SPRM akan diserahkan kepada Pejabat Peguam Negara bagi

proses pendakwaan.

Sebelum ini, Apandi memberi tempoh sebulan kepada SPRM untuk melengkapkan siasatan terhadap kes aliran wang dari SRC International.

Apandi bagaimanapun enggan mengu-

las mengenai kandungan didedahkan blog SPRM Insider yang mendakwa dana SRC itu turut disalurkan ke beberapa individu serta syarikat yang dikaitkan dengan Umno.

Apandi juga berkata, orang ramai patut lebih bimbang mengenai isu Pulau Batu Puteh yang dipertikaikan di peringkat antarabangsa.

Beliau sebelum itu turut memberikan perkembangan terkini mengenai pertikaian berkenaan.

"Jika anda benar-benar rakyat Malaysia, anda patut menulis lebih banyak mengenai Pulau Batu Puteh. Itu untuk negara," katanya.

Justeru, Salahuddin berkata, Pakatan Harapan akan berjuang untuk memberi kuasa penuh kepada SPRM melakukan pendakwaan dalam penyiasatan kes rasuah.

Beliau berkata, agenda itu akan dimasukkan ke dalam manifesto Pakatan Harapan.

"Antara reform yang akan diperkenalkan yang akan diletakkan dalam manifesto Pakatan Harapan, kita akan memperjuangkan atau memelihara integriti sistem pengasingan kuasa dalam negara.

"Pakatan Harapan akan bawa cadangan membawa hak pendakwaan kepada SPRM kerana akhirnya SPRM menghadapi masalah tidak dibenarkan Peguam Negara untuk bawa kes ini untuk didakwa," katanya.

Majlis Setiausaha PH desak Pandikar letak jawatan

PETALING JAYA: Majlis Setiausaha Pakatan Harapan mendesak Speaker Dewan Rakyat Tan Sri Pandikar Amin Mulia untuk melepaskan jawatan kerana gagal melaksanakan reformasi institusi Parlimen.

Menurut Ketua Setiausaha Pakatan Harapan Datuk Saifuddin Abdullah, tindakan Pandikar menolak cadangan beberapa sistem Jawatankuasa Pilihan Parlimen dan kecenderungan Pandikar untuk kembali membabitkan diri dalam politik, membayangkan beliau tidak lagi bebas daripada kehendak kerajaan dan tidak lagi dianggap berkesan sebagai Speaker Dewan.

"Pembaharuan institusi yang paling penting telah ditolak Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Zahid Hamidi, iaitu sistem Jawatankuasa Pilihan Parlimen.

"Semasa Tan Sri Pandikar jadi Speaker ada dua perkara yang telah berjaya dilakukannya iaitu wujudkan Kamar Khas (Second Chamber) dan Waktu Pertanyaan Menteri

kepada Perdana Menteri.

"Tetapi ada sedozen lagi permintaan daripada proposal kami yang ditolak," ujarnya.

Sidang media itu turut dihadiri Ketua Penerangan Keadilan Syed Ibrahim Syed Noh, Ahli Parlimen Shah Alam Khalid Samad, Ahli Parlimen Kluang Liew Chin Tong dan Ahli Majlis Pimpinan Tertinggi Bersatu Dr Rais Hussin.

"Juga ditolak Jawatankuasa Menimbang Rang Undang-undang kerana akan ada kelewatan dalam proses pengubalan Rang Undang-undang dari segi logistik sebelum dapat dibawa ke Mesyuarat Dewan Rakyat.

"Jawatankuasa Peruntukan Perbelanjaan telah ditolak dan dicadangkan bahawa fungsinya dilaksanakan melalui Jawatankuasa Dewan sedia ada.

"Jawatankuasa Urusan Mesyuarat ditolak oleh Jawatankuasa

Zahid Hamidi," jelas beliau.

Oleh itu tambah Saifuddin, Pandikar disifatkan telah terlepas peluang keemasan untuk mereformasikan institusi parlimen," ujarnya dalam sidang media yang diadakan di Ibu Pejabat Keadilan dekat sini, 16 Mei lalu.

Saifuddin berkata, hasrat Pandikar untuk kembali ke arena politik secara aktif membuktikan beliau tidak lagi bebas daripada kehendak politik BN.

"Sekiranya Tan Sri Pandikar tidak boleh lagi memberikan fokus melaksanakan reformasi Parlimen, dan beliau benar-benar ingin mahu kembali aktif berpolitik, maka beliau harus segera meletakkan jawatan dan memberi ruang kepada orang lain untuk memegang jawatan Speaker Dewan Rakyat," katanya.

Pada 5 April lalu, Pandikar dilaporkan sedang mempertimbangkan untuk aktif semula dalam politik, dan menyatakan hasratnya bertanding di kerusi negeri atau Parlimen di Sabah pada pilihan raya umum (PRU) akan datang.

The Daily Express melaporkan Pandikar, 64, anak kelahiran Kota Belud, sedang menyasarkan salah satu kerusi DUN baharu yang dicadangkan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dalam persempadanan semula.



Anggota Majlis Setiausaha Pakatan Harapan dalam sidang media di Ibu Pejabat Keadilan, 16 Mei lalu.

Pengerusi SPR jangan jadi 'macai' BN

KUALA LUMPUR: Bekas pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Tan Sri Abdul Rashid Abdul Rahman memberi amaran kepada Pengerusi SPR, Datuk Seri Mohd. Hashim Abdullah agar tidak menjadikan suruhanjaya itu sebagai 'macai' BN.

Abdul Rashid yang kini Naib

Presiden Parti Bersatu Pribumi Malaysia (Bersatu) berkata demikian dalam kenyataan bersama Ahli Biro Politik Keadilan R Sivarasa, Pengarah Komunikasi AMANAH Khalid Samad dan Naib Pengerusi DAP Teresa Kok.

"Kita sedar tekanan yang sedang dihadapi SPR dari parti

pemerintah untuk memastikan BN kembali berkuasa pada pilihan raya umum ke-14.

"Tetapi SPR, sebagai badan yang bertanggungjawab untuk proses pilihan raya yang demokratik harus dan tidak boleh menjadi 'macai' BN dengan melanggar Perlembagaan Persekutuan yang

memerlukan suruhanjaya itu mendapat kepercayaan orang ramai," kenyataan media itu dipetik.

Para pemimpin Pakatan Harapan itu turut mengkritik Mohd Hashim kerana memperlekehkan pembangkang.

"Semua komunikasi bertulis kami kepadanya diabaikan.

"Jelas sekali, beliau menjadi pengerusi pilihan raya paling tidak profesional dalam sejarah SPR dan secara tidak langsung mempersendakan kedudukan SPR sebagai sebuah suruhanjaya bebas dan adil kepada agensi yang semata-mata yang patuh kepada arahan perdana menteri," tambah mereka.

Minda Pengarang

Hanya Pakatan harapan mampu hadapi BN

Dengan perkembangan politik yang berlaku sekarang, rakyat meletakkan harapan tinggi kepada Pakatan Harapan bahawa hanya gabungan mega pembangkang itu sahaja yang mampu menghadapi Umno-BH dalam PRU14.

Oleh itu, rakyat mengharapakan supaya jangan melakukan sebarang kesalahan, malah perlu menjaga integriti supaya ia kekal sebagai entiti politik yang berwibawa.

Rakyat tidak yakin, betapapun sesebuah parti politik itu lama dalam usia, ramai jumlah ahlinya dan mempunyai sejarah panjang, tetapi ia dilihat dalam keadaan yang sangat meragukan dan mencetuskan pelbagai kontroversi pula.

Maka keyakinan rakyat tidak tumpah kepada parti politik jenis ini. Oleh itu, Pakatan Harapan, sebuah gabungan baru pembangkang, diberikan keyakinan oleh rakyat untuk berdpn dengan Umno-BH dalam Pilihan Raya Umum Ke-14.

Parti yang mendukung Pakatan Harapan – KeADILan, DAP, AMANAH dan Bersatu – mempunyai latar belakang sejarah politik yang panjang dengan parti lama masing-masing.

Dengan itu kematangan hasil pengalaman yang panjang dan berwarna warni ini sangat berguna dalam membina kekuatan Pakatan Harapan untuk mengharungi perjuangan panjang politik yang matlamatnya adalah membela rakyat.

Sementara itu, diyakini Pakatan Harapan akan menentang isu perkauman dan ekstremisme yang mungkin akan bergema sepanjang kempen PRU kali ini, berdasarkan pengalaman yang telah lalu.

Pakatan Harapan dengan KeADILan, DAP, AMANAH dan Bersatu dijangka akan memfokuskan mengenai derita harga yang kini semakin terbeban dengan kenaikan harga barang, cukai GST dan pelbagai lagi.

Rakyat sangat berhajat akan pembelaan parti politik yang bertanding. Maka di sini, jelaslah Pakatan Rakyat menjadi harapan untuk membela mereka. Diberitakan Manifesto Pakatan Harapan yang kini hampir disiapkan akan menebarkan harapan untuk rakyat. Pertama, tentunya ikrar untuk memulihkan ekonomi negara yang kini sangat berat dihadapi rakyat.

Dedak dan pelbagai habuan yang sudah dan akan ditaburkan oleh Umno-BH dalam pelbagai bentuk janji dan harapan yang mmenggunung tidak akan mampu mengalihkan realiti hidup rakyat yang semakin parah.

Maka itu, daripada laporan yang diterima mendapati bahawa sekali lagi rakyat mengharapkan Pakatan Harapan akan mampu mampu, sekurang-kurangnya meminimumkan derita rakyat ini.

Dari itu komponen Pakatan Harapan sedang menghadapi cabaran besar untuk memenuhi harapan rakyat ini. Dalam masa yang sama, diharapkan tidak akan tercetus masalah besar atau krisis apabila tiba rundingan pembahagian kawasan dan kerusi di antara komponen Paakatan Harapan.

Di sinilah ujian berat bagi gabungan mega pembangkang itu dalam mengekalkan perpaduan. Oleh itu, wajar kiranya rundingan lebih awal mengenai pembahagian kerusi diadakan di antara komponen Pakatan Harapan. Ini supaya di saat akhir tidak ada lagi masalah mengenai perkara ini.

Tujuan Pakatan Harapan ialah untuk mengalahkan Umno-BH, maka itu rundingan mestilah berasaskan tolak ansur, adil, peluang cerah untuk menang dan sebagainya.

Kesimpulannya, rakyat sangat mengharapkan kekuatan dan perpaduan Pakatan Harapan untuk membela mereka yang kini menghadapi kehidupan yang sangat sukar.

Ini peluang Pakatan Harapan untuk membuktikan kemampuannya.

Allah memberikan Hikmat kebijaksanaan (ilmu yang berguna) kepada sesiapa yang dikehendakiNya (menurut aturan yang ditentukanNya). Dan sesiapa yang diberikan hikmat itu maka sesungguhnya ia telah diberikan kebaikan yang banyak. Dan tiadalah yang dapat mengambil pengajaran (dan peringatan) melainkan orang-orang yang menggunakan akal fikirannya.

(surah al-Baqarah, ayat 269)

Ilmu sebagai prasyarat kemajuan

MENCINTAI ilmu dan menghidupkan budaya ilmu dalam diri dan para ahli tarbiyah merupakan ciri seorang muslim haraki yang berwibawa. Hal ini pernah disebut oleh al-Syahid al-Imam Hassan al-Banna di dalam menetapkan kriteria khusus *Muwasafat Tarbiyah* dalam kehidupan seharian sebagai seorang ahli gerakan Islam.

Apa itu *Muwasafat Tarbiyah*? Ia adalah ciri istimewa contoh keperibadian yang perlu ditanam dan diamal dalam diri seseorang untuk menjana keperibadian Muslim yang syumul; terutama anggota gerakan Islam.

Di antara ciri tersebut ialah ciri '*Muthaqqaful Fikri*' (berpengetahuan luas). Para anggota AMANAH mesti menjadikan agenda ilmu diantara agenda utama dalam gerakan kita. Mesti mempunyai jiwa cinta dan kasih kepada ilmu.

Dalam hal ini, pemaknaan cinta kepada ilmu adalah melalui keluasan pembacaan yang pelbagai dan konsisten. Anggota AMANAH perlu menjadikan budaya

“

...Anggota AMANAH perlu menjadikan budaya membaca sebagai budaya harian. Lazimkan berbicara dan berbual sesama manusia dengan sandaran ilmu dan fakta yang menajamkan pemikiran.



Pencerahan Mingguan
**TANWEER
USBU'II**

USTAZ ABDUL GHANI SAMSUDDIN
Timbalan Penasihat Umum AMANAH

membaca sebagai budaya harian.

Lazimkan berbicara dan berbual sesama manusia dengan sandaran ilmu dan fakta yang menajamkan pemikiran.

Di dalam al-Quran Allah berfirman dalam surah al-Baqarah, ayat 269 menyebut:

Allah memberikan Hikmat kebijaksanaan (ilmu yang berguna) kepada sesiapa yang dikehendakiNya (menurut aturan yang ditentukanNya). Dan sesiapa yang diberikan hikmat itu maka sesungguhnya ia telah diberikan kebaikan yang banyak. Dan tiadalah yang dapat mengambil pengajaran (dan peringatan) melainkan orang-orang yang menggunakan akal fikirannya.

Di samping itu ia wajar menguasai manhaj berfikir Islami dengan memahami *Fiqh Aulawiyat*, *Fiqh Siasah*, *Fiqh Realiti* atau *Al Waqi*; *Maqasid Syari'ah* dan sebagainya.

Tanpa kefahaman yang jitu tentang asas-asas ini kita mudah dikelirukan oleh lawan dengan berbagai helah sehingga hilang jatidiri dan terpicil dari dasar perjuangan istiqamah yang sebenar.

Sebab itu ketika tahajjud kita digalakkan membaca doa yang bermaksud "Wahai Tuhanku, jangan Engkau selewengkan hatiku selepas Engkau beri petunjuk. Kurniakanlah rahmat kepadaku. Sesungguhnya Engkau memang Tuhan yang banyak memberi kurnia".



Islam adalah agama kehidupan dan ia tidak terbatas kepada hal-hal aqidah dan syariah sahaja.

Akhlak yang juga ditekankan dalam Islam merupakan sesuatu yang sangat indah dan manis, yang merupakan buah kepada pokok dan tunjang agama itu.

Walaupun kepada pihak yang menolak seruan akidahnya, Islam masih menawarkan rahmahnya.

USTAZ HASNUDDIN MOHD YUNUS

Naib Presiden AMANAH



Termetriai ijab kabul Umno-Pas?

Oleh SYED IBRAHIM SYED NOH

MINGGU lalu, saya mempersoalkan perjuangan Umno sebagai pembela Melayu-Islam sempena ulang tahunnya ke-71. Saya kemukakan empat kes sebagai bukti selain berkongsi fakta menunjukkan jurang atau kesenjangan antara kaya dan miskin yang semakin melebar.

Itu belum diambilkira skandal besar seperti 1MDB, rasuah, cukai GST dan pemotongan pelbagai jenis subsidi yang sangat membebankan orang Melayu dan orang miskin. Amat jelas Umno bukan pembela Melayu Islam. Sebaliknya, Umno perosak Melayu dan Islam dengan kepalsuan, penipuan dan kekeliruan. Amatlah malang jika ada yang melanjutkan lagi talian hayat Umno-BN.

Kali ini saya ingin meninjau dengan lebih mendalam akan hubungan antara Umno dan Pas yang telah berputik dan berkembang mekar sejak akhir-akhir ini. Ini sudah tentunya berlatarkan ucapan Datuk Seri Najib di Stadium Nasional Bukit Jalil dan keputusan Mukhtar dan Majlis Syura Ulama Pas untuk membatalkan tahaluf siyasi atau kerjasama politik antara Pas dan KeADILan.

Walaupun Majlis Syura Ulama Pas membuat keputusan berkenaan namun mereka menyerahkan sebarang tindakan politik termasuk urusan pentadbiran Negeri Selangor kepada Jawatankuasa Kerja Pas Pusat dengan merujuk kepada masalah dan kepentingan Islam dan rakyat.

Menurut Pesuruhjaya Pas Selangor, Sallehen Muhyi, Pas Selangor tidak lagi akan terlibat dalam sebarang kerjasama dan rundingan politik dengan KeADILan dan sebaliknya akan mengukuhkan kerjasama dalam Gagasan Sejahtera, namun Pas Selangor akan kekal dalam kerajaan Negeri sehingga tamat penggal demi menghormati mandat dan kepercayaan rakyat.

Agak aneh. Tahaluf dibatalkan. Kerjasama dan rundingan politik dibatalkan tetapi Pas kekal dalam kerajaan negeri. Bukankah kerajaan negeri itu dipimpin Menteri Besar dan Exco yang mana tahaluf dan rundingan politik dengan parti mereka telah terbatal menurut Pas?

Dalam reaksi balas, Menteri Besar Selangor yang juga Timbalan Presiden KeADILan, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali melahirkan rasa kecewa dengan pembatalan tahaluf tersebut. "Saya kecewa kerana keputusan untuk membatalkan tahaluf siyasi dengan KeADILan adalah keputusan dan pilihan yang dibuat Pas sendiri," ujarnya.

Presiden KeADILan, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan Ketua Umum KeADILan, Dato' Seri Anwar Ibrahim menyifatkan alasan pembatalan tahaluf berkenaan sebagai tidak tepat. Menurut mereka, pimpinan Pas tidak meneliti pendirian KeADILan tentang RUU355 yang menghormati hak Dato' Seri Abdul Hadi Awang dan mengusulkan supaya dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan.

"Malah Dato' Seri Najib Razaklah yang menegaskan bahawa Kerajaan Umno-BN tidak akan membawa Rang

Undang-Undang Pindaan Akta 355 (RUU355) sebagai urusan kerajaan, yang bermakna RUU355 akan terkurbur. Anehnya Umno tidak dipersalahkan kali ini," tegas Anwar.

Menurut mereka, KeADILan ternyata telah berusaha dan menzahirkan segala daya untuk mengekalkan muafakat politik antara Pas dan KeADILan malahan kata Anwar, KeADILan tidak pernah mengkhianati prinsip tahaluf siyasi semenjak terbentuknya muafakat politik walaupun ada pihak yang mentohmah KeADILan dengan tohmahan yang tidak adil dan tidak wajar.

Matlamat KeADILan jelas iaitu untuk menewaskan Umno-BN yang kleptokrat, perasuah dan mengkhianati rakyat yang semakin dibebankan dengan sara hidup yang kian meningkat.

Dr Wan Azizah dan Anwar yakin Azmin sebagai Menteri Besar akan terus menerajui Negeri Selangor berdasarkan mandat penuh rakyat dan khidmat rakyat yang dicurahkan selama ini di sebalik sikap terbaru Pas.

Sehubungan itu, beberapa tindakan susulan berlaku. Antaranya, perjumpaan antara Azmin dengan tiga Exco Pas dan Pesuruhjaya Pas Selangor dan desas-desus kemungkinan Exco Pas dipecat. Difahamkan Jawatankuasa Pas Pusat akan berbincang Khamis 18 Mei ini untuk menentukan kedudukan mereka.

Sedang 'drama' ini berterusan, satu perkara yang bertambah jelas ialah kerjasama politik antara Umno dan Pas yang semakin erat, bermula dengan Presiden Umno dan Presiden

Pas berbaju Melayu sedondon tatkala menghadiri Multaqa Serantau Alumni Al-Azhar Malaysia pada Disember 2015, sikap berkecuali ahli Parlimen Pas terhadap usul undi tidak percaya Bajet 2016 dan 2017, kehadiran bersama Najib dan Abdul Hadi Awang dalam himpunan Solidariti Ummah Rohingya pada Disember 2016 hinggalah kepada episod usul persendirian RUU355.

Hubungan ini tambah jelas apabila dalam ucapannya di Stadium Nasional Bukit Jalil, Najib memetik ucapan Abdul Hadi yang mengatakan kerjasama antara Umno dan Pas kini adalah satu amalan politik yang sungguh matang untuk kepentingan bersama. Malah Najib turut mengumumkan dengan bangganya keputusan pembatalan tahaluf siyasi antara Pas dan KeADILan dalam ucapannya. Saya juga terbaca ada yang mendakwa kedua-dua Najib dan Abdul Hadi telah bertemu sejurus sebelum itu.

Ini seolah-olah menggambarkan tahaluf siyasi antara Umno dan Pas telah termeterai. Jika mungkin dahulu hanya "ijab", sekarang semacam sudah "kabal". Persoalannya, apakah reaksi rakyat? Apakah mereka kisah? Apakah tindakan parti saya, KeADILan dan rakan-rakan dalam Pakatan Harapan?

Saya fikir memang benar ramai rakyat yang kisah terutamanya rakyat di Selangor tetapi saya percaya lebih ramai yang tak kisah, mungkin setinggi 35 peratus daripada pengundi yang di atas pagar. Bagi mereka, yang lebih penting, apa yang mereka akan dapat daripada semua ini. Gaji boleh

naik ke? Harga barang boleh turun ke?

Ini bermakna agenda dan pembealaan rakyat wajib terus menjadi tumpuan dan tidak terpesong dengan ada atau tiada kerjasama politik. Tindakan turun bertemu pengundi tidak boleh terjejas sama sekali. Malah jentera tidak boleh alpa dengan episod 'drama' ini, sebaliknya mengambil kesempatan meningkatkan usaha mendekati pengundi, bersedia untuk 3-penjurus selain mencegah penipuan yang mungkin berlaku.

Jika rakyat nampak ini, Insya-Allah Pakatan Harapan boleh menarik sokongan rakyat sebagai sukarelawan jentera pilihan raya malah mungkin mendapat sokongan yang dahulu diperolehi daripada penyokong Pas, dan Umno yang menolak Umno-BN.

Namun begitu, saya akur muafakat politik perlu juga ditangani kerana tanpanya belum tentu Umno-BN dapat ditumbangkan. Kepincangan negara tidak boleh lagi dibendung malah dikhuatiri bertambah buruk apabila dana rakyat seperti KWSP, Wang Pencen dan Tabung Haji akan terus disalahguna untuk menyelamatkan kegagalan projek Umno-BN seperti projek Bandar Malaysia. Undi kepada Pakatan Harapan merupakan undi untuk menyelamatkan wang rakyat.

Justeru, ada atau tidaknya tahaluf siyasi serta kedudukan di Selangor biarlah ia diputuskan atas kebijaksanaan pimpinan. Pertimbangan terbaik wajar diambil atas kemaslahatan rakyat, bukan atas kepentingan survival politik dan peribadi semata-mata seperti agenda Umno dan Pas.

• Penulis merupakan Ketua Penerangan KeADILan

Pakatan Harapan sedia hadapi 3 penjurus

Dengan perkembangan politik terkini, lebih-lebih lagi apabila Pas bertegas mahu bertanding sendiri -- dengan begitu banyak kerusi pula -- dalam PRU14, maka pertandingan tiga penjurus tidak dapat dielakkan.

Kita yakin Pakatan Harapan sudahpun bersedia menghadapi kenyataan ini di mana impian untuk menyaksikan pertandingan satu lawan satu tidak akan menjadi realiti.

Kenyataan yang ada sekarang ialah calon dari Pakatan Harapan akan berdepan dengan calon Umno-BN dan Pas. Tentu sekali PRU14 ini akan menjadi ibu segala pilihan raya, iaitu untuk menentikan mampukah Pakatan Harapan mengalahkan Umno-BN yang telah memerintah negara itu berdekad-dekan lamanya.

Jika Pakatan Harapan dapat mencapai kemenangan menewaskan Umno-BN, maka perubahan dijangka berlaku, krisis ekonomi boleh dipulihkan, jurang miskin



CETUSAN MINDA
ABDUL SHUKUR HARUN

kaya akan diperkecil, daya beli rakyat dapat dipulihkan, pengangguran dapat dikurangkan, rasuah dan penyelewengan dapat diakhiri.

Ini janji Pakatan Harapan yang banyak kali disebut, di

mana saja, dengan manifestonya sedang disiapkan, sementara logonya juga disediakan, menunggu kelulusan Pendaftar Pertubuhan saja lagi.

Kini komponen Pakatan Harapan sudah menggerakkan jentera pilihan raya masing-masing secara intensif di seluruh negara. Boleh dikatakan tidak ada lagi kawasan parlimen mahupun Dun yang tidak dijelajahi oleh Pasukan Harapan.

Hinggakan Tanjung Piai, Pontian, dataran paling hujung benua Asia, iaitu kawasan parlimen bersebelahan Pontian, sudah diadakan ceramah umum Pakatan Harapan di mana Tun Dr Mahathir Mohamad sendiri hadir dan berucap. Lebih seribu orang kampung hadir.

Demikian juga di negeri lain, seperti Kelantan, program AMANAH telah diada-

kan setiap hari. Di negeri Perak, AMANAH pimpinan Asmuni Awi bergandingan dengan Ir Nizar Jamaluddin dan pimpinan lain sudah mengadakan program begitu banyak sekali, di samping negeri Melaka tidak kurang rancaknya program Pakatan Harapan.

Di Selangor, negeri yang terus hangat perkembangan politiknya, selama dua hari berturut-turut baru-baru ini mengadakan prog hi-tea di peringkat AMANAH negeri dan kawasan parlimen Kelana Jaya untuk memungut derma pilihan raya.

Dalam masa yang sama AMANAH bersama DAP, KeADILan dan Bersatu telah mengadakan pelbagai program, di samping menggerakkan jentera pilihan raya mereka di pelbagai tempat.

Di negeri lain juga -- Kedah, Terengganu, Negeri Sembilan -- jentera pilihan raya Pakatan Harapan, melalui komponennya, sudahpun diaktifkan beriringan dengan pelbagai program setiap hari.

Dari itu, diyakini Pakatan Harapan sudah bersedia untuk menghadapi tiga penjurus, atau empat penjurus sekalipun dalam PRU

akan datang. Bagi AMANAH sendiri, walaupun itu bukan sesuatu yang dikehendakannya, tetapi ia juga ada harga diri. Maka calon AMANAH, khususnya di Selangor, kiranya bersedia menghadapi pertandingan tiga penjurus atau empat penjurus sekalipun.

Dengan satu logo dan satu manifesto, pelbagai pihak yakin, calon dari komponen Pakatan Harapan akan mencapai kemenangan walau sebanyak mana penjurus pun.

Dijangkakan manifesto Pakatan Harapan akan memenuhi harapan rakyat, yang kini kehidupan mereka merasa sangat tertekan kerana kenaikan harga barang, pengangguran terus meningkat, peluang pekerjaan sangat terbatas, sementara rasuah, penyelewengan dan pembaziran terus meningkat dan mencemaskan.

Inilah isu yang jadi perhatian utama rakyat; justeru inilah juga yang menjadi penentu dalam PRU14, iaitu parti mana yang benar-benar mampu membawa perubahan kepada rakyat.

AMANAHAH berperanan aktif di Pulau Pinang

PULAU Pinang adalah satu-satunya negeri yang diterajui Kerajaan Pakatan Harapan Negeri setelah pakatan politik Pakatan Rakyat menemui jalan buntu. Dengan komposisi penduduknya yang berbilang kaum, negeri ini pastinya menjadi model kemakmuran, keharmonian dan keamanan negara yang diimpikan Pakatan Harapan. Bagaimana AMANAHAH sebagai parti Islam generasi kedua yang berciri progresif dan inklusif mampu berperanan dalam kerajaan dan politik Pulau Pinang yang bersifat rencam? Mingguan Amanah menemuramah Pengerusi AMANAHAH Pulau Pinang Datuk Dr Mujahid Yusof Rawa untuk mendapatkan jawapannya. Dr Mujahid juga ialah Naib Presiden AMANAHAH dan Ahli Parlimen Parit Buntar.

Boleh Datuk jelaskan tentang perkembangan AMANAHAH Pulau Pinang?

Alhamdulillah semasa Gerakan Harapan Baru (GHB) ditubuhkan, kita menggerakkan jawatankuasa negeri dan semua kawasan. Nukleus GHB menjadi asas kepada penubuhan AMANAHAH Pulau Pinang.

Kami bergerak seawal 2015 dan kini telah berjaya melengkapkan kewujudan AMANAHAH di setiap 13 Parlimen di Pulau Pinang. Kami juga bertungkus lumus mengisi keperluan kerajaan negeri di peringkat pimpinan akar umbi dan kerajaan tempatan.

Agak mencabar mengisi kekosongan yang ditinggalkan Pas tetapi AMANAHAH berjaya melakukan dua kerja serentak iaitu mendirikan struktur parti dan memenuhi kuota amanah dalam pentadbiran kerajaan negeri. Semua ini dilakukan dengan semangat sepasukan dan perasaan sepunya semua pimpinan AMANAHAH.

Bagaimana sambutan rakyat terhadap AMANAHAH?



Bersama Kit Siang mendengar masalah rakyat Pulau Pinang.

Sebagai parti baru sudah tentu kami terpaksa bermula dari awal.

Jika hendak dibandingkan dengan parti yang sudah bertapak lama, pencapaian kami agak memberangsangkan.

Pertama, semua struktur parti di 13 kawasan parlimen sudah wujud. Kedua, sayap parti di peringkat negeri sudah ada. Ketiga, biro-biro telah berfungsi dan keempat, aktiviti parti berjalan di peringkat kempen penambahan ahli dan memperkenalkan AMANAHAH.

Dengan infra yang ada, kami disambut baik

apatah lagi AMANAHAH dilihat parti baru progresif dan tidak membawa beban masalah.

Lebih daripada itu peranan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) AMANAHAH, Ahli Majlis dan Pegawai Penyelaras KADUN (PPK) banyak memudahkan orang ramai mengenali AMANAHAH melalui khidmat kami. Alhamdulillah AMANAHAH Pulau Pinang terus maju.

Bagaimana AMANAHAH sebagai parti Islam boleh berperanan secara efektif bagi kepentingan rakyat pelbagai kaum di Pulau Pinang?

Walaupun tanpa sebuah kerusi, kami merasakan orang ramai boleh menilai pegawai lantikan kerajaan dari AMANAHAH.

Selain daripada pemantauan pencapaian indeks prestasi (KPI) kerajaan negeri, pihak kami juga memantau dari sudut keberkesanan program, perbelanjaan dan pulangan kepada nama baik parti. Ini adalah komitmen AMANAHAH Pulau Pinang bagi membuktikan

kesungguhan kami memberi khidmat secara amanah dan peduli rakyat.

Kami juga bertindak sebagai ejen semak dan imbang (check and balance) kepada dasar keupayaan, kebertanggungjawaban dan ketelusan (CAT) kerajaan negeri khususnya yang melibatkan kepentingan orang ramai.



Kami menggunakan saluran sebagai kerajaan dalam mesyuarat jawatankuasa ahli majlis ataupun sebagai PPK. Alhamdulillah beberapa teguran kami diterima antaranya isu Pasar Chowrasta yang majoriti peniagaanya bukan Melayu, isu masjid dan penambahbaikan institusi Islam seperti Pusat Zakat Pulau Pinang dan Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAIPP) dan lain-lain.

Kami juga ada program Dialog Rakyat, Santun Rakyat dan Walk About di tempat awam.

Apa halangan yang perlu diatasi AMANAHAH untuk duduk sebaris dengan parti-parti komponen Pakatan Harapan di Pulau Pinang?

Sudah tentulah sebagai parti baru kami terpaksa menerima kenyataan bahawa kami belum lengkap. Namun kerajaan PH Pulau



Hadir dalam majlis bertemu rakyat.



Dr Mujahid berucap pada Konvensyen PH Pulau Pinang.



Karnival Santai Rakyat Daerah Timur Laut jadi platform bertemu rakyat.

Pinang di bawah YAB En Lim Guan Eng memberi kepercayaan yang tinggi dan saya amat menghargainya.

Kalau pun ada halangan ia datang dari kelemahan kami sendiri jikalau prestasi kami dipertikaikan. Adapun bagi pihak kerajaan negeri, kami tidak menerima halangan meskipun dari parti komponen lain.

Sudah tentu kami berhadapan dengan Pas dan ahlinya namun kami mengambil pendekatan tidak menyerang dan menggunakan kaedah berdialog.

Alhamdulillah, ada di kalangan ahli Pas yang mula nampak situasi politik hari ini dan mula bejinak dengan kami.

Adakah imej negatif yang dipalitkan Umno dan Pas terhadap DAP memberi kesan atau tempias kepada AMANAH khususnya di kalangan pengundi Melayu?

Tidak dapat dinafikan ada, namun kerajaan PH Pulau Pinang mengambil pendekatan menjelaskan isu prestasi, pembelaan institusi Islam dan usaha membasmi kemiskinan tegar.

Fakta menunjukkan pencapaian kerajaan PH Pulau Pinang berjaya menjimatkan duit rakyat dan mampu menjalankan kebijakan merentasi kaum.

Kami juga sedar bahawa serangan 'anti-Melayu' terhadap kerajaan negeri yang diterajui DAP bertujuan menakutkan orang Melayu se-

luruh negara bukan di Pulau Pinang sahaja. Ia bermotifkan politik untuk menolak PH. Secara umum orang Melayu Pulau Pinang tidak sangat terkesan setelah melihat kejayaan kerajaan negeri yang menguntungkan mereka juga.

Benarkah dakwaan kononnya kerajaan negeri campur tangan dalam hal ehwal Islam di Pulau Pinang?

Perkara itu ditimbulkan oleh Pas dan kerajaan negeri kini menyediakan kertas saman atas dakwaan jahat itu dan sekaligus memalukan



AMANAH berperanan memartabatkan Islam di Pulau Pinang.

institusi fatwa di Pulau Pinang. Ia soal pengu- rusan dan bukan campur tangan.

Bagaimana dgn partisipasi AMANAH dalam kerajaan negeri?

Begitu aktif sekali malah kami duduk sekali dalam mesyuarat penting kerajaan yang melibatkan kepentingan ketiga-tiga parti. Ini termasuk memas- tikan dasar kerajaan negeri dilaksanakan.

Kerjasama Pakatan Harapan Pulau Pinang khususnya bagi menghadapi PRU. Adakah AMANAH diberi laluan untuk bertanding di semua kerusi PRU yang ditandingi Pas sebelum ini?



Mengadakan sidang media bagi menjelaskan isu perpindahan peniaga Pasar Chowrasta.



Salah satu program penerangan AMANAH Pulau Pinang.

Setakat ini empat kerusi yang Pas kalah dalam PRU 2013, dilantik Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) untuk mengendalikan pelaksanaan dasar kerajaan negeri.

Sejak 2015 AMANAH mengambil alih jawatan PPK. Ini adalah isyarat bahawa kerusi-kerusi ini akan diletakkan calon AMANAH bagi mewakili PH. Kami juga menyatakan minat mendalam pada Permatang Pasir yang di menangi Pas supaya AMANAH bertanding di situ juga.

Adapun kerusi Parlimen buat masa ini Tasek Gelugor dan Kepala Batas adalah di bawah AMANAH. Apapun belum ada rundingan serius dan kami masih daam proses perbun-

cangan khususnya dengan kehadiran rakan baru dari Bersatu (PPBM).

Potensi AMANAH dalam pilihan raya umum akan datang?

Cerah dan penuh keyakinan kerana rakyat di Dun yang belum kita tawan menyedari hakikat bahawa di bawah Umno mereka diperalat- kan untuk tujuan sempit Umno mengapikan kebencian kaum sedangkan kami membela rakyat tanpa mengira kaum. Prestasi PPK dan juga jentera parti amat penting untk men- jaminkan kemenangan.



Pelancaran jentera pilihan raya Pemuda AMANAH Pulau Pinang oleh Presiden AMANAH.



Sambutan Aidilfitri AMANAH Pula Pinang.

PKR parti yang berperinsip

Tindakan Parti Keadilan Rakyat (KeADILan) melepaskan semua jawatan politik di bawah kerajaan negeri yang diberikan kepada mereka dilihat jauh lebih bersih dan berprinsip dari pihak yang menuduh KeADILan khianat.

Pengarah Komunikasi AMANAH, Khalid Samad dalam satu kenyataannya berkata, tindakan ini akan disokong oleh rakyat.

Khalid mengulas tindakan KeADILan Kelantan yang akan mematuhi keputusan mesyuarat Biro Politik KeADILan, biro paling berkuasa dalam parti itu, yang memutuskan mereka meletakkan jawatan.

Ini ekoran tindakan Pas yang memutuskan hubungan dengan KeADILan dengan mendakwa parti itu khianat terhadap Pas, yang dinafikan oleh semua pimpinan KeADILan termasuk Datuk Seri Anwar Ibrahim.

KeADILan Kelantan dalam satu kenyataannya berkata, mereka akan mematuhi keputusan Biro Politik KeADILan itu dengan melepaskan jawatan-jawatan lantikan politik tersebut tersebut.

Pengerusi Majlis Pimpinan Negeri KeADILan Kelantan, Abdul Aziz Kadir berkata, KeADILan Kelantan akur dengan keputusan itu dan akan melaksanakannya semua keputusan itu.

Mesyuarat Biro Politik KeADILan 16 Mei lalu

membuat keputusan bahawa semua lantikan politik parti itu di dalam Kerajaan Negeri Kelantan diminta melepaskan jawatan-jawatan tersebut berkuatkuasa serta merta.

"Perkara ini telah disampaikan kepada Pengerusi Majlis Pimpinan Negeri Kelantan," kata Datuk Seri Dr Wan Azizah dalam satu kenyataannya.

Antara jawatan politik yang dipegang pemimpin PKR adalah penyelia kawasan parlimen dan Dun, ahli majlis daerah dan perbandaran, ahli lembaga anak syarikat kerajaan negeri, penghulu mukim dan lain-lain lagi.

Sementara itu, Pemuda AMANAH menyam-




Aziz Kadir... kami akan patuhi keputusan untuk lepas jawatan.

but baik pendirian KeADILan yang dikeluarkan Wan Azizah.

"Pendirian ini nyata memperlihatkan ketinggian maruah KeADILan dalam menanggapi politik tak tahu malu' rakan lama mereka," kata Shazni Munir Mohd Ithnin, Naib Ketua Pemuda AMANAH Nasional.

Katanya, ketika rakan lama terus tebal muka mempertahankan jawatan politik di Selangor, pendirian KeADILan benar-benar memajukan kematangan dalam berpolitik.

"Tidak berhujah remeh-temeh menyalahkan pihak lain, sebaliknya KeADILan nekad mengarahkan peletakan jawatan serta-merta bagi semua lantikan politik di Kelantan," katanya dalam satu kenyataan.



Komitmen KeADILan bagi memperkukuh Pakatan Harapan juga amat-amat dihargai Pemuda AMANAH.

"Bagi seluruh pendokong perubahan, pendirian ini amat bermakna bagi memudahkan rakyat membuat pilihan yang jelas.

"Pakatan Harapan yang sarat dengan idea perubahan, atau kleptokrat Barisan Nasional yang mengkhianati amanah rakyat," katanya.

Anwar hargai usaha anak muda tegak keadilan

Biar pun berada di tabir besi, mantan Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam surat terbukanya menyatakan penghargaan kepada golongan belia yang menganjurkan Kongres Anak Muda Malaysia 2017 baru-baru ini.

Menurutnya, program yang meneguhkan pelbagai usul sosial, ekonomi dan politik itu berlangsung ketika berlakunya perebutan kuasa menjelang Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14).

"Namun, saya tidak bercadang untuk membahaskan permasalahan tersebut, tetapi akan cuba merancang persoalan asasi dalam perjuangan anak muda.

"Pesanan anak muda harus kekal sebagai penegak keadilan, dengan menggilap idealisme. Penyertaan anak muda dalam organisasi politik tidak harus melunturkan cita-cita murni, sebagai 'conscience' pancaran hati nurani yang mengidamkan tertegakkannya negara dan masyarakat adil," ujarnya.

Beliau berkata, golongan muda digesa berperanan sebagai agen perubahan dengan menjelajah kota dan desa dalam rangka meningkatkan kefahaman rakyat jika menyakini prinsip kebenaran.

"Hanya dengan kefahaman dan kesedaran, rakyat dapat mengenal kalimat palsu atau pernyataan benar. Dan hanya melalui keyakinan dan akal, rakyat dapat menghindari dari diperdaya bicara manis bermadu tetapi berisi racun," jelasnya.

Anwar menyifatkan penyertaan dalam politik hanya sah jika terjamin

ruang dan wacana percambahan idea bukannya melalui ketaatan melulu sehingga penyelewengan cuba dinafikan dan kemewahan diizinkan menular.

"Saidina Ali mensyaratkan pemilihan pemimpin yang sah dan bukannya melalui proses curang. Dan, ditetapkan kaedah keprihatinan kemaslahatan rakyat yang derita, dan bukannya untuk memperkaya diri, keluarga dan kroni.

"Ramai umat Islam yang memahami hadith: *Qulilhaq*, walau ka na murrān – untuk menyatakan yang hak, meskipun pahit diteleng orang. Namun, yang diasak melalui propaganda berterusan adalah syukur dan taat kepada penguasa dan pemerintah kerana mereka adalah *ulil amri*," hujahnya.

Mengulas lanjut tentang makna sebenar ketaatan, bekas Timbalan Perdana Menteri itu berkata, rantau ini pernah dihebohkan dengan ketaatan yang didakwa berpangkal kerana ajaran Kung Fu Tze (*Confucious*).

"Dialah sebagai *Asian Rules* (Nilai Asia). Pengasas fahaman tersebut terkeliru sehati ruang yang disanggah Amartya Sen dalam *Development Of Freedom*.

"Kung Fu Tze tidak mengusulkan ketaatan buta, kerana manakala Zi Lu bertanya beliau kaedah melayani sang pangeran, beliau menjawab: Berkata benar meskipun ia menyinggung sang pangeran," ujarnya.

Sehubungan itu, bekas Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia, ABIM (1974-1982) itu mengingatkan golongan

muda di tanah air supaya fokus kepada kepincangan elit penguasa yang cenderung memudaratkan rakyat.

"Anak muda perlu mawas-pandai malah mencurigai pergolotan kelompok elit. Pastinya tumpuan harus mengarah kepada elit penguasa kerana secara langsung mereka bertanggungjawab terhadap dasar dan penyelewengan," tegasnya dari Penjara Sungai Buloh.

Hal ini, jelasnya, tindakan elit penguasa itulah yang mendera rakyat, menyebarkan kesenjangan dan menyusahkan institusi utama negara amalan demokrasi serta pilihan raya

bersih dan negara hukum.

"Sayugia dinasihati bahawa gejala negatif seringkali turut memalit kelompok pembangkang dan NGO manakala mereka turut terjebak dengan kekurangan atau kelihatan murung atau bersekongkol dengan jenayah serta keterlanjuran penguasa," katanya.

Realiti pada masa ini, ujar Anwar, hanya membenarkan pandangan yang menyebelahi pemerintah bukannya budaya dialog yang bebas dan bermanfaat.

"Hanya satu corong pendapat diizinkan, monolog sang penguasa dan perkakasannya tanpa ruang wacana

bebas dan segar.

"Syahdan, bagi pedamba kebenaran dan keadilan, konsep agama, negara, negara hukum, pengasihan ekonomi, perlu ditelusuri semula bebas dari cengkaman fikiran dan kongkongan penguasa.

"Tepat sekali gagasan Saidina Ali Abu Talib r.a mengenai keadilan yang mampu ditegakkan pemimpin sebenar (*a'immuat al-haqq*) yang prihatin dengan kelompok miskin dan lemah (*yawaddiru anfusahum*)," tambahnya lagi sebelum mengakhiri surat terbukanya dengan puisi berjudul, 'Kebenaran' karya Sasterawan Negara A Samad Said.



Antara pemimpin anak muda yang menyertai kongres anak muda baru-baru ini.

Bersatu anjur **majlis besar, AMANAH** banyakkkan **ceramah kelompok**

KETIKA Bersatu mengadakan himpunan besar-besaran terutama di kubu mereka di Kedah, kerabat Pakatan Harapan yang lain terus melancarkan program kempen mereka secara berkelompok di serata pelusuk negara.

Puluhan ribu berhimpun Kubang Pasu Selasa 16 Mei lepas dengan pimpinan utama Bersatu termasuk Tun Dr Mahathir Mohamad (pengerusi), Tan Sri Muhyiddin Yassin (presiden) dan Datuk Seri Mukhriz Mahathir (timbangan presiden) berada di pentas utama.

Lautan manusia berbaju merah, warna rasmi Bersatu, dan orang kampung biasa berkumpul bagi mendengar amanat bekas perdana menteri dan wakil rakyat mereka, Dr Mahathir.

Mereka juga berkumpul bagi mendengar bicara bekas menteri besar mereka, Mukhriz.

Muhyidin yang agak lama tidak kelihatan juga turun bagi memberikan ucapan di pentas itu.

Ketika Bersatu memberi tumpuan kepada program besar, rakan-rakannya khususnya AMANAH memberikan tumpuan kepada program bertemu secara langsung dengan pengundi di kawasan mereka.

Di Hulu Langat, Selangor, AMANAH menganjurkan Pasar Peduli Rakyat dengan menjual barangan keperluan harian dengan harga murah untuk membantu orang ramai menghadapi kenaikan harga barangan.

Program yang berjalan 14 Mei itu



Tiga pemimpin utama Bersatu di atas pentas Semarak.

mendapat sambutan yang membarangsangkan dari orang ramai.

Antara yang dijual adalah tepung, gula, beras, minyak masak, bawang, susu pekat dan lain-lain dengan harga 30-50% lebih rendah dari harga pasaran biasa.

Hanya satu syarat diberikan, sertakan kad pengenalan untuk memastikan mereka adalah warga negara ekoran kebanjiran warga asing di negara ini.

Di Tapah, Perak, orang ramai pelbagai kaum turun ke majlis anjuran AMANAH dan Pakatan Harapan di sana.

Mereka bergambar tanda kenangan dan sokongan mereka kepada AMANAH.

Majlis penubuhan Jawatankuasa Penaja AMANAH cawangan Dusun Muda juga diadakan sempena majlis itu.



Pemimpin PKR tempatan memberikan ceramah kelompok di Tapah.



Orang ramai dari pelusuk Kubang Pasu turun untuk bertemu bekas wakil rakyat dan Menteri Besar mereka.



Penyokong bergambar dengan Rahim Cheng, Pengarah Komunikasi Amanah Perak di Tapah.

Ziarah kasih platform tabur khidmat

PARIT BUNTAR: Program ziarah kasih anjuran Pusat Khidmat Parlimen Parit Buntar dengan kerjasama AMANAH Parit Buntar mampu memberi impak positif dalam memberikan khidmat bakti kepada masyarakat di kawasan itu.

Ahli Parlimen Parit Buntar Datuk Dr Mujahid Yusuf Rawa berkata, program yang dilaksanakan itu adalah usaha berterusan pihaknya bagi memberikan khidmat kepada golongan sasaran seperti warga emas, ibu tunggal, pesakit dan anak yatim yang memerlukan pembelaan "la sekaligus dapat menzahirkan keprihatinan kita terhadap golongan kurang bernasib baik ini melalui program ziarah.

"Program Ziarah Kasih dapat

mengeratkan hubungan silatur-rahim dan bacaan doa untuk kesejahteraan tuan rumah," katanya kepada pemberita dalam program ziarah kasih ke beberapa buah rumah di Titi Serong, dekat sini, baru-baru ini.

Dr Mujahid berkata, pihaknya akan terus bergerak aktif menjalankan aktiviti kemasyarakatan dan pada kali ini aktiviti ziarah ke rumah golongan sasar diadakan.

"Ziarah ini memberikan semangat dan motivasi kepada mereka di samping sedikit sumbangan bagi meringankan bebanan atau sekurang-kurangnya menceriakan mereka.

"Program ini juga boleh dijadikan platform berguna kepada penduduk mengutarakan masalah di kawasan

mereka untuk dibawa ke pengetahuan pihak berkuasa," katanya.

Dr Mujahid juga melahirkan kegembiraan kerana sempat menziarahi balu Allahyarham Tuan Guru Abdul Rahman Mokhtar, bekas Adun Kuala Kurau di Sungai Labu, Batu Lima, dekat sini.

"Aktiviti ziarah ini adalah amalan yang mulia apatah lagi jika menziarahi orang yang sedang uzur dan sakit, lebih-lebih lagi jika orang itu insan yang banyak berjasa atau keluarga kepada insan yang banyak berjasa. Saya gembira dalam kesibukan diberi kesempatan seperti ini," katanya.

Beliau turut berterima kasih kepada penduduk setempat yang memberi sambutan sangat baik semasa program ziarah kasih dijalankan.

TANPA BATAS USIA... Dr Mujahid menziarahi seorang kanak-kanak yang sakit.



Pasar Peduli Rakyat tawar barangan dapur murah

HULU LANGAT: Bagi membantu golongan berpendapatan rendah khususnya surirumah tangga mendapatkan keperluan dapur pada harga murah, AMANAH Kawasan Hulu Langat menganjurkan program Pasar Peduli Rakyat.

Melalui pasar bergerak ini, orang ramai berpeluang mendapatkan barangan dapur kering seperti tepung, gula, beras, minyak masak, bawang, susu pekat, dan lain-lain dengan harga 30 peratus hingga 50 peratus lebih rendah daripada harga pasaran.

Semua ini dapat dilakukan hasil sumbangan para dermawan bagi membantu golongan sasar.

Baru-baru ini Pasar Peduli Rakyat diadakan di Taman Kantan Permai, dekat sini.

Hadir sama Naib Presiden AMANAH Ustaz Hasanuddin Mohd Yunus dan para pemimpin AMANAH kawasan.

Orang ramai yang berhasrat membeli disyorkan mengemukakan kad pengenalan untuk memastikan mereka ialah rakyat Malaysia.

Khidmat semakan daftar pemilih secara



Ustaz Hasanuddin mengambil peluang berucap pada program Pasar Peduli Rakyat AMANAH Hulu Langat.



Surirumah mendapatkan barangan dapur pada harga murah di Pasar Peduli Rakyat.

atas talian juga disediakan bagi para pengunjung.

Program kebajikan ini amat berkesan terutama dalam menarik kehadiran dan memperkenalkan AMANAH kepada golongan surirumah.

Sharan Kaur: Ahli AMANAH yang berjasa

SHAH ALAM: Penerima Anugerah Khas Kemanusiaan AMANAH, Gursharan Kaur teruja terhadap penghargaan yang diberikan AMANAH Selangor atas sumbangannya.

Sharan menerima anugerah tersebut atas usahanya menyelamatkan seorang penumpang dalam pesawat yang dinaikinya dari Jakarta ke Kuala Lumpur baru-baru ini.

Beliau menerima anugerah tersebut yang disampaikan Presiden AMANAH Mohamad Sabu dalam majlis minum petang, dekat sini, 13 Mei lalu.

Sharan yang ditemani suaminya, Malkit Singh menceritakan pengalamannya membantu penumpang yang mengadu sesak nafas dan kemudian pengsan dalam penerbangan tersebut.

"Kru kabin membuat pengumuman bertanya sekiranya ada doktor di kalangan para penumpang. Memandangkan tiada doktor yang tampil, saya tampil menawarkan diri," katanya ketika ditemui Media Oren selepas menerima anugerah tersebut.

Sharan ialah jururawat terlatih yang pernah bertugas di wad kardiologi di sebuah hospital sebelum menjawat pengurus perniagaan bagi

sebuah syarikat pembekal produk kegunaan hospital.

Berbekalkan ilmu, pengalaman, dan kemahiran yang dimilikinya, Sharan berjaya memulihkan semula pernafasan penumpang tersebut yang kemudiannya dibawa terus untuk mendapat rawatan di hospital setelah pesawat mendarat.

Menurut Sharan, beliau membantu atas dasar kemanusiaan walaupun tidak mengenali penumpang yang dibantunya, apa bangsa dan agamanya serta dari negara mana dia berasal.

Baginya, beliau sekadar menjalankan kewajipan sebagai seorang manusia untuk membantu manusia lain yang memerlukan.

Sharan dan suaminya ialah ahli AMANAH Kawasan Petaling Jaya Utara.

Beliau tertarik dengan perjuangan AMANAH yang berusaha menyebarkan rahmat untuk semua tanpa ada unsur kebencian dan permusuhan.

Sharan percaya, setiap rakyat mesti berusaha hidup secara harmoni dan tolong menolong tanpa mengira bangsa dan anutan agama masing-masing.



Sharan ditemani suami Malkit Singh bersama para pemimpin AMANAH selepas menerima anugerah khas kemanusiaan daripada Mohamad Sabu dalam majlis minum petang di Shah Alam.

Nik Aziz tokoh reformasi fiqh

Oleh ZIKRI ABDULLAH

KOTA BHARU: Parti Amanah Negara menganggap sumbangan terbesar bekas Menteri Besar Kelantan, Almarhum Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat kepada dunia Islam adalah reformasi pelaksanaan Fiqh Islam khususnya dalam bidang politik dan kemasyarakatan.

Penasihat Umum AMANAH, Ustaz Ahmad Awang berkata, kerana kesungguhan Almarhum Tuan Guru Nik Aziz maka Pas membenarkan calon wanita bertanding dalam pilihan raya.

"Saya ingat semula ketika perkara ini dibincangkan, tiada orang lain berani menyokong pendapat ini kerana pegangan ketika itu menganggap Islam menolak wanita sebagai pemimpin.

"Hujah beliau yang kemas dan bersungguh-sungguh bersandarkan fiqh semasa menjadikan semua akur," katanya merasmikan Nadwah Ulamak Harapan Baru (Nunji) di Dewan Perhimpunan Cina Kota Bharu, 13 Mei lalu.

Malah dalam mentadbir Kelantan selama lebih 20 tahun kata Ahmad, pelbagai pembaharuan berkaitan fiqh direformasi semula.



Ustaz Ahmad Awang

"Dulu kita belajar agama sebagai 'fiqh ahkam' yang berteraskan hukum halal haram dan bukannya satu usaha kefahaman menyeluruh berdasarkan maqasid syariah.

"Sebab itu berkenaan orang bukan Islam, hanya kategori kafir zimmi, kafir harbi dan kafir muahad yang ada dalam perkiraan kita.

"Sedangkan hakikat masakini jauh berbeza apabila negara-negara memperkenalkan konsep warganegara (wataniiyah)," katanya.

Nik Aziz katanya, membuat perubahan besar berkaitan hal ini dalam pentadbirannya.

"Orang bukan Islam dilantik ke jawatan setaraf orang Islam seperti



Antara peserta Nunji yang memenuhi Dewan Perhimpunan Cina Kota Bharu.

ahli majlis daerah, penghulu, pegawai lantikan politik yang tentu tidak dibolehkan jika kitab fiqh berkaitan kedudukan orang kafir di bawah kerajaan Islam dirujuk.

"Beliau juga membina landasan penting berkaitan pakatan politik dengan pihak lain yang dianggap tidak bermatlamat menegakkan Islam," katanya.

Nunji menurutnya bertujuan membina semula pendekatan Islam sesuai dengan keperluan masa depan di Malaysia.

"Perbincangan di sini akan di-

asaskan kepada fiqh yang lebih luas termasuk fiqh al muwathanah (kengaraan) yang boleh dilaksanakan secara praktikal dalam persekitaran semasa.

"Dalam usaha mencapai perkara ini, maqasid syariah akan menjadi asas penting supaya Islam dilihat berkemampuan menyelesaikan semua masalah yang berbangkit dalam masyarakat," katanya.

Melalui pengenalan konsep ini katanya, Islam akan dapat dilaksanakan di negara Malaysia yang mempunyai latarbelakang tersendiri tanpa men-

gurangkan pegangan asal Islam.

"Kita mahu Islam yang asal sebagai rahmatan lil alamin dapat difahami dan bukan Islam yang menjadi bahan ketakutan kerana pendekatan kita yang sempit dan lari dari kaedah dakwah Rasulullah s.a.w.," katanya.

Program Nunji anjuran AMANAH Kelantan menampilkan tiga pembentang kertas kerja utama iaitu ahli akademik Dr. Fauzi Zakaria, Pengarah Panel Syariah AMANAH, Ustaz Zolkarnain Abidin serta pendakwah dan tokoh muda Keadilan Ustaz Wan Ji Wan Husin.

Speaker diingat jangan memihak parti politik

SHAH ALAM: Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah mengingatkan speaker Dewan Undangan Negeri (Dun) dan Parlimen agar melaksanakan tugas dengan berkesan dan efektif selain tidak memihak kepada mana-mana parti politik sama ada pihak pemerintah dan pembangkang ketika persidangan dewan berlangsung.

Baginda bertitah ia bertujuan memastikan institusi dewan dapat berperanan dengan baik dan mematuhi prinsip-prinsip keadilan yang sebenar.

iOleh itu, speaker hendaklah memastikan agar ahli-ahli dewan sentiasa mematuhi dan melaksanakan setiap peraturan dan garis panduan dewan yang telah ditetapkan, titah baginda ketika merasmikan Persidangan Speaker-Speaker Parlimen dan Dewan Undangan Negeri Seluruh Malaysia 2017 deekat sini, 13 Mei lalu.

Turut hadir pada persidangan itu Menteri Besar Selangor Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, Yang Dipertua Dewan Rakyat Tan Sri Pandikar

Amin Mulia, Yang Dipertua Dewan Negara Datuk Seri SA Vigneswaran dan Speaker DUN Selangor Hannah Yeoh.

Sultan Sharafuddin bertitah speaker dewan juga perlu berperanan mengawal keadaan apabila berlaku pertelingkahan dalam kalangan anggota dewan ketika sesi persidangan.

"Ahli-ahli Yang Berhormat yang membahaskan sesuatu usul atau menzahirkan pandangan hendaklah dilakukan secara berhemah dengan mengikut segala peruntukan yang ditetapkan di dalam Peraturan-Peraturan Tetap Dewan.

"Beta tidak mahu berlakunya kejadian ahli dewan bercakaran di dalam dewan dengan melemparkan bahasa-bahasa kesat dan menyakitkan hati tanpa mengawal emosi mereka," titah baginda.

Sultan Sharafuddin bertitah, adab dan tatasusila ketika berbahasa juga penting bagi membuktikan Malaysia mempunyai pemimpin matang dan berkeperibadian tinggi.

Baginda turut mengingatkan

speaker dan anggota dewan supaya mendukung kedaulatan institusi beraja dan Sistem Raja Berpelembagaan sebagai sebahagian daripada elemen penting di dalam Parlimen dan Dun.

Baginda bertitah, peranan institusi raja di dalam Dun khususnya, bukan sekadar sebagai lambang bagi upacara rasmi semata-mata tetapi merangkumi aspek kuasa dalam meluluskan sesuatu rang undang-undang yang telah dibahaskan.

"Justeru itu, semua pihak terutama speaker diingatkan agar menghormati dan akur kepada institusi raja sebagai lambang kekuatan bangsa dan negara," titah baginda.

Dalam pada itu, Sultan Sharafuddin menyarankan dewan supaya mengurangkan masa persidangan yang melangkai waktu berehat iaitu selepas 12 tengah malam.

"Ia kerana kecergasan minda semua pihak termasuk urusetia dewan dan para pelapor tidak berada pada paras optimum ketika itu," titah baginda.

Halau 'hantu 13 Mei' guna 'jampi Bangsa Malaysia'

KUALA LUMPUR: Naib Presiden AMANAH Datuk Dr Mujahid Yusof menyeru pihak yang sudah lemah dan bersikap rasis serta sempit dalam beragama agar memberikan ruang kepada pemimpin baharu bagi memelihara dan menjaga negara ini berteraskan negara bangsa untuk Malaysia.

Sempena tarikh 13 Mei yang menjadi sejarah hitam negara ini, beliau turut menyeru rakyat menolak mesej kebencian kaum dan agama oleh sesetengah pihak.

Dalam suasana kleptokrasi dan salah guna kuasa pihak yang memerintah, kebencian kaum dan agama, tegasnya mudah menjadi alat mencapai maksud sempit sesetengah golongan apatah lagi jika ia diinsusitikan dan diberkati oleh golongan agamawan dan tokoh masyarakat.

"13 Mei 1969 bukanlah sejarah yang hendak dibanggakan, ia seharusnya sejarah negara yang meninggalkan bekas pengajaran kepada generasi pewaris.

"Sesebuah negara terpaksa melalui proses melalui detik pahit

dan manis dari peristiwa yang membentuk jati diri dan semangat patriotik mereka. Kini setelah 48 tahun berlalu peristiwa 13 Mei masih berbekas dan menjadi bahan cerita sesekali ditokok tambah dengan mitos dan kisah legenda," katanya.

Amat malang katanya apabila bekas perbalahan kaum berdarah itu disuburkan oleh sesetengah pihak dengan membawa agenda rasis diselit kebencian agama.

"Masih lagi ada seruan bahaya bangsa asing (kaum Cina), bela bangsa (Melayu), pendatang dan perpaduan Melayu," katanya.

Sebaliknya beliau berkata, peristiwa 48 tahun lalu patut menjadi sempadan agar rasisme dan agama sempit tidak menjadi aturan dalam hubungan antara kaum.

"Kita wajib menghalau gangguan 'hantu 13 Mei' menggunakan 'jampi Bangsa Malaysia' dengan tekad memelihara fondasi negara yang merangkul erti kepelbagaian," katanya yang juga Ahli Parlimen Parit Buntar.

Menelusuri konsep 'politik matang' Presiden Pas

KALAU anda masih lagi mencari-cari erti atau makna 'Politik Matang dan Sejahtera' yang diwawarkan Pas mutakhir ini, anda kini boleh menarik lafaz lega.

Kehadiran Presiden Pas Tuan Guru Datuk Seri Abdul Hadi Awang ke majlis pelancaran program tukun tiruan oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani di perairan Pulau Kapas baru-baru ini mendapat ulasan paling jelas dari Haji Hadi sendiri.

Beliau menyebutkan: "Terima kasih kerana beri peluang untuk semua, untuk orang politik, dapat kembali semula kepada politik matang". Menyambung lagi, "Kerjasama hari ini (Pas dan Umno) adalah politik matang, politik yang tidak berkelahi, politik kepentingan bersama. Politik boleh berbeza pendapat tapi untuk apa sahaja isu kepentingan rakyat, kita mesti bersama".

Haji Hadi tidak perlu meyakinkan rakyat bahawa beliau mengambil langkah pertama dalam melaksanakan 'politik matang' dengan kehadirannya itu. Sebabnya jelas. Kerana itu bukan langkah pertama politik matang beliau. Haji Hadi telah beberapa kali hadir, dan pernah berpakaian sedondon bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Lalu apakah 'politik matang' hanya sekadar kehadiran bersama pimpinan tertinggi di atas pentas satu sama lain? Seperti juga DS Jamil Khair hadir di atas Perhimpunan Ungu RUU 355 di padang Merbok. Jamil berkebetulan adalah defendan bersama Yapeim, yang disaman Yayasan Anak Yatim/Miskin (Pemangkin) sebanyak RM20 juta kerana didakwa salahguna kuasa.

Pastinya tidak! Itu adalah kerja-buat atau manifestasinya sahaja. 'Politik Matang' adalah lebih mendalam dari itu. Penulis tegas mengatakan bahawa 'Politik Matang' adalah 'ijtihad pemikiran politik' Haji Hadi paling canggih dan berani dalam pengalaman beliau memimpin sebuah parti Islam.

Benar Haji Hadi banyak menulis buku dan benar juga beliau satu masa dahulu adalah pemedato yang dikagumi, namun berbicara tentang 'ijtihad pemikiran politik' yang secara 'originalnya' milik beliau, sememang sukar untuk dicari atau lebih tepat lagi tidak ada. Maaf itu seikhlasnya.

Kalau beliau mendakwa bahawa konsep 'Tahaaluf Siyasi' itu beliau pelopori, maka pastinya itu satu kesalahan fakta. Almarhum Ustaz Fadzil Noor (AUFN) 'terpaksa' membuat pertemuan ulama gerakan antarabangsa di United Kingdom, ketika bercadang untuk mengorak langkah berkerjasama dengan lebih konkrit lagi dengan parti-parti bukan Islam (yakni mengadakan Tahaluf Siyasi) sebaik sahaja era Gerak dan Reformasi meletus. Ia berakhir dengan penubuhan Barisan Alternatif (BA).

Perkara ini sebaiknya akan ditentusahkan oleh seorang pimpinan veteran Pas Dr Daeng Sanusi mengikut versinya yang kami rakamkan (Qaul Qadim). Mungkin sahaja beliau ada pandangan barunya (Qaul Jadid). Tinggalkan perihai 'Tahaluf Siyasi' sebentar.

Sehampirnya 'ijtihad pemikiran politik' yang dihasilkan oleh Haji Hadi adalah 'Kerajaan Perpaduan'. Justeru tidak pernah diolah dan ditulis sebagai satu 'konsep-tasawur' atau 'metodologi-manhaj' yang jelas dan tuntas dalam rangka 'Perubahan-Islah-Change' maka sejarah tidak dapat menilainya secara adil dan ilmiah.

Setelah simpang-siur pemikiran itu berputik dan berakhir dengan keberantakan sehingga menyaksikan tercampak keluar dua tokoh besar Pas yakni Datuk Hassan dan Ustaz Nasharuddin Mat Esa, pemikiran 'Kerajaan Perpaduan' masih tidak reda lalu menghantui banyak pihak di dalam Pas sehingga kini.

Paling hampir untuk debat dan perbahasan menjadi realiti untuk dibawa ke satu Muktamar Khas, seperti dipinta Almarhum Tuan Guru Nik Aziz (ATGNA), adalah sebaik sahaja selepas PRU ke-12 yakni 2009.

Beberapa peristiwa dan langkah-langkah 'unilateral atau tanpa pengetahuan pimpinan lain' yang dilakukan Hassan Ali dan Nasharuddin dengan pimpinan tertinggi Umno, kononnya mendapat restu dari Haji Hadi selaku Presiden, menjadi sebab mengapa ATGNA mahukan isu Kerajaan Perpaduan ditangani secara bermuktamar.

Ketika itu semua pimpinan Pas jelas bahawa Muktamar adalah badan tertinggi memutuskan segala dasar. Kini nampaknya berbeza.

Amat malang buat Haji Hadi Muktamar Khas tersebut tidak menjadi kenyataan. Ada pihak yang dikatakan takut untuk berdepan bagi membahar segalanya secara tuntas dan muktamad. Ya, isu yang kerap menyerang hendap pada saat-saat tertentu pimpinan Pas leka. Terlepas peluang Haji Hadi membentangkan 'naratifnya' yang sebenar apa itu 'Kerajaan Perpaduan'.

Program tersebut digantikan dengan satu program khas menseminarkan konsep 'Kerajaan Perpaduan' - tema yang diangkat Pas sebagai 'battle-cry' dalam PRU Ke-12 (2008), yang sekaligus menutup persepsi buruk rakyat khususnya Bukan-Melayu dan Bukan-Islam terhadap 'Dokumen Negara Islam' (DNI).

Buat yang peka dan tidak mudah lupa, kajian post-mortem PRU ke-11 (2004), dimana Pas mengalami keputusan buruk selepas menang besar pada PRU Ke-10 (1999) mendapati faktor dominan kekalahan Pas mengikut kajian 'fokus group' adalah 'Pelancaran DNI dan kegagalan mengurus penerangannya'.

Pusat Penyelidikan Pas (PPP) berusaha me-

rubah persepsi buruk ini dengan menggunakan 'Strategi Menyah Prajudis' (Strategy of Innoculation) pada PRU ke-12 dengan Manifesto 'Negara Berkeadilan' dan slogan keramat 'PAS FOR ALL'. Runtuh pelbagai tembok prasangka dan kekhawatiran pihak bukan-Melayu dan bukan-Islam serta juga golongan Melayu-Islam yang mula menyokong Pas sehingga dapat dibawa momentumnya ke PRU 13 (2013).

Namun sejujurnya lagi, sementara pemikiran 'Negara Berkeadilan' tampil pada era kepimpinan Haji Hadi, apakah beliau sebenar-benarnya menyokong konsep dan tasawur itu?

Namun sejujurnya lagi, sementara pemikiran 'Negara Berkeadilan' tampil pada era kepimpinan Haji Hadi, apakah beliau sebenar-benarnya menyokong konsep dan tasawur itu?

Penulis masih ingat kata-kata pujian Dr Mohammed Nor Manuty yang berucap di seminar khas itu menegaskan bahawa 'Negara Berkeadilan' adalah Ijtihad Gerakan dan Parti Islam Pas yang paling kontemporari dan tepat dengan waqi' serta realiti negara majmuk ini.

Namun sehingga kini penulis masih sangsi atau tidak tahu sebenar-benarnya di mana letak duduk Negara Berkeadilan ini? Menilai dari ucapan dan tulisan pemimpin Pas mutakhir ini, Pas sudah kembali memperjuangkan misi menubuhkan 'Negara Islam' dengan segala isi dan kehendak dokumen yang di sunting oleh Majlis Syura setelah mengambil alih dari PPP setelah meninggal AUFN.

Pun begitu, umum ingin juga tahu apa sebenar-benarnya ijtihad pemikiran 'Politik Matang & Sejahtera' pemikiran Haji Hadi ini?

Buat penulis, andainya benar-benar Haji Hadi jujur untuk memeloporinya dan mengada vokasikannya maka beliau harus terlebih dahulu bersedia untuk melakukan satu perkara besar dan maha penting.

Haji Hadi mesti bersedia untuk 'menarik balik dan membatalkan' apa yang sehingga kini di kenali dengan jolokan 'Amanah Haji Hadi'.

Doktrin yang telah mewarnai landskap politik tanah air yang bersifat 'permusuhan dan per seteruan tajam' khasnya antara pemimpin dan penyokong Pas dan Umno, berdekad-dekad lamanya mesti dibatalkan secara rasmi dan dikuburkan buat selama-lamanya.

Haji Hadi mesti bersedia menerima hakikat dan tuntutan apa yang beliau sebutkan di atas tadi, "Terima kasih kerana beri peluang untuk semua, untuk orang politik, dapat kembali semula kepada politik matang". Apakah makna dan erti "kembali semula" yang dimaksudkan Haji Hadi?

Apakah "kembali semula" itu seperti amalan dan pemikiran pimpinan terdahulu sebelum beliau seperti Dr Burhanuddin Hilmi, Profesor Zulkifli Mohammad, Pak Sheikh Yusuf Rawa, ATGNA atau AUFN. Semua pimpinan ini tidak membawa ittihad atau trend pemikiran yang



ANALISIS

DR DZULKEFLY AHMAD

mudah menjatuhkan hukuman 'takfir' kepada pihak lawan sehingga membawa perpecahan dalam masyarakat Islam.

Perhatikan kembali Amanah Haji Hadi pada tahun 1981 ini... kesan dan akibat politik takfir dan melabel... 'tegasnya perpecahan dalam masyarakat' masih punya kesan dan bahana di sesetengah kawasan di Terengganu sehingga kini seperti Besut, Setiu dan lain-lain.

Saudara-saudara sekalian percayalah, Kita menentang Umno, bukan kerana nama dia Umno. Kita menentang Barisan Nasional bukan kerana dia lama memerintah kerajaan. Kita menentang dia ialah kerana dia mengekalkan perlembagaan penjajah, mengekalkan undang-undang kafir, mengekalkan peraturan jahiliah. Oleh kerana itulah kita menentang mereka. Oleh kerana itulah kita menghadapi mereka. Oleh itulah kita cuba berlawan dengan mereka.

Percayalah saudara-saudara sekalian, Perjuangan kita adalah jihad, ucapan kita adalah jihad, derma kita adalah jihad. Bergantunglah kita kepada Allah dengan (menghadapi) puak-puak ini kerana kalau kita mati melawan puak-puak ini, mati kita adalah syahid. Mati kita adalah Islam. Kita tidak perlu masuk Buddha, Kita tidak perlu masuk Hindu, Kita tidak perlu masuk Kristian, Tapi kita menjadi kafir dengan mengamalkan 'politik suku, agama suku'.

Pun begitu, penulis akan meneliti seterusnya bagaimana kini Haji Hadi telah membuka lembaran baru yang tidak kurang buruk dan negatifnya buat negara ini dalam menganjurkan 'Politik Matang'.

Sekaligus ini menajamkan konflik antara agama yang diadunkan dalam bingkai ras-etnik dengan doktrin Ketuanan Melayu-Islam. RUU355 adalah wahananya dan Umno mengambil kesempatan ini untuk mencati talian hayatnya.

Bagaimana 'Politik Matang' bakal mencorak persaingan dalam PRU ke14 dan menentukan dinamika pertandingan serta keputusan pilihan raya nanti. Tunggu dan baca seterusnya bahagian kedua. Insha Allah.

■ Dr Dzulkefly Ahmad ialah Pengarah Strategi Parti Amanah Negara

Hadapi BN dan sekutunya Siap siaga tanding 3 penjuru

KUALA LUMPUR: Semua parti komponen Pakatan Harapan perlu menerima hakikat pertandingan tiga penjuru dalam pilihan raya umum (PRU) akan datang setelah Majlis Syura Ulama Pas memutuskan hubungan dengan Keadilan.

Pengarah Strategi AMANAH Dr Dzulkefly Ahmad berkata, Keadilan adalah ikatan terakhir Pas dengan pembangkang atau Pakatan Harapan dan keputusan yang dibuat Pas tanda berakhirnya hasrat untuk melihat pertandingan satu lawan satu antara PH dan BN.

"Hakikat pertandingan tiga penjuru ini mesti segera diinsafi oleh semua parti komponen Pakatan Harapan terutamanya Bersatu (PPBM)," ujar beliau.

Dr Dzulkefly menambah, keputusan Majlis Syura Ulama itu menunjukkan semua usaha Keadilan dan PPBM untuk

mewujudkan persefahaman pilihan raya dan persefahaman politik dengan Pas gagal dilaksanakan.

"Segala usaha, khasnya oleh pimpinan Keadilan dan Bersatu terutama di negeri Selangor untuk meyakinkan dan memujuk Pas untuk mewujudkan 'Persefahaman Pilihanraya Raya' (Electoral Understanding) kalau tidak pun 'Persefahaman Politik' (Electoral Pact) hampir mustahil atau mudahnya gagal dicapai," katanya.

Sehubungan itu, beliau menyarankan pemimpin Pakatan Harapan khususnya di Selangor segera menyusun strategi pilihan raya untuk berhadapan perkembangan terbaru ini.

"Amat tidak bijak kerana suasana di Selangor khususnya, kita sekadar menyebut 'kita tengok selepas bubar parlimen dan izinkan pertandingan secara bebas'," ujarnya.

Beliau juga yakin rakyat khususnya pen-

gundi semakin jelas siapakah sebenarnya yang menolak formula 'satu lawan satu' dalam PRU akan datang.

Malah ujarnya, rakyat juga harus tahu parti yang akan memberikan kemenangan kepada Umno-BN dalam pertandingan tiga penjuru.

"Sememangnya bukan mudah tetapi kajian dan simulasi masih menunjukkan kejayaan mampu digapai dengan usaha yang gigih dan gandingan kerja yang berkesan.

"Bebanan dan derita rakyat kian memuncak dibawah kerajaan kleptokrat yang boros rakus dan bolot ini," ujarnya.

Majlis Syura Ulama Pas 11 Mei lalu mengesahkan pembatalan kerjasama politik dengan Keadilan, namun kedudukan parti itu dalam kerajaan negeri Selangor diserahkan kepada Jawatankuasa Pas Pusat.

Pengumuman dibuat Setiausaha Majlis Syura Ulama Pas Nik Muhammad Zawawi

Salleh dalam sidang media di Pejabat Agung Pas.

Menurut Zawawi, begitu banyak pelanggaran terhadap syarat-syarat tahaluf siyasi yang menyebabkan hubungan politik antara Pas dan PKR terbatal.

Antara pelanggaran tersebut, ujar beliau adalah kegagalan Keadilan untuk menyokong malah menentang sebahagian agenda Islam yang dibawa Pas seperti usul Rang Undang-undang 355 (RUU 355).

PKR juga, jelas Zawawi telah melanggar adab-adab kerjasama dalam politik seperti menyerang pimpinan Pas dan membuat tuduhan-tuduhan palsu yang merosakkan imej Pas.

Malah parti itu dianggap mengkhianati hubungan politik dengan Pas apabila bekerjasama dengan pihak-pihak yang mahu menjatuhkan kerajaan negeri Kelantan dan menentang Pas dalam pilihan raya kecil Sungai Besar dan Kuala Kangsar.

Keadilan pula jadi mangsa 'melabel' Pas

KUALA LUMPUR: Keputusan Pas memutuskan hubungan tahaluf siyasi dengan Keadilan turut mendapat komen pemimpin muda DAP.

Penolong Setiausaha Publisiti DAP Johor Sheikh Omar Ali menyifatkan Keadilan kini turut menjadi mangsa tabiat melabel Pas apabila Majlis Syura Ulama parti itu menuduh Keadilan menentang sebahagian daripada agenda Islam yang dibawa Pas.

"Bagi saya ini adalah satu tuduhan yang cukup berat. Nampaknya bukan sekadar DAP sahaja yang menjadi mangsa labelan Pas kononnya menentang Islam, rupanya Keadilan juga dihukum hal yang sama," ujarnya.

Bagaimanapun beliau tertarik dengan 'penghakiman' berbeza Pas terhadap situasi kerjasama parti itu dengan Keadilan di Selangor.

Menurut Sheikh Omar, dengan menggunakan istilah 'masalah' sebagai

alasan, pendirian Pas terhadap kedudukan perjawatan Ahli Dewan Undangan negeri (Adun) parti itu dalam kerajaan negeri Selangor khususnya Exco negeri tidak setegas keputusan membatalkan tahaluf siyasi dengan PKR.

"Hal ini membenarkan kenyataan yang pernah saya lontarkan pada 1 Mei lalu bahawa 'Tuhan bukanlah sekala-galanya bagi Pas saat bertembung soal kuasa,'" katanya.

Tambah beliau, dengan menggunakan hujah apa sekalipun, sukar bagi Pas untuk berundur setelah merasai nikmat berada di tampuk kuasa.

"Masakan Pas mahu lepaskan jawatan-jawatan mereka dalam kerajaan negeri? Tidak mungkin.



Sheikh Omar Ali

"Pas tidak peduli semua ini biarpun bakal digelar 'muka tak malu', ibarat 'sudah ditalak, tapi masih mahu duduk serumah!'" ujarnya sinis.

Beliau bagaimanapun berkata, bola kini terletak di kaki Pakatan Harapan khususnya Keadilan untuk menilai dan membuat keputusan tentang kedudukan Pas dalam kerajaan negeri Selangor.

Saya dan DAP berkongsi matlamat, kata Mahathir

KUALA LUMPUR: Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tun Dr. Mahathir Mohamad menegaskan beliau dan DAP berkongsi matlamat iaitu untuk menyingkirkan kerajaan kleptokrasi.

Bagaimanapun bekas Perdana Menteri itu berkata, kerjasama itu tidak bermakna DAP 'memiliki dirinya' seperti dituduh sesetengah pihak.

"Ya, saya bersama DAP tetapi DAP tidak memiliki saya. Kami berkongsi objektif yang sama untuk menyingkirkan kerajaan kleptokratik," katanya ketika ditemui pemberita di Kompleks Mahkamah, Jalan Duta, dekat sini, 12 Mei lalu.



Tun Dr. Mahathir

Beliau mengulas ucapan Perdana Menteri yang juga Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak pada sambutan ulang tahun parti itu yang membidas bekas pemimpin Umno itu kerana 'bersekongkol' dengan DAP.

PPBM secara rasmi menganggotai Pakatan Harapan pada 20 Mac lalu selepas Majlis Presiden gabungan itu bersetuju menerima permohonan parti tersebut.

Keadilan tolak tohmahan majlis syura Pas

KUALA LUMPUR: Keadilan menegaskan tidak sama sekali mengkhianati tahaluf siyasi yang dimeterai dengan Pas malah tetap komited untuk menentang budaya rasuah dan kleptokrasi kerajaan Umno-BN.

Malah Presidennya Datuk Seri Dr Wan Azizah Ismail mengajak semua parti politik yang progresif untuk bergabung tenaga dan bersatu menyelamatkan Malaysia dengan mengempikan kepentingan parti masing-masing dan meletakkan agenda rakyat sebagai kerangka kepentingan bersama.

Dalam satu kenyataan media yang dikeluarkan 12 Mei lalu, Keadilan katanya mengambil maklum keputusan Majlis Syura Ulama Pas yang membatalkan hubungan politik tahaluf siyasi walaupun pelbagai usaha telah dilakukan untuk mengekalkan muafakat politik

demasi memenuhi aspirasi rakyat.

"Keadilan tidak pernah mengkhianati prinsip tahaluf siyasi semenjak terbentuknya muafakat politik.

"Keadilan mendukung secara prinsip usaha pemerkasaan mahkamah syariah seperti yang ditegaskan oleh kenyataan media Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 8 April 2017 yang juga merupakan pendirian rasmi Keadilan," ujarnya.

Menurut Dr Wan Azizah, matlamat dan tindakan Keadilan dalam semua pilihan raya termasuk pilihan raya kecil Sungai Besar dan Kuala Kangsar adalah untuk menentang Umno dan BN.

Mengulas tentang kedudukan kerajaan negeri Selangor ekoran pembatalan kerjasama Pas dan Keadilan, beliau berkata perkembangan terbaru itu tidak sama sekali menjejaskan kerajaan negeri yang diterajui Keadilan

memandangkan ia mendapat mandat penuh rakyat Selangor.

"Kerajaan Negeri Selangor di bawah kepimpinan YAB Datuk Seri Mohamed Azmin Ali akan terus berfungsi seperti biasa untuk fokus membangun negeri dan memakmur rakyat," katanya.

Tiga Exco Pas masih menganggotai kabinet negeri malah Pesuruhjaya Pas negeri Sallehen Mukhyi berkata, Pas akan terus kekal dalam kerajaan negeri hingga penggal pemerintahan berakhir.

Lebih 5000 anggota Pas mengisi pelbagai jawatan kerajaan negeri apabila Pakatan Rakyat membentuk kerajaan selepas pilihanraya umum lalu.

Dalam nada yang lebih tegas, Setiausaha Agung Keadilan Datuk Saifuddin Nasution Ismail menolak tohmahan Majlis Syura Ulama

Pas kononnya parti itu menentang agenda Islam, melanggar adab-adab bekerjasama dalam politik dan khianat dalam hubungan politik dengan Pas.

Saifuddin turut menzahirkan kekesalan parti terhadap keputusan Majlis Syura Ulama Pas untuk memutuskan hubungan dengan parti itu namun menghormatinya atas kebebasan politik.

Menurut beliau, rekod Keadilan kekal sebagai sebuah parti multiracial, komited memperjuangkan agenda rakyat, membanteras rasuah dan penyelewengan, mendedahkan salah urus dan tatakelola pemerintah dan teguh memupuk dan memelihara kerjasama akrab dan solidariti sesama rakan-rakan pembangkang.

"Pimpinan Keadilan akan segera berbincang dan mengambil pendirian terhadap keputusan Majlis Syura Ulama Pas," katanya dalam satu kenyataan.

Serang DAP sempena hari jadi Umno

Najib puji Presiden Pas

Oleh ARIF ATAN

KUALA LUMPUR: Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak menyokong kenyataan Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang berkenaan kerjasama kedua-dua parti itu.

Berucap sempena ulang tahun Umno ke-71 di Stadium Nasional Bukit Jalil, 11 Mei lalu, Najib memetik ucapan pemimpin agung Pas itu yang menyentuh tentang 'berpolitik demi kepentingan bersama'.

"Memetik ucapan Tuan Guru



Najib memimpin bacaan doa sambil diaminkan pemimpin Umno dan hadirin.

Hadi Awang, kerjasama Umno-Pas kini adalah satu amalan politik yang

benar-benar matang kerana politik antara Pas dan Umno, kita tidak

berkelahi sebaliknya kita berpolitik demi kepentingan bersama.

"Haji Hadi turut menyatakan dalam politik kita boleh berbeza pendapat tetapi dalam isu-isu yang melibatkan kepentingan rakyat dan negara kita mesti bersatu serta bersama," ujar Najib di hadapan ribuan penyokong Umno dan pelajar institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dari seluruh negara.

Pengerusi BN itu juga mengulaskan keputusan Majlis Syura Ulama Pas yang pada hari yang sama membatalkan tahluf siyasi

(kerjasama politik) antara Pas dengan Keadilan.

Perhimpunan yang menyaksikan Najib menyimpulkan amanatnya dengan memimpin bacaan doa itu turut menyentuh pendirian Pas terhadap DAP sekaligus menggambarkan kerjasama Umno-Pas menjelang Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14).

"Sebab itulah parti Pas sudah menganggap DAP menjadi musuh kepada Islam dan bagi Umno pula DAP adalah musuh kepada orang-orang Melayu," tegasnya lagi.

Ribuan pelajar UiTM dan IPTA dikerah hadir

UiTM mengerah ribuan pelajar menghadiri program sambutan 71 tahun Umno di Stadium Nasional Bukit Jalil yang berlangsung 11 Mei lalu.

Dalam surat yang tular disebar di media sosial, Timbalan Naib Canselor (HEP) UiTM Prof Datuk Dr Abdullah Mohamad Said memohon Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UiTM Prof Sr Ir Dr Suhaimi Abd Talib agar mengecualikan kuliah para pelajar pada 10 dan 11 Mei 2017.

Ini katanya, bagi membolehkan para pelajar terbabit terlibat dalam penganjuran bersama 'agensi luar' untuk 'Program Kesukarelawanan UiTM' di Stadium Nasional Bukit Jalil.

Dr Abdullah juga memohon pengecualian kuliah pelajar yang terlibat dalam program itu mulai 8 Mei hingga 11 Mei 2017.

Umno menganjurkan sambutan ulang tahun penubuhan ke-71 di Stadium Nasional Bukit Jalil bermula jam 6.30 petang hingga tengah malam.

Dalam perkembangan berkaitan, satu pesanan WhatsApp tersebar di media sosial berhubung arahan dikeluarkan kepada jurulatih

kokurikulum UiTM Shah Alam untuk mewajibkan semua pelajar kokurikulum menghadiri 'program sukarelawan patriotisme' di Stadium Bukit Jalil hari ini.

Para pelajar terbabit diminta berkumpul pada jam 10 pagi di padang kawad UiTM untuk menaiki bas bernombor 01 hingga 70.

Bagi anggota badan uniform pelajar semester satu, mereka diarah berkumpul pada jam 2 petang di padang kawad UiTM untuk menaiki bas bernombor 41 hingga 110.

Para pelajar terbabit disyarat memakai pakaian sukan dan berkasut serta digalakkan membawa tuala kecil.

Makan dan minum untuk mereka disediakan beserta surat pengecualian kuliah, kupon aktiviti dan sijil sukarelawan.

Dalam perkembangan berkaitan, tindakan UiTM memeralatkan para pelajar bagi sambutan Hari Umno dikecam Armada dan Angkatan Muda Keadilan (AMK).

Ketua Armada Malaysia, Syed Sadiq Syed Abdul Rahman mengakui menerima lebih 300 laporan bahawa mahasiswa telah dipaksa untuk menghadiri sambutan 71 tahun

Umno.

"Berdasarkan pelbagai maklumat dan laporan yang dimaklumkan terus kepada kami, puluhan ribu mahasiswa dari IPTA seluruh negara telah dikerah untuk menghadiri program itu tanpa kerelaan.

"Armada mengecam tindakan menjengkelkan ini kerana bukan sahaja ianya tanpa kerelaan mahasiswa, malah dikhabarkan ada yang diugut untuk diambil tindakan tatatertib ataupun disahkan tidak hadir ke kelas setelah arahan 'pemaksaan' untuk wajib hadir dikeluarkan sendiri melalui pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP) IPTA-IPTA di seluruh Malaysia ibaratnya program Umno ini adalah program wajib di bawah universiti," tegas beliau.

Syed Sadiq juga mendapat maklumat kelas pengajian pelajar terpaksa ditangguh malah ada beberapa universiti yang sedang dalam musim peperiksaan turut diganggu bagi mengerah pelajar ke program Umno dengan kelas atau peperiksaan digantikan kepada suatu masa yang lain.

"Bagi IPTA luar dari Kuala Lumpur dan sekitar, mereka terpaksa hadir awal, sebagai contoh rungutan



Surat kerahan UiTM untuk para pelajar menghadiri program sambutan Hari Umno di Stadium Bukit Jalil menjadi tular di media sosial.

mahasiswa dari Universiti Malaysia Kelantan (UMK) yang terpaksa hadir sehari awal sebagai persediaan dan meninggalkan kelas serta mengingati di salah sebuah UiTM di sekitar Selangor," katanya.

Beliau turut mendapat maklumat bahawa para pelajar turut diberikan wang untuk hadir dan berdepan ugutan sekiranya mengelak untuk turut serta.

Malah para pelajar terbabit, kata Syed Sadiq dipaksa menghafal lagu

'Sayangi Najib' kononnya tanda sokongan penuh mereka yang hadir ke Stadium Bukit Jalil.

Mengulas isu yang sama, Timbalan Ketua AMK Dr Afif Bahardin mengaku menerima mesej WhatsApp daripada seorang warga kerja UiTM bahawa satu usaha tersusun telah dijalankan bagi memanipulasi dan memobilisasi mahasiswa UiTM Shah Alam ke Stadium Bukit Jalil.

"Pastinya kami berasa sangat dukacita dan mengecam sikap Umno yang bukan sahaja telah memanipulasi mahasiswa tetapi pada masa sama telah mengaburi mahasiswa dengan memperdaya mereka untuk hadir ke satu program kesukarelawan, walhal sebenarnya dipergunakan untuk memenuhi stadium bagi sambutan hari ulang tahun Umno," kesalnya.

Dr Afif juga ingin tahu jumlah dana yang telah diperuntukkan untuk melakukan kerahan ini termasuk kos pengangkutan, makanan, pakaian dan cetakan sijil.

"Apakah semua dana yang dikeluarkan untuk program dan kerahan seperti ini adakah menggunakan dana Umno atau dana UiTM?" soal beliau.

Najib sindir negarawan bantu 'musuh'

TANPA menyebut nama, amanat Datuk Seri Najib Razak sempena hari ulang tahun Umno ke-71, 11 Mei lalu dilihat menyindir bekas 'bos' Presiden Umno itu, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Menggunakan perlambangan berbau lucah, Najib menganggap tindakan 'negarawan yang pernah kita sanjung' itu telah mengkhianati Umno demi kepentingan diri sendiri.

"Namun sayang seribu kali sayang, setelah lebih 70 tahun Umno berjuang dalam menentukan untung nasib orang Melayu dan rakyat Malaysia, setelah 60 tahun kita meraih kemerdekaan dan bersusah payah BN membawa kemajuan di negara ini, sungguh tidak disangka tidak pernah

diduga ada satu, dua bekas pimpinan negara termasuk seorang negarawan yang pernah kita sanjung tergamak dan sanggup bersubhat berbuat khianat terhadap parti kita.

"Sanggup menjatuhkan pimpinan kita, sanggup memerangi Umno dan BN. Yang menyedihkan beliau sanggup menjilat lidah, berdamping dan 'bercium mulut' dengan musuh, memerangi parti Umno yang pernah dipimpin beliau selama berpuluh tahun kerana agenda peribadi," tegas Najib.

Pengerusi BN itu selanjutnya mengaitkan negarawan berkenaan dengan doktrin memusuhi DAP sekaligus membenarkan tanggapan banyak pihak

selama ini tentang orientasi politik Umno yang sengaja memainkan sentimen kaum dan agama.

"Kita tidak lupa, siapa yang mengajar kita selama ini, DAP itu parti perkauman. Siapa orang itu?"

"Siapa yang mendidik kita selama puluhan tahun menanamkan kebencian terhadap parti DAP sebagai parti cauvinis dan rasis yang membenci Melayu dan Islam?" soal Najib lagi.

Mahathir, 92, kini Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) yang secara rasmi telah bersama-sama Pakatan Harapan untuk menentang Umno-BN pada PRU14 nanti.

Program di Stadium Nasional Bukit Jalil itu

turut menyaksikan pengakuan Najib yang penuh bersedia menghadapi pilihan raya umum (PRU).

"Kita tidak berasa gentar. Kita tidak gundah gulana walau apapun cabaran mendatang yang cuba dilontarkan oleh pihak lawan, kitakan hadapi dengan segala kekuatan.

"Melihatkan sambutan yang sungguh meriah pada malam ini, semangat yang berkobar-kobar yang membakar, saya merasakan bahawa seolah-olah Umno baru kita tubuhkan malam ini.

"Hidup Melayu! Hidup Umno!" teriaknya sebanyak dua kali selain beberapa kali menuntut ahli parti itu mempertahankan Umno sehingga ke titisan darah terakhir.

Mahathir hilangkan undi Umno

KUALA LUMPUR: Pengaruh Tun Dr Mahathir Mohamad sangat besar dalam menentukan siapakah yang akan mendapat undi dalam pilihan raya umum akan datang terutama di kalangan pengundi Umno/BN.

Pensyarah Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Dr Mazlee Malik berkata, setiap kali pulang ke Kedah dan Johor, beliau dapat merasai

pengaruh bekas perdana menteri selama 22 tahun itu.

"Kalau kita pergi ke Jitra dan naik sampai ke Arau, kita dapat rasainya. Langkawi sudah 'gone case'," kata Mazlee merujuk kepada Mahathir yang mengetuai Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) Bahagian Langkawi.

Mazlee berkata demikian dalam sesi bual bicara 'Perspektif Semasa' bersama Datuk Mahfuz Omar, ahli parlimen

Pokok Sena yang diterbitkan oleh Media Oren.

"Saya orang Johor, isteri saya orang Kedah. Bila kami pulang ke kampung, saya buat tinjauan dan mengesan arus ini," kata Mazlee.

Mahathir sebagai Pengerusi PPBM kini dilantik penasihat Pakatan Harapan yang menggabungkan empat parti iaitu Keadilan, DAP, AMANAH dan PPBM.

Kaji kebajikan dan keselamatan doktor perubatan

KUALA LUMPUR: Pemuda AMANAH Nasional mencadangkan penubuhan sebuah suruhanjaya bagi mengkaji kebajikan, keselamatan dan skim perkhidmatan pengamal perubatan bertujuan meringankan beban tugas mereka yang berkhidmat di hospital kerajaan.

Pengarah Biro Kesihatan Pemuda AMANAH, Dr Muhammad Omar berkata, suruhanjaya ini perlu secara aktif mengkaji dan melaksanakan penambahbaikan secara keseluruhan sistem dan waktu bekerja di kalangan pengamal-pengamal perubatan.

"Ia termasuklah menangani isu seperti gaji dan imbuhan, lambakan graduan perubatan, latihan pegawai-pegawai perubatan baru dan sebagainya.

"Tugasan pegawai perubatan sememangnya satu tanggung jawab yang berat. Pengamal-pengamal perubatan ini bekerja keras melaksanakan tugas untuk menjaga kebajikan dan nyawa pesakit, tetapi siapa pula yang memikirkan keba-

jikan dan keselamatan nyawa mereka?" soalnya.

Beliau mengulas tragedi yang menimpa pengamal perubatan, Dr Nurul Huda Ahmad yang juga pelajar tahun 3 sarjana (pakar) kanak-kanak Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) Kubang Kerian.

Kejadian kemalangan yang meragut nyawa itu berlaku sewaktu Allahyarham dalam perjalanan pulang bagi melaksanakan tugas 'atas panggilan' di hospital.

"Kejadian ini juga mengingatkan kita kepada insiden pilu yang pernah melibatkan Allahyarham Dr Nur Afifah Mohd Ghazi pada Julai 2015 di Sungai Buloh. Moga Allah merahmati mereka berdua yang berjihad berkhidmat kepada masyarakat," ujarnya.

Mengulas isu yang sama, Pemuda AMANAH Kelantan menggesa graduan-graduan perubatan ditempatkan di hospital pengajar bagi membantu mengurangkan beban tugas para pelajar sarjana perubatan.

Langkah ini penting bagi mengelakkan tragedi yang menimpa Dr. Nurul Huda berulang lagi.

Exco Pemuda AMANAH Kelantan, Dr. Sayodi Hussin juga berharap Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengkaji waktu kerja pegawai-pegawai perubatan.

"Ia bukanlah sesuatu yang mustahil sekarang dengan lambakan graduan dalam bidang perubatan ini," katanya.

Beliau bagi pihak Pemuda Amanah Kelantan turut merakamkan takziah kepada keluarga Dr Nurul Huda.

"Semoga roh Allahyarham ditempatkan di kalangan orang-orang yang solehah," katanya.

Sementara itu Presiden Papsma Malaysia, Dato' Dr Suhaini Kadiman turut melahirkan rasa sedih dan hiba atas pemergian Dr Nurul Huda akibat kemalangan jalan raya itu.

"Kami mendoakan agar arwah ditempatkan bersama para syuhada dan solihin," katanya dalam satu kenyataan.

Lawan tiga penjuror mahu menangkan BN

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad yakin tindakan parti tertentu yang mahukan pertandingan tiga penjuror dalam pilihan raya umum akan datang bertujuan memberi kemenangan kepada BN sekaligus menggagalkan usaha untuk menggantikan kerajaan kleptokrat yang ada.

Menulis di blognya Chedet.cc, beliau menyifatkan kerajaan BN pimpinan Datuk Sri Najib Razak sebagai 'kerajaan yang begitu buruk dan berjenayah besar'.

"Kerajaan yang bercadang mengganti Najib ialah kerajaan parti-parti campuran pembangkang yang akan dipimpin oleh pemimpin-pemimpin yang mahir dalam politik dan dibantu dengan mereka yang berpengalaman dalam pentadbiran negara.

"Mereka tidak ada rekod jenayah atau menyalahguna kuasa. Mereka terpelajar dan pernah menjadi anggota

kerajaan," jelasnya.

Bagaimanapun beliau meramalkan gabungan parti-parti lawan BN itu menghadapi saingan getir dalam PRU14 lebih-lebih lagi apabila berlaku pertandingan tiga penjuror.

"Besarnya kemungkinan mereka menang jika pertandingan hanyalah antara mereka dengan BN.

"Tetapi ada parti-parti yang kononnya akan letak calon untuk melawan Najib dan BN. Dengan ini akan berlakulah pertandingan tiga atau empat penjuror.

"Kesannya ialah pengundi yang berhasrat mengalahkan Najib akan berpecah dua atau tiga. Penyokong Najib, kerana sebab-sebab tertentu akan bersatu mengundi BN. Najib akan menang kerana berpecahnya undi pembangkang," jelasnya.

Beliau menyifatkan parti-parti yang memecahkan undi dalam pertandingan

tiga atau empat penjuror sebagai 'menyokong BN dan Najib' serta satu jenis pengkhianatan kepada usaha menjatuhkan Najib dan menghentikan kerosakan kepada negara.

"Najib akan teruskan cara pentadbiran yang umum tahu akan memuffiskan negara dan meletaknya di bawah kuasa asing," ujarnya.

Bahkan beliau yakin keadaan politik, ekonomi dan sosial yang dihadapi rakyat negara ini hanya akan boleh diatasi sekiranya kerajaan di bawah pimpinan Najib ini diganti dengan kerajaan baharu.

"Bidang politik, ekonomi dan sosial telah jadi buruk kerana dasar dan pengurusan Najib, ia akan menjadi lebih buruk lagi jika Najib terus berkuasa.

"Hanya jika kerajaan pimpinan Najib diganti dengan kerajaan baru sahaja barulah boleh keadaan politik, ekonomi dan sosial dipulih semula," ujarnya.



Azmin kecewa Pas putus talahuf

KEPUTUSAN Majlis Syura Ulamak Pas menamatkan hubungan politik dengan Keadilan disifatkan sebagai membelakangkan kehendak rakyat, kata Menteri Besar Selangor Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Beliau secara peribadi berasa kecewa dengan keputusan terbaru Pas itu.

"Saya secara peribadi dan mewakili parti telah berusaha sekian lama untuk pastikan muafakat politik ini terus dipertahankan demi rakyat dan negara," katanya ketika ditemui pemberita di Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, 12 Mei lalu.

Pada 11 Mei, Majlis Syura Ulamak Pas mengumumkan pembatalan talahuf siyasi dengan Keadilan atas alasan parti itu melanggar syarat-syarat talahuf siyasi.

Umno dakwa Pas Selangor tiada maruah

PAS Selangor dilabel sebagai parti 'tidak bermaruah' dan oportunist kerana masih mahu berada dalam pentadbiran kerajaan Selangor walaupun hubungan talahuf siyasi atau kerjasama politik dengan Parti Keadilan Rakyat (PKR) ditamatkan.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor Tan Sri Noh Omar berkata alasan parti Islam itu untuk tetap kekal dalam pentadbiran Selangor kerana mahu menunaikan mandat diberi rakyat pada pilihan raya umum lalu adalah tidak munasabah.

Ini kerana katanya mandat rakyat adalah berdasarkan manifesto DAP-Keadilan-Pas yang diterajui bekas Menteri Besar Selangor Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

"Kalau Pas kata Keadilan khianat syarat talahuf siyasi, kenapa masih mahu berada dalam kerajaan Selangor? Pas dan Keadilan ibarat 'suami isteri' yang sudah bercerai tapi masih mahu tinggal bersama. Pas sanggup jadi 'suami' dayus.

"Saya yakin ketiga-tiga anggota Exco Pas ini tidak akan letak jawatan. Mereka mahu kekal menunjukkan mereka sanggup ketepikan perjuangan parti demi kuasa," katanya kepada media 12 Mei lalu.

Berdosa untuk Pas kekal dengan 'pengkhianat'

JIKA pengkhianatan Keadilan diyakini oleh Pas dan pimpinannya, tentulah berdosa untuk Pas terus bersubhat dengan parti yang khianat dalam kerajaan negeri Selangor, kata penulis politik Mohd Sayuti Omar.


Menurut beliau, jika Keadilan diyakini mungkir janji dan parti yang tidak boleh dipercayai, adalah wajar bagi Pas mengarahkan tiga Exconya melepaskan jawatan.

"Begitu juga dengan 5,000 ahlinya yang dilantik memegang jawatan dalam kerajaan?"

"Membiarkan mereka berada dalam kerajaan Selangor seperti menghimpun dosa buat mereka," katanya.

Beliau mengulas keputusan Majlis Syura Ulamak Pas yang mengesahkan keputusan untuk memutuskan hubungan dengan Keadilan tetapi Pas Selangor pula membuat keputusan untuk terus kekal dalam kerajaan negeri sehingga pilihan raya.


AMANAHAH jadi pilik



Ahmad melipat b...
bersa...



Abdul Fatah mengibarkan bendera AMANAHAH di puncak gunung Everest.



Kapten (B) Mohd Ali menyerahkan borang keah...
AMANAHAH Perak, Hasnul Zulkarnain.

aman

merubah politik negara

WALAU PUN baru menempatkan diri dalam persada politik tanah air, sambutan orang ramai terhadap Parti Amanah Negara (AMANAH) semakin memberangsangkan apabila ia menjadi pilihan rakyat untuk melakukan perubahan politik.

Di JOHOR, bekas Ketua Pemuda Pas Johor, Ahmad Abdullah, 83, serta 16 lagi anggota keluarga dan rakan-rakannya mengambil keputusan menyertai AMANAH.

Ketika beliau bergerak aktif dalam Pas, Ahmad mempunyai hubungan yang rapat dengan para pemimpin Pas termasuk Dr Buhanudin Al Helmy.

Ahmad, isteri, anak-anak dan rakan-rakannya menyerahkan borang keahlian AMANAH kepada Pengerusi AMANAH Johor, Aminolhuda Hassan.

Majlis yang penuh simbolik itu memperlihatkan Ahmad melipat bendera Pas dengan baik dan mengibarkan bendera AMANAH.

Di PERAK, selepas lebih 40 tahun bersama Pas, seorang ahli tegar parti itu mengambil keputusan menyertai AMANAH.

Mohd Hamka bersama 41 orang yang lain menyerahkan borang keahlian kepada Naib Presiden AMANAH, Hasanuddin Mohd Yunus dalam satu majlis di Kampung Jelian, Manong, Kuala Kangsar, baru-baru ini.

Mohd Hamka yang lebih dikenali sebagai Mat Deka oleh penduduk setempat adalah penggerak utama Pas dan telah menjadi ahli parti itu sejak tahun 1977.

Mat Deka berkata, beliau mengambil keputusan menyertai AMANAH setelah melihat kesungguhan parti itu untuk melakukan perubahan politik di negara ini.

Katanya lagi, kebersamaan AMANAH dalam gabungan besar Pakatan Harapan turut menjadi faktor kepada beliau dan rakan-rakannya menyertai parti Islam itu.

Dalam Majlis Kenduri Rakyat anjuran AMANAH Kuala Kangsar, Mat Deka telah melipat bendera Pas tanda berakhirnya keahlian beliau dalam parti itu.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Pengerusi AMANAH Perak, Asmuni Awi; Ketua AMANAH Kuala Kangsar, Hasnul Zulkarnain dan bekas calon AMANAH Pilihan Raya Kecil Kuala Kangsar, Dr Ahmad Termizi Ramli.

Sementara itu, dalam majlis yang berasingan, bekas Pengerusi Tetap Pas Kawasan Padang Rengas, Kapten (B) Mohd Ali turut mengambil keputusan menyertai AMANAH.

Mohd Ali menyerahkan borang keahlian AMANAH kepada Ketua Pemuda AMANAH Kuala Kangsar Hasnul Zulkarnain dalam program minum pagi yang diadakan di Padang Rengas, baru-baru ini.

Dalam perkembangan berasingan, bendera AMANAH dikibarkan megah di gunung Everest oleh seorang ahli baru parti itu, Abdul Fatah Abdullah.

Abdul Fatah, ahli AMANAH dari Meru, Klang mengikuti ekspedisi mendaki gunung Everest di banjaran Himalaya baru-baru ini.

Bendera Pas dan menyertai AMANAH bersama anak, isteri dan rakan-rakannya.



Bekas Setiausaha Pas cawangan Kampung Perik, Padang Terap, Omar Mohd Noor menyerahkan borang keahlian kepada Pengarah Pilihan Raya AMANAH, Dr Mohd Hatta Ramli.



Mat Deka melipat bendera Pas sambil dibantu Ketua Pemuda Amanah Kuala Kangsar Hasnul Zulkarnain sebagai gimik berakhirnya sokongan terhadap parti yang disertai sejak 40 tahun lalu.



lihan kepada Ketua Pemuda



Menerima borang keahlian baru daripada wakil anak muda Kampung Jana Sambungan, Kamunting.



Mat Deka menyerahkan borang keahlian kepada Ustaz Hasanud-

Isu ekonomi, alam sekitar **resahkan** anak muda

Kelolaan **ARIF ATAN**

Bukan sembang kembang KLCC pun boleh tumbang. Sebaliknya, wacana anak muda jelas melampaui sekadar bertempik protes di jalan raya.

Kongres Anak Muda Malaysia (KAMM) 2017 pada 13 dan 14 Mei lalu menjadi ruang untuk mereka berpecah hujah. Suasana di Auditorium Dewan Sivik Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) bertenaga dengan kritikan membina.

Penyertaan anak muda sepanjang pembentangan dan perbahasan usul aktif juga diwarnai sedikit rencah provokatif.

Pelbagai latar belakang termasuk anak muda Orang Asli di Gua Musang menyertai kongres yang tentunya bukan disukai mana-mana penguasa yang curang.

Kemunculan komuniti dari pedalaman Kelantan tentunya menarik perhatian memandangkan mereka sebelum ini terbukti berani melawan

penindasan pihak kerajaan negeri melalui aktiviti gila membalak.

Usul ekonomi yang menjadi antara 31 usul yang telah diterima daripada anak muda pelbagai latar belakang paling signifikan dengan realiti hari ini.

Isu anak muda dijerut hutang yang diketengahkan Ahmad Fadzil Ahmad Shuhaili adalah ancaman paling ketara majoriti golongan belia hari ini akibat kegagalan kerajaan dalam budaya urus tadbir yang berkesan.

Bahana kleptokrasi juga memberi kesan jangka panjang dengan mengusung belia ke dalam kancah hutang selain pada masa dihantui pengangguran ketika inflasi meningkat sekaligus menyaksikan jurang ekonomi semakin melebar.

Walaupun integriti rejim pemerintah sedia ada lebih mengundang aib pada negara ini, masa depan Malaysia ternyata masih ada kerana akal dan jiwa anak mudanya yang masih celik.

Lihat sahaja sebagai contoh usul berkenaan alam sekitar yang dibawa Hafizudin



Kongres Anak Muda Malaysia 2017 merentas ideologi.

Nasarudin dari Ipoh. Pengerusi Persatuan Aktivis Sahabat Alam (Kuasa) itu menekankan pentingnya aspek pendemokrasian alam sekitar dalam proses pembangunan di negara ini.

Mengulas penganjuran KAMM yang julung-julung kali diadakan itu, Naib Ketua Pemuda AMANAH Nasional, Shazni Munir Mohd Ithnin menyifatkan 'Deklarasi 13 Mei' sebagai titik tolak kepada kesatuan anak muda merentas ideologi, kaum dan agama.



Shazni Munir

"Mengandungi 13 perkara, deklarasi ini menjadi tanda keberanian anak muda mengambil keputusan tuntas demi generasi selepas mereka.

"Seluruh kandungan deklarasi mewajahkan citra perjuangan anak muda yang kukuh dan tulen. Anak muda terbukti tidak akan berkompromi dengan sebarang elemen yang menggugat keutuhan Rukun Negara.

"Deklarasi 13 Mei merupakan helaian yang akan dimusuhi oleh mereka, aparat yang kini disanjung-sanjung," tegas Shazni ketika dihubungi akhbar mingguan Amanah.

Tolak perkauman, penindasan kelas

ANAK muda mengalami penindasan kelas akibat praktik ekonomi kroni kapitalisme yang hanya menjadikan golongan atasan bertambah kaya, tegas perwakilan Dapsy, Farhan Haziq Mohamed (**gambar**).

Beliau pada Kongres Anak Muda Malaysia (KAMM) 2017 baru-baru ini berkata, banyak dasar yang dilaksanakan kerajaan hanya memihak kepada bangsa penindas.

"Mereka yang mendapat laba dan keuntungan selama ini. Dalam dunia ini, hanya ada dua bangsa sahaja iaitu bangsa penindas dan ditindas.

"Sebenarnya kita telah ditipu. Mereka (penindas) menguasai kerana kroni kapitalisme. Mereka menguasai sektor ekonomi yang penting dalam negara ini dan kita semua merasai kesannya.

"Kita semua merasa naiknya harga barang, harga rumah," jelasnya ketika membentangkan usul anak muda menolak perkauman dan penindasan kelas.

Sehubungan itu, Farhan mengingatkan golongan muda supaya tidak terus bertelagah atas sebab perkauman sebaliknya beralih kepada kesedaran untuk menuntut agihan ekonomi yang adil.

"Anak muda perlu sedar mereka yang di atas seronok memerhati kita bersengketanya atas faktor perbezaan kaum. Ayuh kita sampaikan mesej yang jelas kepada kerajaan dan masyarakat," serunya lagi.



Melayu kena faham GST akibat penyelewengan

Timbalan Ketua Pemuda AMANAH Nasional, Faiz Fadzil (**gambar**) mengingatkan masyarakat Melayu bahawa pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST) sejak 1 April 2015 akibat kesan panjang penyelewengan.

Menurutnya, kadar cukai enam peratus itu dikuatkuasakan lantaran kerajaan mahu menampung hutang yang menimbun walaupun banyak kaedah lain boleh diambil bagi mencari sumber wang.

"Penting untuk orang Melayu ambil iktibar bagaimana Imam Nawawi membantah cadangan pemerintah ketika itu yang mahu mengenakan cukai untuk diguna sebagai sumber kewangan bagi tujuan perang.

"Imam Nawawi kata kalau kerajaan masih ada sumber lain maka salah untuk kerajaan kenakan cukai kepada rakyat.

"Berdepan Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) ini, orang Melayu perlu faham cukai GST ini diambil



yang berlaku di luar negara.

"Kita keluar rumah sudah dikenakan GST, tol dan sebagainya. Kereta pun ada cukai. Kita pergi ke hospital kena caj. Isi minyak kena tanggung kos yang tinggi sebab kerajaan potong subsidi.

"Tidak seperti di luar negara, walaupun ada

ke atas rakyat sedangkan banyak sumber lain yang boleh diguna.

"Kerajaan memang tidak ada wang untuk menampung hutang yang cukup banyak akibat penyelewengan," tegasnya dalam Forum Hutang 1MDB: Rakyat Yang Kena Bayar? di Petaling Jaya, 15 Mei lalu.

Faiz berkata, hasil kutipan GST di negara ini tidak dikembalikan manfaatnya kepada rakyat berbeza dengan apa

GST tetapi dapat banyak servis baik dikembalikan kepada rakyat," jelasnya.

Untuk rekod, kutipan GST oleh kerajaan pada 2016 mencecah RM41.2 bilion iaitu melebihi sasaran RM39 bilion manakala bagi tahun ini Jabatan Kastam Diraja Malaysia menyasarkan sehingga RM42 bilion.

Sehubungan itu, Faiz menegaskan manifesto Pakatan Harapan bagi PRU14 antara lain memansuhkan GST yang memangsakan rakyat berpendapatan rendah.

"Orang Melayu di kawasan luar bandar mesti ambil tahu isu ini sebagai isu paling mustahak. Pakatan Harapan sudah mengeluarkan pendirian dan dalam manifesto pilihan raya akan datang akan memansuhkan GST," tambahnya lagi.

Turut menjadi panel dalam forum anjuran Reform Demokrat di Dewan Gerak Budaya itu Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara, Tony Pua dan pemimpin Parti Bebas Rasuah, Datuk Ezam Mohd Nor.

Perkukuhkan demokrasi alam sekitar

Pengerusi Persatuan Aktivis Sahabat Alam (Kuasa), Hafizudin Nasarudin berkata, ketiadaan demokrasi alam sekitar di negara ini membawa kepada pelbagai kesan signifikan buruk.

Menurutnya, demokrasi alam sekitar perlu diberi perhatian serius dan segera diperkukuh bagi memastikan keadilan sosial dan alam sekitar terpelihara.

"Caranya dengan mewajibkan ketelusan, kebebasan mengakses maklumat dan konsultasi menyeluruh dalam setiap proses perancangan, kelulusan dan pelaksanaan projek pembangunan melibatkan

kawasan alam sekitar sensitif dan kepentingan sosial," ujarnya.

Tanpa demokrasi alam sekitar, katanya, konflik terhadap alam sekitar dan komuniti tempatan seperti Orang Asli yang mempunyai akses secara langsung terhadap sumber asli akan berterusan berlaku.

"Ini juga termasuklah kemusnahan sumber kehidupan dan biodiversiti berskala besar selain kejadian banjir atau bencana yang memberi kesan buruk kepada sebahagian besar rakyat," jelasnya dipetik daripada usul beliau sempena Kongres Anak Muda Malaysia (KAMM) pada 13 dan 14 Mei lalu.

Hafizudin memberitahu Malaysia berada di tangga kedua tercorot daripada 70 negara kaya sumber asli yang diakses mengikut Indeks Demokrasi Alam Sekitar (EDI) oleh badan pengkaji alam sekitar dunia, *World Resources Institute* (WRI).

"Kedudukan ini menggambarkan realiti dan prestasi sebenar Malaysia yang masih lemah dalam memastikan segala aspek pengurusan pembangunan, penjagaan alam sekitar dan keadilan sosial berjalan dengan baik.

"Ini terbukti di mana setiap proses perancangan, kelulusan dan pelaksanaan pembangunan yang

melibatkan kawasan alam sekitar yang sensitif dan kepentingan sosial kerap timbul isu ketidakadilan seperti informasi projek yang penuh dengan kerahsiaan dan maklumat tidak telus," ujarnya.

Turut berlaku, tambahnya lagi, kekurangan konsultasi dan persetujuan menyeluruh, pembuatan keputusan tidak melibatkan suara komuniti akar umbi, isu kronisme dan politik serta manipulasi fakta dan pembuat keputusan sering mengambil kesempatan terhadap kelemahan undang-undang sedia ada.

Mahasiswa idam masa depan lebih sejahtera

Kelolaan ARIF ATAN

Tidak terasing daripada masyarakat di luar kampus, golongan mahasiswa

turut mengidamkan masa depan kehidupan yang lebih sejahtera pada masa depan, kata Pengerusi Mahasiswa AMANAH Nasional, Ahmad Fadhli Umar Aminolhuda.

Menurutnya, mahasiswa yang juga adalah anak muda pastinya tidak mahu melihat pemimpin yang tidak amanah berterusan merompak harta negara sehingga mengundang pelbagai masalah kepada rakyat.

Beliau berkata demikian ketika mengulas pengajuran Kongres Anak Muda Malaysia (KAMM) 2017 di Petaling Jaya, Selangor pada 13 dan 14 Mei lalu yang menyaksikan pelbagai sektor mengemukakan usul dan berbahas termasuk mahasiswa.

"KAMM melakar sejarah bermakna apabila anak muda seluruh Malaysia tidak kira latar belakang politik, ideologi hatta dari Sabah dan Sarawak dan Orang Asli hadir ke Dewan Sivik MBPJ (Majlis Bandaraya Petaling Jaya) bagi membincangkan masa depan negara tercinta Malaysia.

"Ini adalah satu permulaan yang sangat baik apabila anak muda dapat mengenyahkan perbezaan demi membincangkan solusi ter-



hadap masalah yang berlaku di negara kita," ujarnya ketika dihubungi akhbar mingguan Amanah.

Ahmad Fadhli menyifatkan para peserta KAMM telah berjaya membahaskan usul yang mencakupi isu ekonomi, mahasiswa, alam sekitar sehingga kepada isu pendidikan anak-anak tanpa warganegara.

"Berakhir dengan Sumpah Pemuda menunjukkan iltizam anak muda Malaysia untuk membuat perubahan demi tanah keramat ini. Mewakili Mahasiswa AMANAH, saya mengucapkan setinggi tahniah kepada pihak penganjur KAMM 2017 yang telah bertungkus-lumus menjayakan kongres buat pertama kali dalam sejarah ini.

"Pastinya, tahniah kepada seluruh anak muda yang mendambakan keadilan melawan penindasan," ujarnya yang juga penuntut Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) itu lagi.

Sementara itu mahasiswa Universiti



Mahasiswa AMANAH turut menyertai Kongres Anak Muda 2017.

Teknologi Mara (UiTM), Ahmad Arifin Shakimin berkata, KAMM 2017 satu ruang untuk anak muda termasuk penuntut universiti untuk menyuarakan pandangan mereka.

"Kemampuan menghimpun anak muda yang jelas merentas ideologi dan latar belakang itu berjaya. Hanya daripada sudut implementasi deklarasi masih belum ada kepastian, tapi jika untuk mengangkat suara anak muda itu pasti.

"KAMM 2017 juga memberi satu tam-

paran kepada anak muda apabila banyak kelompok masyarakat yang selama ini kita terlepas pandang atau dikesampingkan, seperti golongan mat moto yang sering didiskriminasi, isu di Sabah seperti kanak-kanak tanpa kewarganegaraan.

"Ini semua tidak harus dipinggirkan sebaliknya wajib diberi perhatian dan tindakan segera oleh kerajaan," tegas penuntut jurusan seni bina itu lagi.

Bongkar empayar rasuah balak

HILANG

sudah kewarasan. Langsung tiada sekelumit pun rasa bersalah. Hasil

penggondolan anugerah Allah ini selamba dirompak demi nafsu membina empayar kekayaan kerabat keluarga.

Wacana Gila Balak: Menelusur Jejak-jejak Mafia Kayu Balak Asia oleh Lukas Straumann terbitan SIRD ini mendokumentasikan modus operandi pemimpin kerajaan dan taikun-taikun balak.

Hutan hujan Sarawak menjadi korban kemusnahan ketika taksiran kekayaan bekas Ketua Menteri Sarawak, Tun Abdul Taib Mahmud mencecah AS\$15 bilion. Ironi, bukan?

Tambah ironi apabila mereka yang lantang memperjuangkan hayat hutan di negeri terbesar di Malaysia itu adalah Clare Rewcastle Brown, pengasas dan editor Sarawak Report yang berpangkalan di London serta aktivis Bruno Manser dan Straumann dari Switzerland.

Menguliti buku terjemahan ini, pembaca akan terbeliak dengan kisah empayar kekayaan Taib kini Yang diper-



tua Negeri bersama pegangan lebih 400 buah perniagaan di 25 negara. Pदानlah dengan dominasi kuasanya selama lebih 30 tahun di Sarawak.

Turut berkongsi derita jeritan kayu balak di negeri itu adalah masyarakat Orang Asal seperti Penan apabila hak mereka dirampas. Bahkan, Bruno selepas 15 tahun berjuang melawan kezaliman tersebut ghaib sejak tahun 2000!

Dilengkapi grafik dan carta alir, Straumann yang menggelar Taib sebagai seorang Machiavelli juga menyebut tentang taikun kayu balak menyalurkan wang sogokan dan perubahan wang haram.

Dokumentasi penting kleptokrasi di sebalik kemusnahan hutan di Sarawak ini wajar benar dimiliki khususnya seluruh mahasiswa Sarawak untuk disebar pula di kampung masing-masing menjelang Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14).

Membaca pendedahan dalam buku setebal 323 halaman ini lebih menyesak dada berbanding menonton siri penyiasatan CSI kerana di negara kita sendiri lebih licik taktik rasuah yang menjana kekayaan luar biasa sang kleptokrat!



Sepintas

UiTM langgar peraturan

Universiti Teknologi MARA (UiTM) atau pihak penganjur bagi aktiviti ikhtiar hidup di Lata Charok, Janda Baik, Pahang pada 13 Mei lalu didedah tidak pernah membuat permohonan permit kepada Jabatan Perhutanan.

Hal ini disahkan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar ekoran tragedi maut dua penuntut universiti berkenaan selepas dihempap pokok balak di kawasan Air Terjun Ulu Tampik dalam Kompartmen 51, Hutan Simpan Lentang.

Dalam kejadian kira-kira 4 pagi itu, mangsa terkorban Noorain Mohtar, 23, dan Muhammad Kamil Md Sukri, 22, manakala enam lagi cedera. Seramai 140 penuntut dan empat pensyarah terbabit dalam aktiviti tersebut.

PTPTN sebagai institusi kewangan

Kerajaan dan masyarakat perlu menganjak pemikiran 'tabung pembiayaan' kepada 'institusi kewangan' pada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) bagi memastikan isu pembiayaan pendidikan tinggi ditangani secara lestari.

Felo Bersekutu Majlis Profesor Negara (MPN), Izani Mohd Zain dalam artikelnya baru-baru ini berkata, PTPTN boleh diangkat menjadi institusi kewangan pengajian tinggi seperti Tabung Haji.

Menurutnya, pendidikan tinggi 'tidak boleh percuma' tetapi harus ditempatkan pada haknya dan setiap warga bertanggungjawab untuk membayar kos pendidikan tinggi.

Urus Hasta Pusaka

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) melalui Fakulti Pengajian Islam menjalankan kerjasama penyelidikan dan pembangunan (R&D) dengan sebuah syarikat pengurusan harta pusaka, Wasiyyah Shoppe Bhd bagi menyantuni isu harta pusaka.

Kedua-dua pihak terbabit menandatangani satu memorandum persefahaman (MoU) baru-baru ini yang antara lain membabitkan kerjasama dalam bidang akademik, program berkaitan pelajar dan pengembangan staf.

Kerjasama itu penting memandangkan perkongsian tenaga pakar dan sumber dana dapat membangunkan masyarakat.

Pertemuan integrasi 40 penulis di KKB

INI sesuatu yang sudah lama dirancang, tetapi asyik tertunda. Akhirnya dua minggu lalu suatu mesyuarat diadakan dengan Persatuan Sejarah Kuala Kubu (Peskubu), Kelab Belia Aktif Hulu Selangor dan Adun Kuala Kubu, dan kami pun bersetuju untuk mengadakannya pada 20-21 Mei ini.

Kami juga bersetuju menamakannya "Pertemuan Integrasi Usman Awang", mengambil sempena nama "Anugerah Integrasi Nasional Usman Awang" (AINUA) yang dianjurkan bersama oleh Yayasan Usman Awang (YUA) dan Pertubuhan Cina Malaysia (Huazong) sejak beberapa tahun lalu.

Anugerah Integrasi Nasional Usman Awang (AINUA) bertujuan memupuk semangat perpaduan di kalangan rakyat Malaysia pelbagai kaum dan pelbagai agama, dengan mengangkat seorang tokoh yang banyak berjasa menyumbang kepada integrasi nasional, untuk diberi anugerah tersebut, setiap dua tahun.

Mereka telah memberinya dua kali sehingga ini. Yang terbaru ialah pada akhir Mac lalu, diberikan kepada Sasterawan Negara A Samad Said.

Pertemuan yang dinamakan sempena anugerah tersebut ini, selain turut mempromosi anugerah tersebut, juga bertujuan untuk memupuk kesedaran integrasi khasnya di kalangan penulis, seniman dan budayawan.

Seramai 40 orang penulis dari pelbagai kaum – Melayu, Cina, India dan Orang Asli, dijemput menyertai seminar dua hari, yang diadakan di Kuala Kubu Bharu ini.

Golongan aktivis seni-budaya juga dijemput, kerana pihak penganjur mengharapkan selepas ini pihak-pihak berkenaan akan melaksanakan program-program tertentu yang akan di-

dibincangkan dalam seminar ini, sebagai usaha untuk terus memupuk dan menghidupkan semangat dan jiwa integrasi di kalangan rakyat Malaysia.

Pertemuan ini mengandungi empat program di dalamnya. Pertama, Pameran lukisan Kaligrafi Puisi Malaysia (berdasarkan puisi-puisi 15 penyair Melayu dan 15 penyair Mahua (Cina), pada 20-27 Mei. Pameran ini asalanya dibuat di Xin Art Space, Jalan Jelatik, Setiawangsa, 23 April lalu.

la mengandungi 72 puisi yang dikumpul dan diterjemahkan oleh Chan Yong Sin, dan kaligrafinya oleh Ong Chia Koon. Pameran yang dibuat di Dewan Merdeka, Kuala Kubu Bharu ini adalah yang pertama dalam siri pameran bergernaknya (anjuran Xin Art Space) yang akan dibuat di beberapa bandar pilihan.

Sempena dengan pameran ini, suatu pertandingan melukis kaligrafi di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah dan rendah di daerah Hulu Selangor, akan dijalankan, di tempat yang sama, pada pagi tersebut. Manakala pameran kaligrafi tadi akan dirasmikan pada jam 12.30, hari yang sama.

Perasmian pameran kaligrafi tersebut adalah serentak dan sekaligus dengan perasmian Pertemuan Integrasi Usman Awang. Manakala Seminar Penulis Pelbagai Kaum, iaitu program ketiga dalam pertemuan Integrasi ini, akan dirasmikan oleh Sasterawan Negara A Samad Said, pada jam 2.30 petang, bertempat di Rumah Minangkabau.

YB Lee Kee Hiong Adun Kuala Kubu Bharu mencadangkan SN A Samad Said merasmikan seminar ini adalah sebagai penghormatan kepadanya yang telah terpilih menjadi penerima Anugerah Integrasi Nasional Usman Awang (AINUA), 23 April lalu.

Maka di rumah banglo berbumbung Minang-

Minangkabau yang tersergam besar di tepi jalan utama tidak jauh dari Masjid Kuala Kubu Bharu inilah akan berlangsungnya suatu persidangan atau perbincangan penting 40 orang penulis Malaysia pelbagai kaum, yang mungkin belum pernah diadakan seperti ini sebelumnya.

Perbincangan 40 orang penulis ini dianggap penting kerana mereka akan berbincang mengenai satu perkara penting dalam kehidupan masyarakat Malaysia hari ini, iaitu apakah yang perlu dan dapat kita buat bersama, bagi memupuk kehidupan yang damai dan harmoni di kalangan rakyat Malaysia pelbagai kaum dan pelbagai agama di negara kita hari ini.

40 orang penulis ini kali ini berjumpa bukan untuk berdiskusi mengenai karya mereka masing-masing, atau mengenai karya sastera yang paling bermutu tinggi yang dihasilkan oleh penulis di Malaysia, atau mengenai bayaran royalti yang sepatutnya lebih tinggi dibayar kepada penulis hari ini; tetapi mereka akan berbincang mengenai kehidupan di Malaysia – yang lebih damai dan harmoni.

Dan mereka bukan sekadar berbincang untuk mencari bahan penulisan semata-mata, tetapi mereka juga akan berbincang mengenai apakah ikhtiar yang perlu dan boleh dibuat bersama, bagi mencapai kehidupan damai dan harmoni tersebut, melalui pendekatan seni-budaya.

Ertinya pertemuan ini mungkin akan ada lanjutannya pula selepas ini, sekiranya peserta-peserta pertemuan ini berpendapat ia perlu dilanjutkan, bagi mencapai objektif integrasi nasional itu.

Saya katakan mungkin, kerana kita juga tidak menafikan kemungkinan yang sebalik-



sebaliknya, iaitu kemungkinan ramai peserta yang berpendapat kehidupan kita di Malaysia hari ini sudah cukup damai dan harmoni, dan tidaklah perlu diikhtiar lagi untuk yang lebih baik daripada yang sedang kita kecapai atau nikmatinya hari ini.

Dan walau apapun perbincangannya, pada malam 20 Mei bertempat di laman terbuka Galeri Seni dan Sastera di Jalan Syed Mashor, akan berlangsung persembahan oleh peserta-peserta ini, yang berkemungkinan akan ada yang mengejutkan. Ya, siapa tahu!

Namun yang saya tahu ialah saya menantikan persembahan lagu-lagu puisi oleh penyair dari Kota Bharu - Anbakri Harun. Dan saya juga ingin menonton Tok Batin Asu Bin Dolah bercerita, yang mengikut kata Ridzuan dan Mohd Kholid, suatu yang unik!

Program anjuran Seniman Paksi Rakyat (PAKSI), Sekretariat Anugerah Integrasi Nasional Usman Awang (AINUA), Persatuan Sejarah Kuala Kubu (PESKUBU), Xin Art Space, dan Kelab Belia Aktif Hulu Selangor ini adalah terbuka kepada orang ramai. Kecuali satu, seminar penulis pelbagai kaum itu eksklusif kepada 40 orang yang dijemput sahaja. ■

Bagaimana AMANAH boleh merobah politik Malaysia

Oleh **ABU FIRDAUS**

TIGA fakta yang tidak dapat dinafikan mengenai Parti Amanah Negara. Pertama, ia merupakan sebuah parti yang ditubuhkan oleh bekas ahli-ahli PAS yang mendapati parti itu telah keluar daripada landasan perjuangannya. Kedua, AMANAH mempunyai identiti dan arah perjuangannya sendiri, berbeza daripada Pas. Ketiga, AMANAH perlu bergerak ke depan dengan memiliki ahli-ahli muda yang tidak pernah terkait dengan Pas.

Dengan tiga fakta ini, AMANAH telah memberi corak baharu pada politik negara. Ia mengeluarkan politik negara yang terikat hanya pada sebuah parti politik berasaskan agama.

Ini kerana selama ini politik Melayu terbahagi kepada kebangsaan yang diwakili oleh Umno dan keagamaan yang diwakili oleh Pas. Maka AMANAH telah menunjukkan kewajaran wujudnya sebuah parti politik yang berdiri atas nilai-

nilai benar dan baik tanpa dikaitkan dengan keagamaan dan kebangsaan.

Pada akhir perkiraan, kejayaan sesebuah parti politik terletak pada keberkesannya memenuhi aspirasi rakyat umumnya untuk hidup selesa dengan harapan baik bagi masa depan melalui matlamat, program, pendekatan dan kepimpinannya.

Pendukung-pendukung AMANAH tetap menyimpan idealisme perjuangan seperti mana mereka miliki ketika mula-mula menyertai Pas dahulu. Seperti lumrah dalam sesebuah parti sudah tentu wujud perbezaan pandangan. Aliran yang kemudian membentuk AMANAH ini dahulu disebut sebagai golongan progresif dalam Pas.

Tentunya dalam parti terdapat pelbagai golongan yang tidak bersetuju di antara satu sama lain. Namun selagi arah tuju besar parti berjalan sehala, maka perbezaan pandangan itu dilayan secara toleransi dan kompromi.

la menjadi satu kehadiran yang seimbang.

Namun sebaik terdapat usaha satu pihak untuk menguasai parti dan menyingkirkan golongan bagi membawa haluan parti ke arah yang bertentangan, berlakulah suatu proses pada tahun 2015 yang memaksa kepada penubuhan AMANAH.

Maka AMANAH pula merupakan parti yang secara asal idealismenya menentang Barisan Nasional tentu berasa solidariti dengan parti-parti lain yang seperjuangannya: Parti Keadilan Rakyat (KeADILan), Parti Tindakan Demokratik (DAP) dan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu).

AMANAH menentang Barisan Nasional bukan semata-mata hendak menjadi pembangkang dan berhasrat untuk mengambil alih kuasa. Barisan Nasional ditentang kerana matlamatnya, programnya dan kepimpinannya. Perkara ini boleh diulas dengan panjang.

la bukan atas dasar sentimen semata-mata. Dari penubuhannya

AMANAH menentang Barisan Nasional. Malah dipercayai kebanyakan penyokong AMANAH menentang Barisan Nasional lama sebelum itu. Malah mereka menyokong AMANAH dan menyingkirkan parti lama kerana atas dasar menentang Barisan Nasional.

Maka sebab itu mudah bagi AMANAH untuk bersama KeADILan, DAP dan Bersatu dalam Pakatan Harapan menentang Barisan Nasional. Setiap parti itu mempunyai identiti sendiri dan peranan dalam mencorak politik negara. Semuanya sedar bahawa tidak ada satu parti boleh mendominasi keseluruhan politik negara. Kompromi dan toleransi adalah realiti politik demokrasi.

KeADILan muncul sebagai parti pertama pimpinan Melayu yang yang berbilang kaum berjaya mendapat tapak politik yang kuat. Usaha sebelum ini oleh Parti Kemerdekaan Malaya (IMP), Parti Negara dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) tidak berjaya. Maka KeADILan memecah monopoli Umno dan Pas dalam politik Melayu.

Di kalangan Pakatan Harapan, DAP adalah parti tertua dan paling lama menentang Barisan Nasional. Ini kerana ketika Barisan Nasional ditubuhkan pada tahun 1974, dua parti muncul menentang iaitu DAP dan Parti Sosialis Rakyat Malaya (PSRM). Maka DAP yang dapat bertahan lama sementara PSRM berpecah dan sebahagiannya sudah bergabung dalam KeADILan.

Bersatu adalah parti termuda yang menentang Barisan Nasional. Ia juga menampilkan diri sebagai mewakili Bumiputera sekali gus menafikan bahawa hanya Umno yang mewakili kaum itu. Apa yang menarik ialah pendukungnya adalah asalnya pemimpin Barisan Nasional.

Mereka inilah sebelum ini menentang Pas, KeADILan dan DAP. Tetapi kini mereka anggap kerajaan Barisan Nasional sebagai kleptokrasi. Maka ia merupakan kemuncak keburukan mengenai Barisan Nasional hinggan ia perlu ditentang oleh bekas pemimpin parti itu sendiri. ■

Tinggalan Dada di Thanbyuzayat

KAMI berjaya menyelesaikan pemantauan di Mawlamyine sedikit awal daripada yang direncana, maka kami mempunyai satu hari lebih sebelum ke Thaton dan Bilin di Utara negeri Mon.

Seharusnya satu hari lebih ini digunakan untuk berehat, sebaliknya kami akhirnya turun ke selatan negeri Mon, ke Thanbyuzayat. Thanbyuzayat tidak pun termasuk dalam peta pemantauan kami. Malah tidak pernah pun dibincangkan.

Kisahnyanya, pagi itu kami bersarapan di hotel dan berbincang tentang hasil pemantauan selama di Mon. Ketika merujuk peta, saya tertarik dengan perkataan Thanbyuzayat. Namanya unik dan tidak pernah saya dengari sebelum ini.

Saya bertanya kepada Roisai yang lebih mahir dengan negeri Mon. Beliau lantas mengatakan daerah ini terkenal dengan sejarah Landasan Kereta Api Maut Burma - Thai. Tanpa sengaja saya berteriak terkejut dan teruja.

Roisai kehairanan, jadi saya ceritakan kepadanya.

Selama hidup saya dan keluarga di Pulau Pinang, kami membesar dengan meneladani sebuah sejarah penting keluarga kami; sejarah almarhum datuk saya atau mesra digelar Dada ketika perang dunia kedua. Sejarah beliau menjadi buruh paksa tentera Jepun membina Landasan Kereta Api Maut Burma- Thai yang tersohor tersebut.

Sekitar 1942, beliau telah ditahan dan dijadikan buruh paksa oleh imperialis Jepun untuk membina landasan tersebut. Dari Tanah Melayu, beliau di bawa ke Thailand. Di situ bermula keperitan hidup yang menghantu

hidup beliau selama-lamanya. Beliau akhirnya dibawa hingga ke Burma, tentulah akhirnya diketahui hari itu, iaitu Thanbyuzayat. Sejak dari kecil, Dada sering menceritakan pengalaman beliau di Burma. Bagaimana beliau ditahan, tinggal di pondok kecil dengan yang hanya ada sebuah lubang di hujung lantainya untuk membuang air. Beliau kerap mengulangi bagaimana beliau bersama orang-orang Inggeris dan Benggali dipaksa setiap hari untuk menyanyikan Kimigayo, lagu rasmi Jepun.

Apabila mereka diserang penyakit, mereka tidak dirawat sebaliknya dibiarkan mati dan akhirnya ditanam di bawah pondok tempat tinggal mereka. Begitu banyak lagi pengkisahan lain yang diulang-ulang beliau. Sejarah ini sejarah penting keluarga kami. Sahsia dan siasah keluarga kami terbentuk dengan pengalaman beliau yang satu ini.

Roisai bukanlah seorang yang rajin untuk ke sana ke mari. Saya kenali beliau sebagai seorang yang lebih pasif dan gemar duduk



selesa hanya di satu-satu kawasan. Entah mengapa, Roisai terus mengajak semua ke Thanbyuzayat untuk kononnya memantau. Saya tentu sekali tidak menolak.

Memandangkan jalan darat di negeri ini tidaklah seteruk negeri jirannya Kayin, maka perjalanan pergi dari Mawlamyine ke Thanbyuzayat hanya mengambil sekitar dua jam lebih. Setiba di Thanbyuzayat, hari sudah agak lewat tengah hari. Tidak banyak yang dapat kami pantau melainkan hanya beberapa temubual dengan penduduk tempatan.

Pemantauan akhirnya tamat, tiba masa untuk kami meneroka Thanbyuzayat. Roisai yang mahir dengan selok belok daerah itu pertama menunjukkan saya sebuah perkuburan yang dibina untuk mangsa-mangsa tahanan perang yang disemadikan semula dengan penuh hormat selepas perang tamat.

Kuburnya luas dan cantik tersusun. Ia dibiayai oleh kerajaan Inggeris dan keluarga mangsa. Setiap hari masih ada waris yang datang melawat. Saya terdetik; kalaulah Dada turut menemui ajal di sini dahulu, adakah saya juga akan melawatnya di sini? Hanya kemudian logik menyerang akal; saya tidak akan lahir pun sama sekali jika beliau terkubur di sini dahulu.

Selesai di kuburan, kami sambung perjalanan. "Saya akan bawa kamu melihat hasil kerja datuk kamu," getus Roisai. Sekitar 15 minit dari perkuburan akhirnya kami tiba ke sebuah landasan lama yang ditandai dengan papan tanda dalam bahasa Myanmar. Ia dipagar rapat dan sebuah muzium kelihatannya sedang dibina di dalam kawasan bersebelahan landasan.

Sebaik turun dari kereta, guruh berdentum, dan hujan tiba-tiba turun dengan lebat. Saya tidak hiraukan. Pagar ke landasan berkunci, namun saya temui sebuah lorong kecil di hujung pagar. Di tengah-tengah hujan, saya segera terus berlari ke landasan tinggal tersebut. Yang lain membiarkan sahaja saya bernostalgia seorang diri. Hari itu adalah hari saya.

Beberapa arca diorama yang menggambarkan tentera Jepun dan seksaan ke atas buruh-buruh paksa sedang dibina di keliling landasan bersejarah itu. Saya meneliti satu demi satu di tengah hujan lebat. Menggambarkan bagaimana almarhum Dada disiksa dahulu.

Lama saya hanya berdiri melihat landasan tersebut seorang diri. Air mata saya menitis tanpa saya sedari. Setelah berdekad kisah beliau diturunkan dari anak ke cucu, tidak tersangka, saya waris pertama yang melihat sendiri tinggalannya.

Hari kian gelap dan hujan tidak pun bertanda surut. Saya melangkah meninggalkan landasan tersebut. Seketul batu dari landasan tersebut saya capai dan masuk ke dalam poket. Batu tersebut mungkin bukan dari 1942, namun cukuplah sebuah tanda ingatan buat diri saya. Batu tersebut saya bawa pulang ke Pulau Pinang.

Kami lalu pulang ke Mawlamyine. Malam itu saya hubungi ibu saya melalui talian internet dan menceritakan pengalaman hari tersebut. Beliau ikut terharu. Saya puas sah hari itu.

Sebelum tidur, saya hantarkan pesanan ringkas kepada Roisai, "terima kasih, kawan. Tanpa kamu, hari ini tidak akan berlaku."

Keperluan sedia litar lajak buat remaja

TANGGAL 18 Februari lalu, seluruh Malaysia dikejutkan dengan kemalangan jalan raya membabitkan lapan remaja berbasikal yang dirempuh kereta dipandu seorang wanita sekitar jam tiga pagi, di Jalan Mahmudiah berdekatan Dataran Bandaraya Johor Bahru.

Ia menyentuh hati ramai pihak sehingga ada yang begitu marah pada pengguna jalan raya, baik pemandu kereta mahupun penunggang basikal. Saya antara individu yang mengikuti isu berkaitan, dari tanah perkuburan hinggalah ke pejabat Menteri Besar Johor.

Di negeri Johor, budaya berbasikal monyet atau dikenali sebagai 'monkey bike @ bicycles' ini sudah menjadi trend remaja sekolah. Ini bukan trend baru. Saya masih ingat lagi di waktu bangku sekolah sekitar tahun 1998, pengubah suaian basikal serta perlumbaannya telah pun wujud dan saya boleh katakan ia hampir dua puluh tahun telah berlangsung.

Lumrah masyarakat kita apabila ia membabitkan atau mengaitkan perkara yang meragut nyawa dan tular, maka ia mula dipandang sebagai suatu yang perlu dititik-beratkan. Saya akui pernah terbabit suatu ketika dulu menunggang 'basikal monyet'; dulu digelar 'coper bike'.

Perasaan saya bila mendapat khabar kemalangan yang meragut lapan nyawa di Jalan Mahmudiah itu bercampur-baur antara rasa sedih dan marah. Sedih dengan kejadian menimpa junior saya dan marah kepada tindakan pihak tertentu yang membuat tindakan mencegah selepas kejadian.

Namun perasaan itu reda disebabkan tiada

guna menyalahkan pihak lain dan apa yang penting adalah dengan memikirkan suatu cara atau kaedah menyelesaikan masalah ini. Saya berbincang dengan sahabat saya Suhaizan Kaiat dan Azam Mektar untuk mencari suatu alternatif penyelesaian.

Idea Azam Mektar disambut kuat Suhaizan Kaiat yakni menyediakan alternatif seperti 'litar lajak' kepada peminat 'basikal monyet'. Di peringkat awal saya kurang bersetuju dengan idea itu memandangkan ia seperti menggalakkan lagi budaya berbasikal seperti itu diteruskan.

Namun selepas perbincangan dan penerangan yang utuh dari Suhaizan, saya merasakan ia baik kerana jika tidak disediakan litar lajak berkenaan, remaja-remaja itu akan tetap berlumba di jalan raya, sekali gus mendatangkan risiko kepada pengguna lain. Idea Suhaizan dan Azam adalah untuk mengawal remaja dengan mengadakan alternatif litar lajak yang diiktiraf kerajaan.

Tidak pasti sama ada kegiatan atau budaya basikal monyet ini turut wujud di negeri lain. Saya mencadangkan, iktiraf saja remaja sebagai pelumba yang sah di sisi undang-undang. Lanjutan idea dan cadangan itu, suatu kerangka kertas kerja disiapkan serta kenyataan media turut dibuat.

Dari hebahan berita melalui media massa, ia digarap menjadi kertas kerja dan giliran Pemuda AMANAH Negeri Johor mengusulkan kepada Menteri Besar bagi mengadakan cadangan litar lajak alternatif terhadap remaja. Kertas cadangan itu dibawa ke pejabat Menteri Besar Johor di Nusajaya. Kami seterusnya


turun padang bagi mencari maklumat kawasan kediaman serta cara hidup remaja berbasikal itu dan bertemu keluarga mangsa kemalangan.

Akhirnya suatu kajian lapang sasar dilakukan memang menunjukkan tahap kehidupan dan faktor persekitaran kependudukan yang begitu padat adalah hasil utama remaja berbasikal itu menjadi mangsa lepak. Saya juga pernah mengalami kes yang sama dalam sejarah hidup dan memang diakui ia terlalu rapat dengan saya apabila menetap di kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk akan cepat terpengaruh dengan budaya negatif itu.

Tidak boleh dipersalahkan juga dengan apa yang berlaku pada nasib mangsa. Jadi idea mengadakan litar lajak khusus untuk remaja berbasikal seperti itu dan diiktiraf kemahiran mereka adalah perkara yang baik dan mampu menjadi suatu dorongan kepada remaja tersebut. Tapi alangkah malangnya, apabila Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan Kebudayaan, Datuk Zulkurnain Kamisan dalam ucapan pengunggulan di sidang Dewan Undangan Negeri (Dun) Johor yang menolak cadangan untuk mengadakan litar lajak itu.

Tindakan Kerajaan Negeri Johor ini bagaikan mahu melepas tangan tanpa mahu melihat keadaan sebenar apa yang berlaku. Ramai yang memberi maklum balas, "mungkin suatu hari nanti kena kat anak mereka baru mereka nak buat".

Saya juga melihat dari sudut lain; apakah selama ini kerajaan menilai nyawa seseorang itu dengan mata wang atau dengan simpati? Kenyataan Zulkurnain menyatakan kerajaan tidak perlu membazir untuk membuat litar tersebut



kerana tindakan bermain basikal seperti itu hanya trend jangka masa pendek.

Saya tidak nampak ia trend jangka masa pendek kerana ia telah terbukti atas, ia berlangsung sejak zaman saya sekolah lagi sekitar tahun 1998. Ini bukan suatu trend jangka masa pendek dan ini juga bukan soal kewangan; ia berkaitan dengan nyawa dan keselamatan.

Lihat sahaja, berapa ramai remaja yang diberkas polis baru-baru ini kerana beraktiviti berlumba basikal lajak di kawasan kemalangan tersebut. Perkara ini terus berulang dan dalam tinjauan saya, setelah beberapa siri tangkapan dilakukan, kegiatan melepak dan berlumba basikal itu tetap terus berjalan.

Saya juga tertanya, jika cadangan litar lajak itu ditolak, apakah alternatif seterusnya yang akan diusahakan pihak kerajaan dalam menangani masalah remaja berbasikal ini? Apakah kerajaan akan terus membiarkan serta berlepas tangan dalam masalah sosial remaja ini?

Penduduk dihalang masuk Dun

Oleh AMNI JAGAT

NUSAJAYA: Penduduk Kampung Bakar Batu, Perling dihalang masuk ke perkarangan Dewan Undangan Negeri (Dun) Johor oleh pihak keselamatan dan polis yang bertindak menutup jalan masuk ke bangunan berkenaan.

Penduduk kampung yang diketuai Timbalan Presiden AMANAH, Salahuddin Ayub serta Adun Pengkalan Rinting Cheo Yee How telah berkumpul sekitar jam 10.30 pagi bagi berhimpun secara aman di perkarangan Dun Johor namun terpaksa akur dengan arahan polis.

Lokasi tempat berkumpul kemudian diubah dari Dun Johor ke Pejabat Menteri Besar Johor kerana dimaklumkan wakil Menteri Besar Mohammad Khairi A. Malik bersedia bertemu penduduk bagi menerima memorandum bantahan.

Wakil penduduk Norman Abdul Hamid bagaimanapun melahirkan kekecewaan apabila Menteri Besar hanya menghantar wakil untuk bertemu penduduk.

Norman juga kesal kerana Mohammad Khairi menuduh penduduk kampung tidak mengikut saluran yang betul apabila membabitkan AMANAH dan DAP dalam penyerahan memorandum itu.

"Saya merasa kecewa apabila kami dihalang untuk tidak berkum-



Salahuddin, How dan para penduduk Kampung Bakar Batu bergambar ramai selepas menyerahkan memo bantahan.

pul di kawasan Dun Johor bagi menunjukkan rintihan kami terhadap Adun-Adun yang lain berkenaan masalah yang kami hadapi sehingga kami terpaksa berpindah lokasi ke pejabat Menteri Besar.

"Saya juga turut kesal dengan tuduhan wakil Menteri Besar, Mohammad Khairi A. Malik yang menuduh kami penduduk kampung ini tidak mengikut saluran yang betul apabila penduduk mempelawa wakil dari AMANAH dan DAP untuk memperjuangkan nasib kami," ujar Norman.

Menurut Norman, penduduk telah mengikut saluran yang

betul apabila bertemu dan merayu kepada wakil rakyat BN khususnya Ahli Parlimen Pulai Datuk Nur Jazlan Mohammad namun rayuan mereka tidak didengari.

Norman juga menjelaskan, sehingga kini tiada sebarang tindakan atau pemakluman dari kerajaan negeri berhubung status tanah mereka yang dituntut sejak dekad 50-an selain janji-janji kosong.

"Kami telah mengikut saluran yang betul sejak dari awal lagi dengan pertemuan dan rayuan terhadap wakil-wakil rakyat terutamanya Datuk Nur Jazlan serta termasuk kepada Menteri Besar namun rayuan



Norman (kanan) mendengar celoteh Mohammad Khairi selepas menyerahkan memorandum kepada wakil Menteri Besar itu.

kami seperti tidak didengari.

"Selama ini tiada sebarang tindakan dan pemakluman dari pihak kerajaan berkenaan status tanah kami yang dituntut sejak tahun lima puluhan. Hanya janji kosong yang kami terima termasuk hari ini dari wakil Menteri Besar," jelas Norman.

Dalam perkembangan yang sama, Salahuddin meluahkan rasa bangga dengan semangat ditunjukkan penduduk kampung yang sanggup turun beramai-ramai mempertahankan kampung mereka.

Beliau bagaimanapun kesal kerana penduduk kampung telah dihalang daripada berhimpun di

perkarangan Dun Johor.

"Saya merasa bangga dan gembira terhadap semangat penduduk kampung yang sanggup turun beramai-ramai mempertahankan kampung yang didiami mereka.

"Selain itu saya merasa amat berdukacita dengan tindakan pihak keselamatan dan pihak berkuasa polis yang telah menghalang serta sebelum ini penduduk kampung telah diugut dari mengadakan himpunan yang berlangsung hari ini," ujarnya.

Beliau juga berjanji akan terus membantu penduduk untuk memperjuangkan hak mereka.

Konvensyen PH Parit Sulong garis 7 isu rakyat

BATU PAHAT: Konvensyen Pakatan Harapan Parit Sulong bersetuju mengemblem tenaga untuk menghadapi pilihan raya umum (PRU) dan berusaha membantu calon-calon Pakatan Harapan yang bertanding di peringkat Dewan Undangan Negeri (Dun) dan parlimen.

Konvensyen yang berlangsung di sebuah hotel dekat sini turut bertekad memperkemas jentera pilihan raya bagi menghadapi BN.

Setiausaha AMANAH Negeri Johor, Ir. Khairuddin A. Rahim menjelaskan, Pakatan Harapan Parit Sulong akan bekerja dalam satu pasukan dan menyokong sesiapa sahaja yang dicalonkan bagi mewakili gabungan itu dalam PRU akan datang.

"AMANAH Negeri Johor dan AMANAH Parit Sulong akan mengemblem tenaga bersama parti-parti komponen yang lain bagi menghadapi PRU



Konvensyen Pakatan Harapan Parit Sulong sedang berlangsung.

akan datang dan kami akan menyiapkan jentera bagi menghadapinya, tegas beliau.

Beliau yang juga Ketua AMANAH Parit Sulong menjelaskan, konvensyen juga meluluskan resolusi tawaran Pakatan Harapan kepada rakyat disamping menggariskan tujuh isu penting berkaitan masalah tempatan.

Tujuh isu menyentuh kepentingan penduduk itu, ujarinya adalah masalah pencemaran alam sekitar terutamanya di Bukit Payung, pendidikan, kos

sara hidup, pengurusan air, perumahan, pengangkutan serta perbankan dan warga asing serta masalah sosial.

Konvensyen itu telah dirasmikan Timbalan Presiden AMANAH Salahuddin Ayub, Adun Yong Peng Chew Peck Chew, Setiausaha Keadilan Johor Mohd Khuzzan Abu Bakar, Ketua PPBM Bahagian Parit Sulong Omar Salleh.

Hadir sama Ketua Wanita Muda AMANAH Anis Afida Mohd Azli.



MENUAI CILI... Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Parit Yaani Aminolhuda Hassan membantu keluarga Hussin Bakri, 45, memetik cili api ketika berkunjung ke kebun Hussin di Lorong Bakti, Parit Haji Salleh, Jalan Kluang, Batu Pahat, baru-baru ini. Pekebun kecil itu mengusahakan tanaman cili api di tanah seluas 1 hektar secara Patizasi sejak enam bulan lalu. Kunjungan Aminolhuda yang juga Pengerusi AMANAH Johor disambut mesra keluarga tersebut.

Semakan dan salinan Rang Daftar Pemilih 1/2017 Berkampung di pejabat SPR

KUALA TERENGGANU: Pakatan Harapan (PH) dan badan pemantau Invoke terpaksa berkampung di Pejabat Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) negeri untuk membuat semakan dan salinan Rang Daftar Pemilih 1/2017 bagi seluruh negeri Terengganu.

Diketuai Ahli Parlimen Kuala Terengganu Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah, aktivis Invoke, Keadilan, PPBM dan DAP telah berbincang dengan pihak SPR negeri yang diwakili Timbalan Pengarah (Operasi), Norlaila Ghazali secara tertutup agar salinan digital dapat dibekalkan kepada Pakatan Harapan.



Bertemu Norlaila memohon agar PH dibekalkan salinan Rang Daftar Pemilih namun gagal.

Bagaimanapun pihak SPR negeri gagal untuk membantu kerana terikat dengan arahan ibu pejabat SPR di Putrajaya.

Sehingga habis waktu pejabat, para petugas PH hanya mampu membuat salinan Rang Daftar Pemilih bagi enam Dun.

Bagaimanapun, para petugas akan me-

mastikan salinan Rang Daftar Pemilih bagi 32 Dun dibuat sehingga selesai.

Pihak SPR juga memaklumkan, hanya parti-parti komponen PH sahaja tampil membuat bantahan dan memorandum mengenai larangan membekalkan salinan digital Rang Daftar Pemilih suku

1/2017 kepada parti politik.

Parti-parti komponen BN dan Pas tidak membuat sebarang bantahan terhadap peraturan baru itu.

"Pakatan Harapan Terengganu amat kesal kerana tindakan SPR ini telah membawa kesusahan dan melibatkan kos yang tinggi



Raja Bahrin Shah bersama aktivis PH dan Invoke membuat salinan Rang Daftar Pemilih di Pejabat SPR Terengganu.

kepada parti politik serta SPR sendiri untuk mencetak seluruh daftar pemilih tersebut.

"Pakatan Harapan dan Invoke amat berharap SPR dapat mengembalikan keadaan seperti asal dengan membekal salinan digital pada pihak-pihak yang berkepentingan dalam urusan daftar pemilih ini," ujar Raja Bahrin.

Tindakan SPR susahkan parti politik

PARIT BUNTAR: Tindakan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) melarang pendedaran Rang Daftar Pemilih Tambahan (RDPT) bagi suku pertama tahun ini menyukar dan menyusahkan parti-parti politik untuk membuat semakan pengundi yang berdaftar dan pengundi yang baru mendaftar.

Proses semakan ini penting bagi memastikan daftar pemilih telus dan bersih serta tiada penyelewengan maklumat pengundi.

Ahli Parlimen Parit Buntar Datuk Dr Mujahid Yusuf Rawa berkata, tindakan SPR membuat ketetapan untuk tidak lagi mengedarkan RDPT kepada parti-parti politik yang bertanding membuka ruang yang luas kepada penyelewengan dan manipulasi dalam sistem pilihan raya negara ini.

"Tindakan ini jelas tersasar dari matlamat asal

iaitu bagi memberi peluang parti-parti politik mengetahui jumlah pemilih baru, pemilih berpindah tempat mengundi serta pemilih yang dikeluarkan kerana hal-hal lain seperti meninggal dunia.

"Parti-parti politik tidak dapat memastikan sama ada RDPT itu bersih dari penyelewengan kerana tiada medium untuk mereka merujuknya," katanya.

Dr. Mujahid ditemui semasa program mempromosi AMANAH dengan mengedar beg dan risalah parti itu kepada pengunjung dan peniaga di Pekan Lama dan Pekan Tanjung Piandang, dekat sini, baru-baru ini.

Beliau berkata, tindakan SPR ini jelas menghalang pihak-pihak berkepentingan untuk mengakses maklumat pemilih baru.

Larangan ini juga, tegas beliau dikhuatiri

mempunyai agenda tersembunyi untuk kepentingan pihak tertentu.

"Tindakan SPR ini membunuh kepercayaan rakyat terhadap integriti dan kebebasan suruhanjaya itu menjalankan tugasnya.

"Saya menggesa agar SPR menarik balik larangan pendedaran RDPT Suku Tahun

tersebut secara bertulis dengan segera lebih-lebih lagi menjelang pilihan raya umum yang bakal diadakan bila-bila masa sahaja," katanya.

Beliau mengingatkan SPR bahawa rakyat di negara ini sangat mengharapkan proses pilihan raya yang bersih dan adil.

Nasib projek syarikat China di Perak dipersoal

IPOH: AMANAH Negeri Perak mendesak kerajaan negeri membuat penjelasan berkaitan kedudukan beberapa projek pelaburan syarikat negara China di negeri itu ekoran langkah kerajaan negara tersebut menyekat pengaliran keluar modal.

Naib Pengerusi AMANAH Perak Tan Seng Toh berkata, laporan Wall Street Journal menyebut kerajaan China enggan meluluskan perjanjian firma milik negara itu, Iskandar Waterfront Holdings (IWH) yang berpangkalan di Johor untuk mengambil alih 60 peratus kepentingan dalam Bandar Malaysia.

Menurut Tan, antara projek membabitkan syarikat China di Perak adalah projek rumah mampu milik D Aman Residensi di Meru Raya dan limbungan kapal antara Sungai Belu-

kang - Sungai Tiang di Bagan Datuk

"Terdapat juga lokomotif elektrik terbesar dunia, China South Locomotive dan Rolling Stock Corporation Limited (CSR Corporation) yang akan melabur sehingga RM1 bilion bagi membina pusat mengilang dan penyelenggaraan kereta api di Batu Gajah yang diumumkan oleh Menteri Besar Perak sendiri," tambah Tan.

Beliau melahirkan kebimbangan dengan suasana ini kerana langkah kerajaan China itu dikhuatiri akan merencatkan ekonomi Perak.

"Kerajaan Negeri Perak perlu membuat tindakan segera agar perjanjian projek tersebut berjalan seperti mana yang diharapkan," ujarnya.

Kuasai pengundi Melayu jamin menang PRU14

ALOR SETAR: AMANAH Kedah berpendapat mana-mana blok politik yang mampu menguasai lebih 36 peratus segmen pengundi Melayu pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) akan berjaya menadbir kerajaan negeri.

Pengerusinya, Datuk Dr Ismail Salleh berkata, sokongan pengundi Melayu kepada BN pada masa ini merosot sekitar angka itu ekoran kewujudan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu).

"Dalam konteks Kedah ini, sebanyak mana gabungan itu mampu meraih undi Melayu lebih daripada 36 peratus maka dialah yang pemenang selain undi Cina yang tidak berubah kepada Pakatan Harapan.

"Saya yakin dengan masa yang masih ada (sebelum PRU14), undi Melayu beralih kepada Pakatan Harapan dan inilah memberi kemenangan kepada kita," ujarnya dalam forum bertajuk 'Sebenaqny Apa?', baru-baru ini.

Daripada 36 kerusi Dewan Undangan Negeri (Dun) Kedah, sebanyak 20 kerusi dikuasai BN manakala Pas (8), Keadilan (4), DAP (2) manakala AMANAH dan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) masing-

masing satu kerusi.

Negeri Jelapang Padi itu mempunyai seramai 1.1 juta pengundi pada pilihan raya umum akan datang.

Disiarkan melalui Peduli Channel, Dr Ismail bagaimanapun mengakui Pas juga mesti berada dalam satu gabungan pembangkang untuk melawan BN.

"Itu terbaiknya tetapi hampir mustahil sebab Pas sudah menyatakan pendiriannya tidak mahu bersama Pakatan Harapan.

"Namun, tiga penjurong pun saya rasa masih memberi kelebihan kepada Pakatan Harapan disebabkan peralihan undi Melayu ditambah adanya PPBM dalam menarik undi Melayu daripada Umno," tambahnya lagi.

Slot forum Siri II yang turut menampilkan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Pengkalan Kundur, Datuk Ir Phahrolrazi Zawawi merangkap Timbalan Pengerusi AMANAH Kedah dimoderatkan Timbalan Ketua Pemuda AMANAH Kedah, Abdullah Suady Ramadhan Mohd Nasir.

Penduduk bantah projek Lembah Binjai

KUBANG KERIAN: Penduduk yang terlibat dengan pengambilan tanah untuk projek Lembah Binjai dekat sini membantah kaedah pengambilan tanah yang dijalankan secara mengejut dan tanpa proses rundingan.

Sehubungan itu, penduduk terlibat mahu kerajaan negeri menarik balik pewartaan pengambilan tanah yang telah dibuat di kawasan itu.

Ketua AMANAH Kubang Kerian Fauzi Muhammad berkata, masyarakat setempat amat terkejut dengan berita yang dilaporkan akhbar harian tempatan tentang perjanjian sefahaman (MoU) Projek Lembah Binjai sebagai bandar Institusi Pelancongan bertaraf moden bernilai RM100 juta dengan keluasan 200 hektar (494 ekar).

Projek bernilai RM100 juta itu dimajukan Auei Teras Sdn Bhd.

"Projek ini membabitkan lima kampung iaitu Kg Chepa, Kg Binjai, Kg Pulau Raja, Kg Pulau Tengah dan Kg Pulau Hilir yang terletak di belakang Hospital USM Kubang Kerian," katanya dalam satu sidang akhbar bersama penduduk berhampiran tapak pasar baru Binjai, baru-baru ini.

AMANAH Kubang Kerian katanya, mendapat maklumat bahawa Kg Chepa telah diwartakan pada 22 Disember 2016 membabitkan 144 lot tanah di bawah Seksyen 8 Akta Pengambilan Tanah.

"Kami ada salinan warta berkenaan yang

diperolehi dari sekumpulan pemilik tanah.

"Terbaru kami dapati warta kerajaan negeri Kelantan, Seksyen 4 Akta Pengambilan Tanah telah diguna untuk empat buah kawasan kampung lain pula. Warta tersebut bertarikh 16 Mac 2017," katanya.

Beliau mahu kerajaan negeri memberi penjelasan terhadap beberapa perkara tentang projek itu.

"Pertama, adakah proses perwartaan ini dijalankan mengikut prosedur termasuk memastikan projek yang dicadangkan bersesuaian dengan perancangan pembangunan.

"Kedua, adakah proses memastikan tiada bantahan oleh masyarakat setempat sudah dilakukan? Sekiranya ada, adakah ia melibatkan semua pihak berkepentingan?

"Ketiga, adakah kerajaan negeri memainkan peranan sebagai broker tanah dengan mewartakan kawasan tersebut dan membeli dengan kadar pampasan yang sederhana dan menjual kepada pemaju dengan harga berlipat ganda?" soal beliau.

Fauzi juga inginkan penjelasan sama ada

kerajaan negeri memainkan peranan sebagai broker tanah dengan mewartakan kawasan tersebut dan membeli dengan kadar pam-



Fauzi (duduk tiga dari kiri) dan Dr Abdul Halim (duduk dua dari kanan) bersama aktivis NGO dan penduduk pada sidang media membantah projek Lembah Binjai.

pasan yang sederhana dan menjual kepada pemaju dengan harga berlipat ganda?

Beliau juga mahu manfaat projek itu didekahkan kepada umum selain janji mewujudkan pasar baru Binjai yang amat kecil nilainya berbanding kos projek.

Fauzi turut mempersoalkan hasil yang bakal diperolehi penduduk dari projek itu dan mengapa tiada tender terbuka dilaksanakan MBKB-BRI.

"AMANAH telah menjalankan soal selidik

dengan penduduk kampung terlibat dan hasilnya majoriti penduduk tidak berpuas hati

Sementara itu Pertubuhan Peduli Rakyat Kubang Kerian (Peduli) mempersoalkan sama ada kajian berhubung kesesuaian tanah untuk projek tersebut telah dibuat.

"Adakah kajian dibuat tentang air permukaan (surface water) pesisir pantai/gigi air, dasar air (bottom interface), variasi aliran, kualiti air, pola pengairan dan kemungkinan kebanjiran dan lain-lain yang melibatkan kegunaan air semasa dan masa depan," kata pengerusinya, Datuk Dr Abdul Halim Yusof pada sidang media yang sama.

Pihak Peduli katanya, bimbang apa yang dikata kajian itu bukan dibuat oleh pakar perunding alam sekitar ataupun penilaian di buat semasa projek sudah berjalan.

"Kami berpendapat bahawa sebaik-baik projek pembangunan adalah projek yang bersifat lestari dan pemangkin kepada pembangunan negara dan menambah nilai aset bukan sebaliknya.

"Ianya juga sepatutnya melibatkan penyertaan masyarakat setempat dalam menjadi sebahagian dari komuniti baru, bukannya mereka terpaksa tinggal kampung halaman dan merempat di kawasan baru yang menjejaskan kehidupan mereka kerana semata-mata menjaga kepentingan golongan kaya dan bernafsu besar," katanya.

Siasat 'operasi gonggong' di Kelantan

KOTA BHARU: Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) didesak segera menyiasat usaha dilakukannya pihak tertentu yang memindahkan pengundi secara terancang di beberapa kawasan pilihan raya di Kelantan.

"Operasi memindahkan pengundi kerana bakal calon parti tertentu yang nak bertanding di kawasan baru kini dapat dikesan," kata Pengerusi AMANAH Kelantan, Datuk Wan Abdul Rahim Wan Abdullah.

Dalam penemuan awal pihaknya, beliau berkata 454 orang dikesan dipindahkan daripada kawasan parlimen Tumpat ke Pasir Puteh.

"Di Kelantan kita namakan tindakan ini sebagai 'operasi gonggong' di mana pengundi dipindahkan bukan atas sebab perpindahan tempat tinggal," katanya.

Beliau bimbang operasi ini ada kaitan dengan desas-desus seorang bekas pemimpin Umno Tumpat yang bercadang untuk bertanding di kawasan Pasir Puteh dalam pilihan raya umum akan datang.

"Kita mendapat maklumat terdapat kemasukan hampir 500 pengundi ke kawasan Dewan Undangan Negeri (Dun) Gaal yang



Wan Abdul Rahim menunjukkan memorandum Bersih kepada SPR ketika bergambar bersama rombongan Pakatan Harapan Kelantan.

dikatakan berasal dari Tumpat.

"Kami mendesak SPR segera menyiasat perkara ini supaya sejarah lama 'operasi gonggong' yang selalu dilakukan Umno kembali berjalan," katanya pada sidang media sebelum menyerahkan memorandum tuntutan Bersih di pejabat SPR Kelantan, baru-baru ini.

Menurutnya, kawasan Pasir Puteh, Machang, Tanah Merah dan Bachok dikesan terlibat dengan kemasukan pengundi baru yang mencurigakan.

Berkenaan memorandum Bersih, beliau berkata penyerahan itu dijalankan serentak di seluruh negara.

"Perkara paling pokok adalah tuntutan supaya SPR diletakkan di bawah kuasa parlimen dan bukannya di bawah Jabatan Perdana Menteri seperti sekarang.

"Bersih juga mahu segala bentuk korupsi dan politik wang dihapuskan dan daftar pemilihan dibuat secara automatik apabila seseorang cukup umur 21 tahun," katanya.

Tuntutan lain katanya adalah berkaitan semakan daftar pemilihan supaya ianya lebih ber-

Semua lantikan politik diarah letak jawatan

KUALA LUMPUR: Keadilan membuat keputusan supaya semua lantikan politik parti itu dalam Kerajaan Negeri Kelantan dilepaskan berkuatkuasa serta merta.

Presidennya Datuk Seri Wan Azizah Wan Azizah berkata, perkara itu telah disampaikan kepada Pengerusi Majlis Pimpinan Keadilan Negeri Kelantan.

"Keadilan telah membuat keputusan bahawa semua lantikan politik Keadilan dalam Kerajaan Negeri Kelantan diminta melepaskan jawatan-jawatan tersebut berkuatkuasa serta merta.

"Perkara ini telah disampaikan kepada Pengerusi Majlis Pimpinan Negeri Kelantan," katanya selepas menghadiri mesyuarat Biro Politik Keadilan di Ibu Pejabat Keadilan di Petaling Jaya, 16 Mei lalu.

Pas telah memutuskan hubungan politik dengan Keadilan melalui ketetapan yang dicapai majlis syura ulamak parti itu pada 11 Mei lalu.



Datuk Seri Wan Azizah

integriti dan menilai semula kesahihan pengundi tanpa hadir yang dulu dipanggil 'pengundi pos'.

"Bersih juga mahu amalan membenarkan pemerhati pilihan raya antarabangsa dibenarkan semula.

"Kita juga mahu liputan media yang tidak berat sebelah dan tempoh kempen seperti asal selama 21 hari bukannya 11 hari yang diamalkan sekarang," katanya.

Menjulung demokrasi di PRU14

MENURUT freedom house pada house pada setiap tahun sejak 2006, bahwa jumlah negara yang mengalami penurunan hak-hak politik mengatasi jumlah negara yang mengalami peningkatan hak-hak politik di negara masing-masing.

Angka negara-negara demokratik tidak berubah secara dramatik walaupun negara-negara seperti China dan Russia sudah membebaskan diri mereka dari tabir besi. Semakin banyak regim-regim di dunia yang menghadkan kebebasan menerusi peraturan-peraturan draconian (Ruchir Sharma, *The Rise and Fall of Nation*, 2016).

Negara-negara umat Islam langsung tidak tersenarai sebagai pengamal demokrasi tulen. Demokrasi adalah sebuah pohon perlindungan yang tidak dapat mengakar dan merimbun di negara-negara yang mendabik dada sebagai 'negara patuh syariah dan sunnah'.

Sejarah membuktikan betapa pejuang-pejuang Islam di berbagai belahan dunia tidak pernah mengeneipkan perjuangan menggerakkan demokrasi dalam kalangan rakyat di negara masing-masing. Sebagai contoh Kongres Ulama Se-Tanah Melayu pada 4 Januari 1953 telah mengisytiharkan bahawa perjuangan Persatuan Islam Se-Malaya (Pas) telah menyenaraikan tujuan pergerakan tersebut seperti berikut:

1. Berusaha dengan kuat untuk memperkenalkan kepada rakyat jelata akan kemerdekaan yang tulen serta menanamkan ke dalam jiwa mereka semangat kemerdekaan itu sambil menunjukkan cara-cara mencapainya.
2. Berusaha dengan kuat memperkenalkan demokrasi yang sejati dan menyatakan faedah-faedahnya kepada negara dan umat Islam serta berusaha menanamkan semangat demokrasi ke dalam jiwa masing-masing sambil menunjukkan cara-cara mencapai demokrasi.
3. Mengatur dengan kemas cita-cita merdeka Pas dan sebuah Pas yang menjalankan segala tanggung jawab yang berkaitan dengan agama Islam.
4. Berikhtiar memperkenalkan diri Pas sebagai mewakili umat Islam Melayu kepada alam Islamiah dan badan-badan kebajikan Islam seluruh dunia serta membuat perhubungan dengannya, sama ada dalam perkara-perkara kebajikan bagi Malaya khasnya dan dunia amnya.
5. Berikhtiar melaksanakan hukum-hukum Islam.

(Farish A.Noor, *Islam Embedded*, MSRI Kuala Lumpur 2004)

Sementara Partai Masjumi, parti Islam terbesar di dunia yang telah memenangi beberapa pilihan raya umum di Indonesia menggariskan Program Masjumi 1955 ketika mereka memasuki Pilihanraya Nasional seperti berikut:

MEMILIH MASJUMI

Bererti:

1. Menegakkan Negara-hukum yang menjamin keselamatan jiwa dan harta benda semua penduduk Indonesia, baik warga negara mahupun asing.
2. Mempertahankan asas-asas mesyuarat dan demokrasi sebagai dasar negara.
3. Menjamin kemerdekaan beragama serta menyuburkan ragam hidup antara pemeluk agama.
4. Menjamin hak-hak asasi manusia.
5. Menjamin hak-hak kaum wanita dalam lapangan politik, ekonomi, dan sosial yang se-darjat-seimbang dengan kaum lelaki, sesuai dengan sifat, pembawaan dan kewajipan masing-masing.
6. Mengatur produksi dan distribusi barang-barang menurut rencana untuk kebahagiaan rakyat seluas-luasnya.
7. Melarang agenda monopoli oleh perusahaan partikelir (bukan kerajaan).
8. Menyalurkan (konkurensi) persaingan yang tebatas dibawah pengawasan pemerintah ke arah yang membangun (konstruktif).
9. Menyesuaikan politik harga dan upah dengan keadaan perekonomian umum dalam negeri.
10. Membangunkan berbagai macam koperasi untuk memperkukuh ekonomi nasional.
11. Menasionalisasi perusahaan-perusahaan vital menurut rencana tertentu, di mana pelak sanaannya dijalankan menurut keadaan dan kewangan negara.
12. Menyelenggarakan industrialisasi setepat-tepatnya.
13. Membuka kesempatan bekerja yang luas bagi rakyat.
14. Membebaskan Indonesia sebanyak-banyaknya dari import hasil-hasil perindustrian dari luar negeri.
15. Mengakui kaum petani sebagai faktor sosial dan politik yang stabil.
16. Memperkuat kedudukan kaum petani dengan meninggikan kesejahteraannya.
17. Memberian perlindungan, bantuan moral dan material kepada kaum petani.
18. Membanteras pemerasan kaum petani oleh golongan manapun juga.



Pakatan Harapan komited untuk membentuk kerajaan yang berintegriti, bebas rasuah dan mengutamakan kebajikan rakyat.

19. Menghapuskan sistem tuan-tanah menurut hukum.
 20. Menghapuskan beban-beban yang tidak adil ke atas kaum petani.
 21. Memberikan tanah kepada kaum petani.
 22. Membangunkan berbagai macam koperasi dari/oleh/dan untuk kaum petani.
 23. Menjamin upah yang layak buat pekerja-pekerja petani dengan menentukan upah terendah.
 24. Mengakui pentingnya kaum nelayan dalam masyarakat Indonesia, yang negerinya terdiri dari kepulauan.
 25. Memperbaiki kedudukan kaum nelayan.
- (Remy Madinier, Program Masjumi 1955, Penerbit Mizan 2013)**

Demikianlah bukti sejarah yang sangat konkrit tentang komitmen golongan Islam terhadap demokrasi. Walaupun masih ada dan ramai yang masih mempertikaikan kononnya demokrasi itu berasal dari barat dan tidak cocok dengan Islam agama wahyu yang suci dan mulia itu. Namun, tokoh-tokoh besar seperti Mohamad Natsir, Syed Abu A'la Maududi, Burhanuddin al-Helmi, Kiyai Wahid Hashim dan lain-lain memperakui bahawa demokrasi adalah satu jalan terbaik bagi melaksanakan kesejahteraan rakyat.

Ruang yang ada di negara ini untuk rakyat ikut serta di dalam pilihan raya umum untuk menghantar wakil ke Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri dalam membuat dasar dan mengurus tadbir negara.

Peluang untuk memperbaiki dan mereformasi perjalanan tadbir urus negara yang semakin menurun, perlakuan sumbang dan curang para pemimpin negara, pelanggaran hak asasi manusia, tekanan melalui undang-undang yang mencengkam di negara kita ini hanya akan dapat dihentikan menerusi kotak undi.

Kerajaan Barisan Nasional (BN) kesinambungan daripada Kerajaan Perikatan telah memonopoli pemerintahan negara ini sejak Pilihan Raya Umum 1955. Kehadiran gabungan parti-parti pembangkang sejak dari Barisan Alternatif (1999), Pakatan Rakyat (2008) dan Pakatan Harapan (2015) menjanjikan peluang kepada rakyat untuk menamatkan hegemoni Umno dan sekutunya yang terlalu



lama berkuasa.

Pakatan Harapan yang menggantikan Pakatan Rakyat yang telah mengakhiri hayatnya akibat dari pemutusan hubungan Pas dengan DAP, kini berdiri sebagai gabungan empat buah parti iaitu Keadilan, DAP, AMANAH dan bintang baru PPBM yang diasakan oleh Tun Dr Mahathir Mohamad (mantan PM) dan Tan Sri Mahyuddin Yassin (mantan TPM). Namun sikap yang diambil oleh Pas yang tidak mahu bekerjasama dengan DAP, AMANAH, PPBM dan terakhir memutuskan tahaluf siyasinya dengan Keadilan dan semakin dekat dengan Umno menjadikan suhu politik negara semakin hangat.

Ramai penganalisis agak hairan memikirkan bagaimana Pas yang sebelumnya mengambil pendekatan yang agak dinamis mendekati semua golongan politik yang berbeda ideologi bekerjasama dalam hal-hal yang disepakati misalnya menentang salah guna kuasa, rasuah, kezaliman dalam berbagai bentuk kini benar-benar berubah.

Pas sebagai sebuah parti Islam yang begitu lama di persada politik negara kini bersama Umno-BN bergerak ke arah politik haluan kanan yang berpegang kepada dasar Nasionalisme Melayu Islam. Pas telah hadir di berbagai pertemuan dan perhimpunan bersama pemimpin-pemimpin Umno-BN di peringkat nasional dan di peringkat tempatan.

Kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin utama Pas khususnya Datuk Seri Abdul Hadi Awang menggambarkan pakatan baru Pas dan Umno-BN sedang mula dirajut. Bahkan dikemuncak kenyataan-kenyataan pro-Umno-BN itu, Dato' Seri Abdul Hadi menyarankan agar orang Melayu hanya memilih Pas atau Umno sahaja dalam pilihan raya umum ke-14 nanti. Ini memberikan makna yang jelas bahawa Pas sudah bersama Umno secara tersirat dan tersurat.

Siapapun yang punya panca indera dan minda yang jelas, akan memahami bahawa hanya Pakatan Harapan sahajalah yang benar-benar komited menentang kemungkaran politik Umno-BN yang kini turut disokong oleh 'para agamawan' Pas.

Mengundi BN atau Pas bermaksud rakyat tidak bersedia untuk berubah demi menyelamatkan negara dan selesa dengan segala macam kebejatan yang telah berleluasa sejak beberapa dekad di bawah pemerintahan kerajaan Perikatan-BN.

Ketika Umno kecundang dalam Pilihan Raya 1969, Pas telah rela menjadi penyelamat dan survival Umno bertahan hingga ke hari ini. Di saat Umno berdepan dengan suasana paling buruk dalam sejarah sekali lagi Pas akan membantu menyelamatkan parti sekular itu. Apakah sejarah akan berulang? Apakah kita akan membenarkan ruang demokrasi yang masih ada tidak dimanfaatkan sepenuhnya demi citra baru negara?

Tepuk dada, tanya selera.

■ Mohd Anuar Tahir ialah Setiausaha Agung AMANAH

Tiada persamaan perlembagaan AMANAH dan DAP

PENGARAH Institut Kajian Politik Malaysia Universiti Utara Malaysia (UUM) Dr Kamarul Zaman Yusoff dalam status di laman facebook beliau bertarikh 9 Mei lalu mendakwa kononnya Parti Amanah Negara (AMANAH) telah gagal untuk mendedahkan kandungan perlembagaan parti setelah setahun beroperasi.

AMANAH adalah parti berdaftar dan terbuka kepada semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum dan agama dan mana-mana ahli berdaftar mempunyai hak yang sama termasuk untuk mendapatkan perlembagaan parti. Bukan seperti Pas meletakkan Ahli Dewan Himpunan Penyokong PAS (DHPP) hanya sebagai sekutu dan bukan ahli yang mempunyai hak sama rata.

Oleh itu, selaras dengan peraturan Pendaftar Pertubuhan, setiap ahli berhak untuk mendapat akses kepada Perlembagaan AMANAH dan mereka boleh berhubung dengan Setiausaha Organisasi AMANAH jika ingin mendapatkan salinan Perlembagaan AMANAH.

Bagi orang awam, mereka boleh membuat carian di Pejabat Pendaftar Pertubuhan jika mereka ingin mendapatkan perlembagaan AMANAH. Bahkan, Perlembagaan AMANAH (setakat 15 Ogos 2016) dan cadangan perlembagaan baharu AMANAH telah diedarkan kepada ahli yang hadir pada Konvensyen Nasional AMANAH yang diadakan pada 10-11 Disember



2016, SACC, Shah Alam.

Oleh itu, dakwaan Dr Kamarul Zaman Yusoff itu adalah tersasar daripada kehendak dan peraturan di bawah Akta Pertubuhan 1966.

PERLEMBAGAAN AMANAH DAN DAP SAMA?

Dr Kamarul Zaman juga mendakwa bahawa perlembagaan AMANAH sama dengan Perlembagaan DAP daripada segi bentuk pemilihan. Di akhir tulisan dibuat innuendo berikut, "Apakah persamaan kaedah pemilihan pemimpin tertinggi Parti Amanah Negara dengan kaedah pemilihan pemimpin tertinggi DAP ini adalah satu kebetulan atau dirancang?"

Sesuatu perlembagaan perlu dilihat secara menyeluruh dan bukan hanya tebuk-tebuk sebelum membuat sesuatu perbandingan. Dr Kamarul Zaman hanya memetik bab pemilihan sahaja. Ini adalah tindakan yang tidak adil kerana setiap parti berhak menentukan kaedah pemilihan tersendiri.

Bahkan pemilihan khalifah selepas kewafatan Baginda Rasulullah s.a.w. juga berbeza-beza. Mengikuti sirah Saidina Umar r.a., beliau sendiri telah

mengusulkan nama Saidina Uthman bin Affan, Saidina Ali bin Abi Talib, Abdul Rahman bin Auf, Talhah bin Ubaidillah, Zubair Al Awwam dan Saad bin Abu Waqas.

Pemilihan Khalifah Uthman r.a. selaku khalifah ketiga adalah berdasarkan musyawarah ini. Konsep musyawarah ini yang dipakai dalam Perlembagaan AMANAH. Mengapakah Dr Kamarul Zaman lupa sirah ini dan memilih untuk menyamakan AMANAH dan DAP? Tentu sekali ada niat tersiratnya, bukan?

Perkara 56 Perlembagaan AMANAH (setakat 15 Ogos 2016, dan perlembagaan baharu dalam Bahasa Melayu sedang menunggu kelulusan Pendaftar Pertubuhan) menyatakan:

56. The Annual National Convention shall elect a National Leadership Committee every three (3) years consisting of twenty-six (26) members. The twenty-six (26) elected members of the National Leadership Committee together with the Wanita Amanah National Head, the Pemuda Amanah National Head, and the Wanita Muda Amanah National Head, and fourteen (14) States' Chairmen shall from amongst their number elect a President and a Deputy President both of whom shall profess a profound understanding of and commitment towards Islam and not more than three (3) Vice Presidents. The President shall hold office not more than three (3) consecutive terms. The

President in turn shall appoint five (5) additional members of the National Leadership Committee with the approval of the National Leadership Committee. After having appointed the five (5) additional members of National Leadership Committee, the President shall with the approval of the National Leadership Committee, appoint from among the National Leadership Committee members; not more than two (2) Vice Presidents, a Secretary-General, a Deputy Secretary-General, not more than three (3) Assistant Secretaries, a Treasurer-General, an Organizing Secretary, a Communication Director, an Election Director, a Strategy Director, a Syariah Affairs Director, and a Leadership Development Director.

Dr Kamarul Zaman tidak cermat bila mana klausa 56 Perlembagaan AMANAH itu menyatakan terdapat 26 orang yang akan dipilih dalam Jawatankuasa Pimpinan Nasional dan bukan 25 orang seperti yang ditulis olehnya.

Selain itu, jelas sekali wujud perbezaan ketara antara Perlembagaan AMANAH dan Perlembagaan DAP.

Perlembagaan AMANAH mensyaratkan Presiden dan Timbalan Presiden hendaklah mempunyai kefahaman dan komitmen terhadap Islam yang tentunya hal ini tiada dalam Perlembagaan DAP. Begitu juga dengan jawatan yang dinamakan

adalah berbeza. Antara jawatan dalam DAP yang tiada dalam AMANAH adalah National Chairman dan National Deputy Chairman, Deputy Secretary General, National Publicity Secretary, International Secretary dan National Director of Political Education.

Manakala, jawatan yang ada dalam AMANAH tetapi tiada dalam DAP adalah Presiden, Timbalan Presiden, Pengarah Komunikasi, Pengarah Pilihan Raya, Pengarah Strategi, Pengarah Pembangunan Kepimpinan dan Pengarah Hal Ehwal Syariah.

Begitu juga daripada segi struktur, dalam DAP kuasa eksekutif adalah terletak ke atas Setiausaha Agung tetapi dalam AMANAH kuasa eksekutif adalah terletak ke atas Presiden.

Kesimpulannya, Dr Kamarul Zaman bukan hanya membuat tohmahan liar bertujuan untuk menimbulkan keraguan orang ramai bahkan tidak cermat apabila gagal merujuk kepada peruntukan Perlembagaan AMANAH yang terkini.

Selain itu, penelitian yang dibuatnya langsung tidak ilmiah dan tidak merujuk kepada hal sebenar. Sebagai seorang pemegang PhD doktor falsafah) sepatutnya Dr Kamarul Zaman lebih teliti apabila mengemukakan fakta. Jika sesuatu fakta itu silap dan tidak tepat apakah nilainya PhD yang dimiliki olehnya.

Awas pengemis maklumat di pejabat SPR

TINDAKAN Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk tidak lagi membekalkan salinan 'soft copy' Rang Daftar Pemilih untuk Suku Pertama tahun 2017 kepada parti politik pembangkang dan pihak yang mempunyai kepentingan amat mendukacitakan.

Dengan segala kemudahan moden dan teknologi terkini, proses membuat semakan senarai pengundi sepatutnya menjadi lebih mudah tetapi apa yang berlaku adalah sebaliknya.

Pihak SPR kelihatannya tidak berhasrat untuk memudahkan proses tersebut sebaliknya cuba untuk menyulitkan lagi urusan penyemakan senarai.

Sistem pilihan raya Malaysia kelihatan makin mundur kebelakang, walaupun kita mendakwa ingin menjadi negara maju, namun masih dibelakang

dalam memperkasakan sistem pilihan raya.

Demokrasi di Malaysia hari ini mempunyai banyak ketempangan yang jelas. Contohnya adalah pemberian maklumat asas seperti senarai Rang Daftar Pengundi Suku Pertama 2017 pun tidak diberi secara sepatutnya. Ini sekaligus menafikan hak parti-parti politik untuk mempunyai kemudahan maklumat yang sama dengan kerajaan.

Sedikit menghairankan apabila yang membantah larangan ini hanyalah dari Pakatan Harapan yang terdiri dari Keadilan, PPBM, AMANAH dan DAP sementara pihak lain berdiam diri. Ini menunjukkan kemungkinan besar mereka mempunyai "maklumat serta kemudahan" yang diperlukan.

Timbul persoalan kenapa Umno, Pas, MCA dan MIC tidak turut sama

membantah? Bukankah mereka pun memerlukan maklumat ini juga?

Adakah mereka mempunyai "kuasa sakti" luar biasa untuk mendapatkan maklumat ini semua?

Adakah ini situasi "level playing field" (padang yang sama rata) untuk pertandingan yang dijangka sengit berjalan tidak lama lagi?

Adakah ini situasi "politik matang" negara yang kononnya akan menjadi negara maju menjelang tahun 2020?

Saya rasa kita amat jauh dari cita-cita tersebut. Apatah lagi kita masih di tahap parti pemerintah cuba memanipulasi sistem pilihan raya bagi kepentingan pihak pemerintah dan mereka yang rapat dengan pemerintah.

Walaupun dikatakan negara demokrasi, hakikatnya kita masih jauh ketinggalan di belakang negara jiran kita Indonesia yang jauh

matang politik serta demokrasinya.

Sehingga kita mencapai tahap yang hampir sama dengan demokrasi politik Indonesia, kami dari pembangkang masih perlu duduk berhari-hari di pejabat SPR untuk cuba membuat salinan senarai terkini pengundi walaupun dengan teknologi yang ada.

Sebelum ini, dalam beberapa saat sahaja salinan melalui "cakera padat" atau "thumb drive" boleh menyelesaikan tugas tersebut.

Sehingga demokrasi matang dicapai, kita masih perlu berkelah duduk di atas lantai di lobi pejabat SPR Terengganu untuk meneliti dan cuba membuat salinan senarai pengundi.

Kami seolah-olah meminta sedekah maklumat yang sepatutnya diberi dengan mudah melalui teknologi terkini. Sesiapa yang memasuki lobi Pejabat



PENDAPAT
RAJA BAHRIN SHAH

SPR Terengganu mungkin akan menjangka kami "peminta sedekah" duduk di atas lantai sedang mengemis maklumat bagi memastikan perjalanan PRU ke-14 secara baik dan adil.

Inilah Malaysia negara kita yang dijangka mencapai status negara maju dalam tempoh masa tiga tahun lagi pada 2020!

Datuk Raja Bahrin Shah ialah Pengerusi AMANAH Terengganu dan Ahli Parlimen Kuala Terengganu.

Rakyat belum putus berharap

Oleh **NOURAH ABDULLAH**

KAMPUNG itu agak terperosok di pinggir hutan. Walaupun tidak ketara jauh dari jalan raya utama dan pusat komersial, ia terperuk di sempadan sungai yang merentasi antara kampung itu dengan kampung tempat penulis membesar.

Rakan-rakan zaman persekolahan penulis separuhnya berasal dari kampung itu. Walaupun keluarga penulis susah, namun berbanding dengan sebahagian dari rakan sebaya yang lain, keadaan penulis boleh dikatakan lebih baik. Tetapi ini kisah dahulu, beberapa dekad yang lalu.

Baru-baru ini penulis bersama-sama aktivis AMANAH Kawasan Indera Mahkota telah mengadakan jejak asnaf di Kampung Darat Seberang.

Tidak banyak perbezaan yang penulis lihat. Di sebalik rumah-rumah orang berada yang semakin banyak dan besar. Jurang perbezaan kehidupan di antara dua kampung ini masih lebar, malah mungkin lebih ketara berbanding dahulu.

Kebanyakan penduduk ini tinggal di rumah pusaka datuk nenek yang berusia lebih dari 50 tahun dengan atap zink yang bocor dan dinding papan yang dimamah anai-anai.

Papan lantai juga mereput dan berlubang. Sama keadaannya dengan rumah arwah nenek penulis dahulu sebelum dirobohkan dan diganti dengan rumah batu.

Semasa ziarah, kebanyakan penduduk dari golongan asnaf mengumpul barang lusuh ke dalam guni-guni separuh penuh. Ada sahabat memberitahu yang dia kerap ke kawasan pembinaan terbengkalai untuk mengetuk tiang



Mendengar keluhan penduduk di samping mencari langkah penyelesaian.

konkrit dan mengeluarkan besi cerucuk sebelum dijual.

Tetapi kerja keras itu tidak menjanjikan pulangan yang setimpal. Apa boleh buat, hanya itu sahaja kerja yang boleh dibuat sambil menjaga suami yang sakit.

Selepas pencen dari kerja kilang di Gebeng atau Semambu, sebahagian penduduk ini juga ada yang menjadi nelayan kecil. Pendapatan masih tidak seberapa dan banyak bergantung keadaan cuaca.

Ada juga insiden cemas pernah berlaku apabila bot terperangkap dalam ribut dan karam. Alhamdulillah, mangsa diselamatkan selepas semalaman bergayut pada bot yang terbalik.

Hampir separuh dari keluarga yang sempat diziarahi mempunyai ahli keluarga yang menderita sakit kronik. Antaranya sakit buah pinggang, kencing manis, strok atau masalah jantung.

Rawatan kesihatan pula hanya terbatas kepada rawatan asas di hospital kerajaan yang selalu penuh dan terpaksa menunggu temujanji berbulan-bulan.



Bertanya khabar dan masalah.

Beberapa rumah yang kami ziarahi juga terdapat ahli keluarga yang sakit mental. Secara kasar, penulis rasa agak tinggi juga berbanding dengan kampung lain.

Keadaan lebih buruk kerana kesukaran mereka untuk pergi mendapatkan rawatan dengan menggunakan pengangkutan awam dengan sistem yang lemah menyebabkan sebahagian mereka terbiar tanpa rawatan perubatan.

Sudahlah keadaan bas kurang kondusif, teksi pula sudah tentu jauh dari kemampuan mereka.

Kehidupan rakyat semakin tersepit dengan pelbagai faktor.



Warga emas ini cecal meneruskan hidup.



Sempat bersantai bermain congkak bersama penduduk.

Ada yang terpaksa berhenti kerja kerana sakit, usia semakin lanjut atau tempat kerja terpaksa ditutup kerana tidak mampu menampung kos.

Dasar percukaian kerajaan seperti GST yang kononnya membantu hidup rakyat langsung tidak berlaku.

Malah, kos sara hidup pula semakin meningkat.

Dalam suasana mencengkam ini, rakyat masih perlukan pembelaan untuk satu perubahan pentadbiran yang lebih baik berlaku dalam negara ini.



Menghulurkan sumbangan orang ramai kepada penduduk.

NGO TYM Community perlu sumbangan ramai

NGO Tangan Yang Membantu (TYM Community) berbesar hati menerima sumbangan orang ramai untuk diserahkan kepada mereka yang memerlukan.

Antara golongan sasaran yang sering diziarahi dan disampaikan bantuan adalah fakir dan miskin, anak yatim, ibu tunggal, warga emas, institusi pendidikan agama, golongan asnaf dan sebagainya.

NGO ini juga hanya beroperasi di kawasan Parlimen Indera Mahkota termasuk di beberapa perkampungan Melayu sekitar kawasan ini.

Penderma boleh menghulurkan sumbangan itu melalui akaun Maybank TYM Community: 5560 9325 2851 atau melalui sumbangan online di SENANGPAY Online Universal Payment di laman web: <http://app.senangpay.my/payment/635148999145842>

Setiap program yang dijalankan juga boleh diikuti melalui laman sosial Facebook www.facebook.com/TYMCommunity

Sebarang kemusykilan atau pertanyaan boleh hubungi pihak TYM di talian 019-9815588 atau 09-5730780.



TYM
COMMUNITY
TANGAN YANG MEMBANTU
PPRA-05-05-04-00010

SEDEQAQ

BANTULAH MEREKA YANG MEMERLUKAN

- fakir • miskin • anak yatim
- ibu tunggal • warga emas
- maahad • asnaf

dan mereka yang perlu dibantu



JOOM BANTU!!!

CARA SUMBANGAN:

 MAYBANK NO AKAUN: 5560 9325 2851

 SENANGPAY Online universal payment
<http://app.senangpay.my/payment/635148999145842>

Suatu program kemasyarakatan kendalian NGO TYM Community

HUBUNGI: 019 981 5588
09 573 0780

<https://m.facebook.com/TYMCommunity/>

Apabila profesor Melayu bodohkan Melayu

SAYA telah menerima beberapa mesej Whatsapp melalui berbagai grup Whatsapp mengenai isi kandungan buku YB Hanna Yeoh, "Becoming Hanna".

Petikan-petikan yang dikemukakan bertujuan untuk membuktikan bahawa YB Hanna dan parti DAP itu sendiri ingin mengkristiankan Malaysia. Profesor Melayu yang bernama Dr Kamaruzaman Yusof mendakwa tulisan YB Hanna adalah satu pendedahan agenda DAP sebenar!

Amat sedih apabila 'cendekiawan' Melayu berusaha membodohkan Melayu. Ini yang dikatakan "harapkan pegar, pegar makan padi".

Saya yakin sebagai seorang yang berpendidikan, Dr Kamaruzaman mampu membezakan di antara keyakinan keagamaan seseorang ahli dan dasar parti politik yang disertainya. Namun dia sengaja putar-belit fakta sebenar supaya akan tercapai matlamat politik tertentu. Sedih, tetapi itulah hakikatnya.

Hanya yang terlalu bodoh akan mendakwa DAP sebagai parti politik yang beragenda mengkristiankan masyarakat Malaysia berdasarkan buku kisah hidup Hanna Yeoh! Bagaimana mungkin ada yang tak mampu membezakan agama seseorang ahli parti dan dasar parti yang disertainya boleh menjadi pensyarah universiti? Pensyarah bertaraf profesor di dalam bidang politik pula!

Untuk menangkis dakwaan songsang 'profesor kangkung' ini, kita hanya perlu melihat kepada barisan kepimpinan DAP. Adakah semua pimpinan dan ahli DAP beragama Kristian? Sekiranya ya, harap beritahu saya. YB Gobind Singh Deo adalah



Hanna Yeoh menunjukkan buku autobiografinya "Becoming Hanna" selepas membuat laporan polis terhadap Kamaruzaman.

Kristian mazhab apa? YB Sivakumar, bekas Speaker Perak adalah seorang yang beragama Hindu. Adakah wujud mazhab Kristian yang berpegang kepada agama Hindu? Kebodohan yang menakutkan. Amat malang kebodohan ini ditaja oleh seorang profesor Melayu supaya disebarkan di kalangan orang Melayu. Nak jadikan Melayu bodoh, bukan nak tambahkan Melayu dalam kepandaian.

Buku YB Hanna menceritakan mengenai dirinya sendiri, fahamannya, nilai-nilai hidupnya, cita-citanya dan liku-liku hidup yang telah dilaluinya. Ia tiada kena-mengena dengan dasar perjuangan politik partinya iaitu DAP.

Biasanya kalau nak faham mengenai dasar perjuangan sebuah parti politik, maka perlembagaan parti tersebut adalah rujukannya. Mengikuti profesor ini, untuk mengetahui perjuangan DAP, buku kisah hidup YB Hanna adalah rujukannya! Tidaklah

ianya kelakar? Lebih kelakar lagi apabila ada yang percaya dakwaannya.

Islam tidak menghalang orang bukan Islam berpegang teguh dengan agama mereka dan mengamalkan ajaran-ajarannya. Itulah keadilan Islam. Malangnya ada yang beranggapan bahawa bukan Islam yang hidup di 'negara Islam' mesti "mengakui Islam adalah agama sebenar"!

Saya masih ingat lagi semasa bertaraf mahasiswa di universiti, ada 'ustaz-ustaz jadian' yang mendakwa itulah ajaran Islam. Saya tak hairan berdasarkan kupasannya terhadap buku YB Hanna, sekiranya profesor ini beranggapan begitu juga! Sikap dan kefahaman sebegini menjatuhkan imej Islam. Betapa ramai yang menganggap dirinya berkhidmat untuk Islam tetapi sebaliknya meruntuhkan imej Islam.

Melayu seperti 'profesor kangkung' sebegini merosak dan membodohkan Melayu demi kepentingan peribadinya. Mungkin alasan agama digunakannya tetapi amalannya tiada kena mengena dengan akhlak agama Islam. Dia sanggup menipu dan berbohong, sehingga Melayu takut kepada seseorang hanya kerana dia berbeza dan sanggup pula menyokong kepimpinan penyamun dan perompak semata-mata kerana mereka sebangsa! Patutlah bangsa Melayu jauh ketinggalan apabila profesor Melayu membodohkan Melayu.

Saya mengenali YB Hanna sebagai seorang wanita yang rendah diri, berkeperibadian tinggi, jujur dan sangat fokus terhadap tanggung-jawabnya sebagai seorang Adun

**LAUT
BUDI
TEPIAN
AKAL**

KHALID SAMAD



dan Speaker Dewan Undangan Negeri Selangor. Amat malang kalau dia didera semata-mata kerana dia beragama Kristian dan difitnah sesuka-hati dan ini semua dilakukan 'atas nama Islam'. Islam sebeginilah yang menghasilkan ISIS dan IS.

Parti AMANAH Negara berpegang kepada kefahaman Islam yang berpaksikan Al-Quran, Sunnah Rasulullah s.a.w. serta amalan para sahabat dan tabiin. Islam yang dibawa Nabi s.a.w. adalah penuh dengan kerahmatan dan kasih sayang. Ianya membawa persaudaraan dan keamanan yang berpaksikan keadilan. Islam yang dibawa 'profesor kangkung' ini, bersama pengikut-pengikutnya hanya mampu menyemaikan kebencian dan perbalahan. Ianya songsang dan sesat dan hanya menjanjikan kemusnahan masyarakat dan negara seperti mana yang telah menimpa semua negara umat Islam yang terpengaruh dengannya.

Untuk menghadapi kefahaman Islam yang songsang sebeginilah maka AMANAH ditubuhkan.


Khalid Samad ialah Pengarah Komunikasi AMANAH dan Ahli Parlimen Shah Alam.

Episod Selangor salah konvensyen demokrasi parlimen

PADA 11 Mei lalu, Majlis Syura Ulamak Pas telah memutuskan tahaluf siyasi (kerjasama politik) antara parti Islam itu dengan Keadilan yang telah dijalinan lama sejak era kepimpinan Almarhum Ustaz Fadzil Mohd Noor.

Serentak dengan itu juga, dalam satu kenyataan rasmi dari Pesuruhjaya Pas Selangor menyebut bahawa Exco Pas akan kekal sebagai sebahagian dari kerajaan Negeri Selangor.

Kenyataan ini bukan sahaja dilihat sebagai "pelik" oleh para pemerhati dan rakyat, malah menggambarkan bahawa pemimpin Pas sebenarnya tidak memahami konsep tanggungjawab Exco kepada Dun, sebagai satu konvensyen penting dalam sistem pemerintahan berperwakilan yang telah diterima dan diamalkan di negara ini sejak ia



mencapai kemerdekaan.

Di bawah Perlembagaan Malaysia, Yang di-Pertuan Agong, atas nasihat Perdana Menteri, melantik menteri-menteri di mana-mana satu Majlis Parlimen, dan menteri-menteri adalah bersama-sama bertanggungjawab kepada Parlimen [M.Puthuchery; 1983] dan corak ini diulangi di peringkat negeri yang diketuai seorang Menteri Besar.

Dalam bentuk yang bagaimana kebertanggungjawaban boleh disempurnakan dalam sebuah kerajaan di mana ahli-ahlinya adalah merupakan musuh yang

saling mencela (DAP, Keadilan dan Pas) dan umumnya serangan-serangan ke atas kerajaan dan ke atas Exco-Exco secara individu adalah tugas pembangkang [Ivor Jennings: 1950], yang sepatutnya kini dimainkan oleh Pas, sebagai pihak yang tidak terikat dengan tiga pihak lain yang majoriti (Keadilan, DAP dan Amanah) di Dun Selangor?

Suatu hakikat yang menyalahi konvensyen apabila Pas bertindak untuk terus kekal dalam kerajaan yang ada tetapi pada masa yang sama telah mengisytiharkan sebagai pihak yang tidak terikat dengan kumpulan majoriti Ahli Dewan.

Dan bilamana seorang Exco (Pas) yang telah melakukan kesilapan atau mendapat celaan dari Dun, konvensyen menetapkan bahawa Exco itu tidak bersendirian, tetapi disokong oleh rakan-rakan Exconya

yang lain dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan oleh 'backbencer'nya sendiri.

Persoalannya, siapa 'backbencer' yang dimaksudkan dan adakah ia merujuk kepada Ahli Dewan Pakatan Harapan sahaja atau termasuk Ahli Dewan Pas yang tiada ikatan persetujuan politik dengan Ketua Kerajaan dan 'backbencer' dalam Dun Selangor?

Menurut M. Puthuchery, konvensyen tanggung jawab secara kolektif ini juga dengan itu menjadi penting bagi mencapai perpaduan parti yang membentuk kerajaan.

Justeru sekali lagi persoalan yang timbul adakah hubungan tanggung jawab kolektif yang mencapai perpaduan parti itu merujuk kepada Exco-Exco Pas dan peranan mereka dalam konteks perpaduan parti PH, parti yang

majoriti dalam Dun Selangor?

Sesungguhnya kecelaruan yang berlaku pada hari ini menunjukkan suasana politik Malaysia tidak menunjukkan ciri-ciri yang membenarkan konvensyen tanggung jawab menteri/Exco tidak dijalankan dengan sepenuhnya dan berkesan.

Ia diburukkan lagi dengan sikap dan perilaku oleh ahli-ahli politik yang secara teorinya memperjuangkan Islam yang sarat dengan nilai-nilai seperti harga diri, amanah dan menghormati hak orang lain, tetapi sebaliknya menonjolkan sikap kiasu, tidak boleh berunding dan lebih malang lagi tidak memahami tatacara kenegaraan yang dipraktikkan di negara sendiri.

Penulis ialah pensyarah IPTA dan pengulas politik tanah air.

China's Investment: Najib's clarity much to be desired!

EVEN before the dusts could settle out of the whole fiasco of Bandar Malaysia's unfortunate abrupt termination of the share sales agreement (SSA) with the consortium IWH-CREC, Malaysians continue to be confronted with unending questions that beg immediate clarity and purpose.

Coming close on the heel of the controversies surrounding the 1-MDB-IPIC's arbitration 'settlement', the PM's unilateral decision in relying on one superpower to help build Malaysia is at best disconcerting, if not outrightly imprudent.

The need for a wider debate or consultation from pertinent stakeholders, on pursuing such aggressive and excessive investment from China, has never been entertained, much less desired.

What are Malaysians to make out of all these 'wheelings and dealings', especially with an economic superpowerhouse like China, that they least understand?

Where are we really heading with this relationship with China is surely a question that bothers many discerning Malaysians, and arguably on both sides of the political divides.

Unlike the bold step of his late father in pursuing unprecedented strategic diplomatic ties with a more-than-taboo Communist China then, Najib Razak's recent moves, pale in comparison, 4 decades later.



OPINION

Dr Dzulkefly Ahmad

Meanwhile Najib courted Dalian Wanda Group, China's largest property and entertainment group. Incidentally, Wikipedia has it that Wanda Group is the world's biggest private property developer (The Economist, Feb 14, 2015). The local media didn't fail to report that as if Wanda's Chairman and China's richest man, Wang Jianlin was keen on the 'investment in Bandar Malaysia worth 'US\$10billion (RM43billion)'. To the chagrin of Najib, Wanda is ostensibly non-committal.

Be that as it may, in his hurried (read desperate) ways of getting China to 'heavily invest' in Malaysia, as if the world is to end if he fails, Najib ostensibly depicts one Prime Minister, who is in a real rush to solve his immediate predicament but seems oblivious of the grave downsides of doing so, on a longer time-line.

Hence, will we see a revival of the cancelled deal of the SSA, with the



consortium IWH-CREC, after the Chinese Prime Minister Li Keqiang told Najib that he wanted the SSA deal with the China Communist Party's owned CREC 'to remain unchanged'. If so, why must Najib relents, if taking the first action was correct and pertinent?

Amidst intense speculation bandied about that the deals were undertaken with the aim of settling the

outstanding debts arising from the scandal-ridden 1MDB project, the choice between a private company or a state run enterprise is surely pertinent much as it is also sinister.

Najib must be strongly reprimanded that while the nation is dire need of foreign investment, we deserves a better and a longer range view of the nation's sovereignty, dignity and destiny. Malaysia must

not be inadvertently politically compromised, as a result of being lording over, economically by the People Republic of China.

Time to make sense of where we are truly heading Mr Prime Minister!

■ **Dr Dzulkefly Ahmad is the Strategy Director of Parti Amanah Negara.**

Hadi's 'brilliant' move against editor of Sarawak Report

By **AZHAR 'ART' HARUN**

Iread somewhere that Hadi Awang has commenced a defamation suit against Clare Rewcastle-Brown, the owner of Sarawak Report in the London High Court.

This is over her allegation that money from 1MDB ended up with Hadi.

In every defamation action, one of the defences available to the defendant is justification. That means it is now open to Clare to say that what she wrote was factually true.

If this defence is relied on by Clare, she would then have to explain to the High Court what 1MDB is all about. She would have to tell the court the whole story about where

1MDB got its money from, how it spent it, where the money went and how some of it ended up with Hadi.

This would entail showing to the court the money trail in respect of the money that allegedly ended up with Hadi; all the bank accounts statements and documents.

Witnesses from the banks and 1MDB would have to be subpoenaed to testify. They would be ordered to bring in the requisite documents. They will be asked questions about the money.

If Clare's counsel thinks that the witnesses are not co-operating, he would treat them as hostile witnesses. That means he can cross-examine



them. That further means he can ask leading questions to them.

If the witnesses don't appear in court, I am sure he would ask for some kind of order to compel them to do so.

I am sure he would also obtain a pre-trial order of discovery against Hadi and PAS. These are orders to compel Hadi and PAS to produce all banking documents within a certain

period that are necessary to Clare's defence and relevant to the trial.

Findings by the Public Accounts Committee and the Auditor-General may also be tendered to show what this is all about.

In addition, or the alternative, Clare could also say that she was merely making fair comments about a matter of public interest. This is what we, lawyers call the defence of fair comment and qualified privilege.

To succeed in this defence, Clare would have to show that she wasn't motivated by any bad faith (mala fide) and that she was just commenting fairly on a matter of public interest.

She would of course have to refer to the Department of Justice (DoJ) proceedings and all the proceedings and/or investigations in Singapore, Switzerland and other countries and try to show that these are matters of public interest. To do this she might have to subpoena officers from the DoJ and the authorities from all the other countries to testify.

This is a tall order for Clare. It would be very, very difficult for her to win this case.

She will be ruined. Hadi has done the right thing by suing her.

I very rarely agree with Hadi. But this is a brilliant move by Hadi. - FMT

■ **Azhar 'Art' Harun is a lawyer.**

Sikap membisu tanda dokumen **SPRM Insider** benar

SAYA membaca laporan Malaysiakini mengenai keengganan Tan Sri Apandi Ali, Peguam Negara untuk mengesahkan sama ada dokumen dari laman *SPRM Insider* yang saya dedahkan selama lebih dua minggu adalah benar atau palsu.

Apabila beliau enggan menjawab dan menukar topik kepada isu lain setelah ditanya mengenai dokumen itu, secara tidak langsung beliau mengesahkan kesahihan dokumen-dokumen itu.

Sebelum ini, pihak berkuasa tidak pernah berlembang untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap saya walaupun isu yang saya bawa itu adalah berkenaan kepentingan awam.

Minggu ini, saya menghabiskan masa selama seminggu secara berterusan untuk dua kes berbeza yang dibawa Peguam Negara:

- 1) dakwaan di bawah BAFIA berkenaan pendedahan saya mengenai skandal NFC melibatkan keluarga Dato' Seri Shahrizat Jalil.
- 2) dakwaan di bawah Seksyen 499 Kanun Keseksaan kononnya menyebarkan berita buruk mengenai Tabung Haji atas pendedahan saya bahawa rizab Tabung Haji telah menjadi negatif seperti yang terkandung di dalam surat mantan

Pendapat Rafizi Ramli



Gabenor Bank Negara Malaysia, Tan Sri Zeti Akhtar Aziz.

Oleh itu, jika ada sedikit pun yang tidak benar mengenai dokumen *SPRM Insider* dan pendedahan-pendedahan yang saya telah buat setakat ini, saya yakin saya telah pun ditangkap dan didakwa.

Bukan itu sahaja, tidak ada seorang pun yang saya telah dedahkan menerima wang dari akaun peribadi Datuk Seri Najib Tun Razak yang telah membuat laporan polis atau menyaman saya atau menafikan dengan bukti.

Individu-individu paling penting (seperti berikut) pun tidak menafikan pendedahan saya:

- 1) Datuk Seri Najib tidak menafikan membelanjakan RM3.2 juta di kedai barang kemas mewah di Itali dalam satu hari yang dibayar dengan wang yang berasal dari SRC.
- 2) Datuk Amhari Nazaruddin, pegawai khas Datuk Seri Najib tidak menafikan syarikatnya *Orb*

Solutions Sdn Bhd menerima RM2 juta dari akaun peribadi Datuk Seri Najib dari wang yang berasal dari SRC.

3) Bank Negara Malaysia tidak menafikan bagaimana seorang yang bernama Ariffin Salleh telah menunaikan cek tunai bernilai RM43 juta dalam masa 3 minggu dalam Januari 2015 yang sudah tentu dikesan oleh Bank Negara; wang itu berasal dari SRC dan disyaki dari suntikan dana dari Tabung Haji.

4) Tabung Haji sehingga kini tidak mengeluarkan satu pun kenyataan menafikan penglibatannya dalam keseluruhan pindahan wang keluar masuk ke akaun SRC melalui suntikan

dana RM193.5 juta ke dalam Putra Perdana Berhad, yang mana anak-anak syarikatnya digunakan untuk "melapiskan" pindahan wang SRC ke akaun peribadi Datuk Seri Najib.

Apabila tidak ada seorang pun yang saya telah namakan secara terbuka menafikan atau membuat laporan polis, saya semakin yakin bahawa kesemua pendedahan itu dari dokumen *SPRM Insider* adalah benar.

Apatah lagi apabila Peguam Negara sendiri enggan menafikan kesahihan dokumen itu dan menukar tajuk perbualan apabila ditanya.

Oleh sebab itu, Peguam Negara tidak ada alasan untuk tidak mendakwa nama-nama yang saya

telah dedahkan setakat ini apabila SPRM menyiapkan kertas siasatan dan dihantar ke Kamar Peguam Negara dalam masa sebulan seperti yang disebut Tan Sri Apandi Ali.

Saya menanti Datuk Seri Najib dan Datuk Amhari Nazaruddin didakwa di mahkamah dalam masa terdekat. Jika tidak, rakyat akan menghakimi Peguam Negara yang bernama Apandi Ali ini.

■ **Rafizi Ramli ialah Ahli Parlimen Pandan dan Naib Presiden Keadilan.**



Insiden tampar artis **malukan** negara

Pendapat

Dr Mujahid Yusof



INSIDEN tampar semasa dialog artis bersama Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dalam taklimat TN50, 17 Mei lalu memalukan seluruh negara.

Tidak sepatutnya mana-mana pihak dikasari hanya kerana memohon sesuatu penjelasan. Lebih malang insiden tersebut berlaku di hadapan seorang Perdana Menteri yang dituduh mengamalkan kleptokrasi.

Adakah budaya 'bodek' sampai ke tahap 'gaban' untuk membuktikan kesetiaan dari kalangan artis? Apakah ini budaya (bodek) TN50 yang akan mewarnai

politik Malaysia di masa hadapan?

Golongan artis sepatutnya bebas seperti mana karya mereka, jangan dicek-mari dengan bodek dan diracuni amalan rasid.

Komentar di media sosial sudahpun beredar dengan membawa nuansa rasid hanya kerana mangsa yang dikasari adalah Cina dan yang mengkasari adalah Melayu.

Mesej insiden tampar adalah jelas, budaya bodek boleh mencemarkan nama baik PM, keterbukaan tidak ada dan PM kini merasai hasil budaya bodek yang didoktrinkan ke atas masyarakat seni.

■ **Datuk Dr Mujahid Yusof Rawa ialah Naib Presiden AMANAH dan Ahli Parlimen Malaysia.**



Insiden pengarah filem David Teoh ditampar pelakon Mat Over dalam program dialog TN50 yang dihadiri Najib.

→ **5** Termetrai ijab kabul Umno-Pas

→ **11** Nik Aziz tokoh reformasi fiqh

→ **29** Apabila profesor Melayu bodohkan Melayu



PP18978/03/2016(034450)

WAKTU Solat
BAGI ZON KUALA LUMPUR DAN KAWASAN-KAWASAN YANG SEWAKTU DENGANNYA.

SUMBER: JAKIM

TARIKH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
21.5.2017	5:30	5:40	7:01	13:13	16:36	19:21	20:35
22.5.2017	5:30	5:40	7:01	13:13	16:36	19:21	20:35
23.5.2017	5:30	5:40	7:01	13:13	16:36	19:21	20:35
24.5.2017	5:30	5:40	7:01	13:13	16:37	19:21	20:35
25.5.2017	5:30	5:40	7:01	13:13	16:37	19:21	20:35
26.5.2017	5:30	5:40	7:01	13:13	16:37	19:21	20:36
27.5.2017	5:29	5:39	7:01	13:13	16:37	19:22	20:36

Amanah

BIL 52 | 21 - 27 MEI 2017

5 PENGHALANG



→ Lima pemimpin yang menjadi penghalang hubungan antara Pas dan Bersatu serta penghubung kepada Umno iaitu dari kiri Khairudin, Ahmad Samsuri, Zuhdi, Nasrudin dan Nik Abduh.

BERSATU mendedahkan lima pemimpin Pas sebagai penghalang kerjasama antara dua parti itu manakala Mursyidul Am Pas pula berkata, kemungkinan Pas berkerjasama dengan Umno dalam pilihan raya nanti.

← **Laporan Lanjut muka 2**

Orang ramai akan pilih logo Pakatan Harapan

PAKATAN Harapan menyerahkan kepada rakyat untuk menentukan logo mereka apabila 10 logo terpilih dari 330 logo yang dihantar diserahkan kepada orang ramai untuk membuat penilaian.

Logo terpilih akan diserahkan kepada Majlis Presiden untuk dibuat keputusan muktamad sebelum didaftarkan kepada Pendaftar Pertubuhan (RoS) untuk didaftarkan gabungan baru politik Malaysia itu.

Demikian kata Ketua Setiausaha PH selepas mesyuarat Majlis Setiausaha 16 Mei lepas.

LAPORAN PENUH MUKA 2 ←

BUKU TERBARU KOMBO BUKU NUNJI tempah sekarang!

01132334322 untuk urusan pembelian

HANYA RM65

